




Mendukung Potensi Masa Depan

Laporan Tahunan Bersepadu 2022







MENDUKUNG POTENSI MASA DEPAN

'Mendukung Potensi Masa Depan' melambangkan jangkauan PNB terhadap pertumbuhan dan mencerminkan pendekatan proaktif dalam menerokai peluang baharu dan memanfaatkan peluang inovasi. Melalui tema ini, PNB tidak hanya menunjukkan komitmen terhadap peningkatan dan kemajuan berterusan, tetapi juga menyerlahkan dedikasinya terhadap kelestarian dan generasi masa hadapan.

PNB mengiktiraf bahawa masa hadapan dibentuk hasil tindakan yang dibuat hari ini dan komited sepenuhnya untuk mencipta masa hadapan mampan dan inklusif yang memberi faedah bukan hanya kepada pihak berkepentingan tetapi juga kepada komuniti yang disantuni. Dengan memberikan keutamaan kepada kelestarian dan amalan bertanggungjawab, PNB berhasrat memperkasa setiap komuniti dengan alat dan sumber yang diperlukan untuk berkembang dalam dunia yang sentiasa berubah.

'Mendukung Potensi Masa Depan' mencerminkan visi PNB terhadap masa hadapan mampan yang memberikan manfaat bukan sahaja pada masa kini tetapi juga memastikan masa depan sejahtera bagi generasi akan datang. Dengan tumpuan kepada inovasi, kelestarian, dan aspirasi generasi muda, PNB kekal berdedikasi dalam membentuk masa hadapan yang lebih baik untuk semua.

Dalam Laporan Ini

ASAS LAPORAN INI

KAMI ADALAH PNB

Sorotan Utama - Kewangan + Bukan Kewangan	04
Rantaian Nilai Mampan	08
Pendekatan Kami terhadap Kelestarian	10
Struktur Organisasi Kami	12

AMANAH DIBINA MELALUI KEPEMIMPINAN TEGUH

Lembaga Pengarah Yayasan Pelaburan Bumiputra	15
Lembaga Pengarah	16
Pasukan Kepimpinan	20

KAJIAN STRATEGIK

Perutusan Pengerusi Kumpulan	25
Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan	30

MENCIPTA NILAI

Sorotan Pasaran: Jejak Global, Falsafah dan Proses Pelaburan	39
Penglibatan bersama Pihak Berkepentingan Kami	42
Menentukan Apa yang Matan kepada Kami	43
Model Perniagaan Penciptaan Nilai Kami	44
Strategi Focus 4 Kami	46
Risiko yang Kami Pertimbangkan	50

PRESTASI PORTFOLIO

Perumpukan Aset Strategik	53
Pelaburan Strategik	55
Pasaran Awam	60
Pasaran Persendirian	68
Hartanah	72
Unit Amanah ASNB	76



MELANGKAH MAJU DENGAN KOMITMEN KEMAMPAHAN KAMI

MENDAYAKAN PERALIHAN KEPADA EKONOMI HIJAU 80

- Perusahaan Sifar Bersih menjelang tahun 2025 81
- Portfolio Sifar Bersih menjelang tahun 2050 83
- RM10 bilion dalam Aset Hijau dan Peralihan Baharu menjelang 2030 84

MENGALAKKAN EKUITI DAN KETERANGKUMAN 85

- Gaji Kehidupan Wajar di PNB menjelang tahun 2023 85
- Kertas Dasar Hak Buruh menjelang 2022 85
- 40% Wanita dalam Kepimpinan PNB menjelang tahun 2025 94
- Mengimbangi Keuntungan dan Pelaburan Sosial 94

MENGANJURKAN AMALAN TADBIR URUS YANG TEGUH 103

- Model Pengawasan Triple Bottom Line 103
- Ketelusan dalam Pengundian 104
- Pendedahan yang Seajar dengan TCFD 105



KEKUATAN BERTERUSAN DALAM TADBIR URUS

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat	114
• Prinsip A: Kepimpinan Lembaga Pengarah dan Keberkesanan	120
• Prinsip B: Keberkesanan Audit dan Pengurusan Risiko	124
• Prinsip C: Integriti Pelaporan Korporat dan Hubungan Bermakna dengan Pihak Berkepentingan	141
Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman	142

MELESTARIKAN NILAI KEWANGAN

Penyata Kewangan Profoma 5 Tahun Kumpulan PNB yang Digabungkan Serentak	158
Laporan Juruaudit Bebas	159
Dana Unit Amanah	160



ASAS LAPORAN INI

Kami mengalu-alukan pihak berkepentingan kami kepada Laporan Tahunan Bersepadu (IAR) sulung Permodalan Nasional Berhad (PNB). Laporan ini menandakan usaha kami untuk menambah baik amalan pelaporan dan pendedahan mengikut amalan terbaik global. Kami akan berusaha untuk menyediakan laporan yang ringkas dan padat, telus serta holistik yang menggariskan kedua-dua objektif kewangan dan yang berkaitan kelestarian, strategi dan kemajuan kepada pemegang kepentingan kami. Penyediaan IAR kami dipandu oleh prinsip di bawah Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu yang ditetapkan oleh Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa.

SKOP DAN SEMPADAN

Laporan ini menggariskan prestasi kewangan dan bukan kewangan kami dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022. Prestasi pelaburan kami, perumpukan aset strategik, dan portfolio pelaburan dibincangkan bersama-sama dengan penilaian cabaran, peluang, dan risiko yang dihadapi di sepanjang tahun yang telah memberi impak kepada prestasi kami.

RUJUKAN DAN GARIS PANDUAN

Laporan Tahunan Bersepadu PNB 2022 disediakan mengikut rangka kerja dan keperluan pendedahan berikut:

- Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG 2021)
- Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa
- Cadangan Pasukan Petugas mengenai Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD) dan;
- Keperluan kawal selia lain yang berkenaan

Kami juga dipandu oleh Inisiatif Pelaporan Global untuk memastikan pendedahan kemampunan kami memenuhi kriteria konsisten dan kebolehbandingkan yang ditetapkan.

Semua maklumat yang diberikan dalam Laporan ini adalah setakat 31 Disember 2022 melainkan dinyatakan sebaliknya.



NAVIGASI



Menunjukkan seksyen untuk anda mendapatkan lebih banyak maklumat dalam laporan ini



Menunjukkan seksyen untuk anda mencari lebih banyak maklumat dalam talian di www.pnb.com.my


PENYATAAN BERKAITAN MASA DEPAN

Laporan ini mengandungi kenyataan berpandangan ke hadapan tertentu yang berkenaan dengan prestasi masa hadapan perniagaan. Kenyataan ini diperoleh daripada langkah-langkah realistik berdasarkan andaian semasa dan pada masa pengeluaran Laporan ini. Walau bagaimanapun, keputusan sebenar mungkin berbeza secara material kerana ia bergantung pada keadaan yang mungkin atau tidak mungkin akan berlaku pada masa hadapan dan mungkin dipengaruhi oleh ketidakpastian yang dibentuk oleh keadaan ekonomi global atau negara dan faktor-faktor lain.

MAKLUM BALAS

Komen dan maklum balas anda amat berharga kepada kami dan kami mengalu-alukan sebarang pertanyaan berkaitan Laporan ini. Untuk berinteraksi dengan kami, sila e-mel ke info@pnb.com.my

Kami Adalah PNB




Sorotan Utama - Kewangan + Bukan Kewangan	04
Rantaian Nilai Mampan	08
Pendekatan Kami terhadap Kelestarian	10
Struktur Organisasi Kami	12

SOROTAN KEWANGAN UTAMA


PENDAPATAN KASAR PROFORMA 5 TAHUN KUMPULAN PNB YANG DIGABUNGAN SERENTAK

(RM Juta)




PENDAPATAN BERSIH PROFORMA 5 TAHUN KUMPULAN PNB YANG DIGABUNGAN SERENTAK

(RM Juta)





SOROTAN KEWANGAN UTAMA













SOROTAN KEWANGAN UTAMA

PERUMPUKAN ASET KUMPULAN PNB MENGIKUT KELAS ASET (%)

- Ekuiti Awam
- Pasaran Persendirian
- Hartanah
- Pendapatan Tetap
- Tunai dan Pasaran Wang
- Lain-lain



PRESTASI DANA UNIT AMANAH

	Ekuiti					Aset Campuran Imbang			Aset Campuran Konservatif	
	 ASN	 ASN Equity 2	 ASN Equity 3	 ASN Equity 5	 ASN Equity Global	 ASN Imbang 1	 ASN Imbang 2	 ASN Imbang 3 Global	 ASN Sara 1	 ASN Sara 2
Tahun Kewangan Berakhir (TKB)	31 Dis	30 Jun	31 Mac	30 Sep	31 Dis	30 Nov	31 Mac	31 Dis	31 Mac	30 Sep
Hasil pengagihan (%)	2.98	2.78	2.96	2.83	-	3.07	2.85	0.50	2.75	2.94
Jumlah pulangan (%)	(5.66)	(18.27)	(0.34)	(10.77)	(17.21)	(4.28)	(0.10)	(11.45)	0.10	(7.20)
Pendapatan bersih* (RM juta)	31.4	13.9	52.7	9.8	(90.7)	25.4	35.3	8.8	75.9	75.2
Unit dalam edaran TKB (bilion unit)	1.7	1.2	2.0	0.4	1.0	0.9	1.3	1.5	2.4	1.6

* Bahagian yang direalisasikan daripada jumlah pendapatan komprehensif, termasuk Rizab Kesamaan Pengedaran (DER)

SOROTAN KEWANGAN UTAMA



PERUMPUKAN ASET KUMPULAN PNB
MENGIKUT GEOGRAFI (%)

Antarabangsa

Ekuiti Awam	63.0%	Pendapatan Tetap	0.5%
Hartanah	18.2%	Tunai dan Pasaran Wang	5.3%
Pasaran Persendirian	13.0%		


Antarabangsa

Ekuiti Awam	69.2%
Hartanah	16.4%
Pasaran Persendirian	11.4%
Tunai dan Pasaran Wang	3.0%




AGIHAN PENDAPATAN (RM BILION)







Pengagihan Pendapatan Terkumpul



Pembayaran Pengagihan Pendapatan Tahunan



PRESTASI DANA UNIT AMANAH

	 ASB	 ASB 2	 ASB 3 Didik	 ASM	 ASM 2 Wawasan	 ASM 3
Tahun Kewangan Berakhir (TKB)	31 Dis	31 Mac	30 Jun	31 Mac	31 Ogos	30 Sep
Pengagihan (sen seunit)	4.60*+0.5**	4.30	4.25	4.00	3.75	3.75
Pendapatan bersih (RM juta)	6,193.1	515.7	273.6	786.6	774.1	608.1
Unit dalam edaran TKB (bilion unit)	186.2	12.0	7.1	22.1	23.5	15.3

* Terdiri daripada agihan pendapatan 3.35 sen seunit dan bonus 1.25 sen seunit

** Bonus tambahan 0.5 sen untuk baki sehingga 30,000 unit

KAMI ADALAH PNB

RANTAIAN NILAI MAMPAN

1 Pemegang unit melabur dalam produk-produk ASN B

2 PNB menguruskan pelaburan dana unit amanah

Membolehkan perkongsian kekayaan korporat kepada pemegang unit.

ASN B

Amanah Saham Nasional Berhad

Dana Unit Amanah Harga Tetap




Dana Unit Amanah Harga Berubah



PNB MENJALANKAN PROSES YANG MANTAP DARI HUJUNG KE HUJUNG DALAM PEMILIHAN PELABURAN




DENGAN MODEL TADBIR URUS KENDALIAN YANG BERKESAN



5 Pengagihan pendapatan tahunan kepada pemegang unit diperoleh daripada prestasi portfolio.

RANTAIAN NILAI MAMPAN



PENDEKATAN KE ARAH KELESTARIAN

Sejak penubuhan kami, kami telah menjadi penyokong kuat penciptaan nilai mampan jangka panjang. Kami menyedari peranan kami dalam membolehkan negara berkembang secara mampan dengan mengenal pasti peluang sambil mengurung dan meminimumkan risiko alam sekitar dan sosial.

Apabila dunia berkembang, perniagaan, komuniti dan alam sekitar menerima kesan daripada pelbagai faktor seperti anjakan makro ekonomi dan perubahan iklim. Kami menyedari keperluan untuk menyesuaikan diri dengan risiko dan cabaran baharu untuk memastikan penciptaan nilai berterusan untuk pemegang kepentingan kami. Oleh itu, kami sentiasa mengkaji dan mengingati semula pendekatan kami terhadap kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan landskap ESG persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah.

Pada April 2022, kami menubuhkan Rangka Kerja Kelestarian PNB dengan tiga teras utama dan 10 komitmen ESG untuk mengorak langkah kami dalam mencipta impak positif, di samping menjana nilai jangka panjang dan pulangan yang mampan untuk para pemegang kepentingan kami. Rangka kerja ini juga akan membimbing kami dalam mengukuhkan hubungan dengan syarikat pelaburan kami untuk membolehkan kami memanfaatkan dan menyampaikan nilai kelestarian melalui strategi dan matlamat yang sejajar. Memenuhi komitmen ini juga akan membolehkan kami menyumbang kepada peralihan ke arah ekonomi hijau dan membina masyarakat yang saksama dengan amalan tadbir urus yang baik.

MENJAJARKAN KEPADA MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (UN-SDGS)

Membina masa depan yang mampan memerlukan usaha kolektif yang melibatkan semua pihak berkepentingan. Di PNB, kami komited untuk menyumbang kepada pembangunan mampan negara dengan menjajarkan 10 komitmen ESG kami dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Diguna pakai oleh semua negara Anggota PBB sejak tahun 2015, SDG terdiri daripada 17 matlamat global yang membentuk pelan tindakan untuk keamanan dan kemakmuran global untuk manusia dan muka bumi ini menjelang tahun 2030.

Usaha kami adalah selaras dengan matlamat global berikut yang relevan, iaitu mengiktiraf bahawa menamatkan kemiskinan, ketidaksamaan dan kekurangan lain perlu dilakukan serentak dengan langkah-langkah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi, menangani perubahan iklim dan memulihara sumber asli. Oleh itu, kami telah menggariskan matlamat SDG yang berkaitan dengan 10 komitmen ESG kami.



10
Komitmen
ESG

1	Perusahaan Sifar Bersih menjelang tahun 2025	 12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION	 13 CLIMATE ACTION		
2	Portfolio Sifar Bersih menjelang tahun 2050	 12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION	 13 CLIMATE ACTION		
3	RM10 bilion dalam Aset-aset Baharu dan Peralihan menjelang 2030	 7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY	 9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE	 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES	 13 CLIMATE ACTION
4	Gaji Kehidupan Wajar di PNB menjelang tahun 2023	 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH	 10 REDUCED INEQUALITIES		
5	Kertas Dasar Hak Buruh menjelang tahun 2022	 5 GENDER EQUALITY	 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH	 10 REDUCED INEQUALITIES	

PENDEKATAN KE ARAH KELESTARIAN

ALAM SEKITAR

Mendayakan Peralihan ke Arah Ekonomi Hijau

Perkara utama teras ini adalah penyahkarbonan. Sebagai Syarikat Sifar Bersih, PNB akan berusaha mencapai pelepasan pencemaran sifar bersih untuk Skop 1 dan Skop 2 menjelang tahun 2025. Lebih penting lagi, di bawah Portfolio Sifar Bersih, komitmen PNB adalah untuk mengurangkan secara beransur-ansur keseluruhan pelepasan terkandung dalam portfolio kami menjelang tahun 2050. Ini akan melibatkan beberapa pengimbangan semula portfolio kami dari semasa ke semasa dan penglibatan aktif dengan syarikat pelaburan untuk menggalakkan mereka mengurangkan pelepasan pencemaran. Kedua-dua komitmen ini selaras dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara neutral karbon menjelang tahun 2050. PNB juga menyasarkan untuk memperuntukkan RM10 bilion modal baharu untuk dilaburkan menjelang tahun 2030 ke dalam aset hijau dan peralihan seperti karbon rendah dan amalan cekap tenaga, pelaburan dengan pemancar atau intensiti GHG rendah dan pembelian offset karbon, antara lain.

SOSIAL

Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

PNB akan memberi tumpuan terhadap hak buruh dalam penglibatan kami dengan syarikat pelaburan kerana isu buruh, termasuk buruh asing. Kami amat percaya isu hak buruh boleh menimbulkan risiko besar yang mampu menghalang prestasi syarikat serta berpotensi memberi kesan kepada kedua-dua hasil pendapatan dan penilaian syarikat. Kami juga akan terus menggalakkan kepelbagaian yang lebih besar dalam pasukan kepimpinan kami dan mengekalkan komitmen terhadap program CSR melalui tajaan pendidikan dan menyokong komuniti di sekeliling kami.

TADBIR URUS

Mendukung Amalan Tadbir Urus yang Teguh


Tadbir urus telah menjadi asas yang penting untuk PNB dan akan terus memainkan peranan penting dalam perjalanan kelestarian kami. Kami berpandangan bahawa tadbir urus bukan sekadar pematuhan atau mengikut amalan, tetapi juga membabitkan penglibatan yang betul dan berkesan dengan syarikat pelaburan kami. Di sinilah kami merancang untuk membuat pilihan dan rasional pengundian kami dengan jelas kepada orang ramai dan syarikat pelaburan untuk menyediakan ketelusan kepada pasaran tentang kedudukan kami memandangkan kedudukan kami sebagai pelabur besar dalam kebanyakan syarikat awam Malaysia.

6	40% Wanita dalam Pengurusan Kanan PNB menjelang tahun 2025	5	GENDER EQUALITY	10	REDUCED INEQUALITIES
7	Mengimbangi Keuntungan dan Pelaburan Sosial	1	NO POVERTY	2	ZERO HUNGER
8	Model Pengawasan Triple Bottom Line	4	QUALITY EDUCATION	8	DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH
9	Ketelusan dalam Pengundian	16	PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS	16	PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS
10	Pendedahan yang sejajar dengan TCFD	12	RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION	13	CLIMATE ACTION
		17	PARTNERSHIPS FOR THE GOALS		




THE GLOBAL GOALS
For Sustainable Development

STRUKTUR ORGANISASI



STRUKTUR ORGANISASI

● Unit Perniagaan ● Bahagian ● Jabatan ● Anak Syarikat yang Beroperasi



Amanah Dibina Melalui Kepemimpinan Teguh

Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pelaburan Bumiputra

15

Lembaga Pengarah

16

Pasukan Kepimpinan

20



LEMBAGA PEMEGANG AMANAH **YAYASAN PELABURAN BUMIPUTRA**



YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Pengerusi YPB /
Perdana Menteri Malaysia



YABHG TUN ARIFIN ZAKARIA

Bersara sebagai Pengerusi Kumpulan PNB berkuat kuasa 6 Mei 2023



YABHG TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BUANG

LEMBAGA PENGARAH



TUN ARIFIN ZAKARIA

Pengerusi Kumpulan
Pengaroh Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Bersara sebagai Pengerusi Kumpulan PNB berkuat kuasa 6 Mei 2023

Jantina : **Lelaki**
Umur : **73**
Warganegara : **Malaysia**

Tarikh Lantikan:
6 Mei 2021



KELAYAKAN

- LLB (Kepujian) dari University of Sheffield, United Kingdom
- Sarjana Undang-undang dari University of London, University College, United Kingdom
- Tetamu ke Badan Peguam Inggeris di Lincoln's Inn
- Ahli Kehormat Pengarah di Lincoln's Inn

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengerusi Amanah Saham Nasional Berhad dan Microlink Solutions Berhad (Vertice Berhad meletak jawatan berkuat kuasa 22 Ogos 2022)
- Pemegang Amanah Yayasan Pelaburan Bumiputra
- Presiden Inns of Court Malaysia
- Canselor Quest International University

PENGALAMAN KERJA

Tun Arifin Zakaria dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan PNB pada 6 Mei 2021. Sebelum pelantikan ini, Tun Arifin mempunyai perjalanan kerjaya yang panjang dan terbilang dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan. Beliau berkhidmat sebagai Ketua Hakim Negara Malaysia dari November 2011 hingga April 2017. Kerjaya perundangan cemerlang Tun Arifin bermula apabila beliau menyertai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia pada tahun 1974 sebelum dilantik sebagai Peguam Persekutuan di Bahagian Penasihat Jabatan, Peguam Negara dan seterusnya sebagai Majistret, Hakim Mahkamah Sesyen, Penolong Pendaftar Kanan dan Peguam Kanan Persekutuan dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri.



AHMAD ZULQARNAIN ONN

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan
Pengaroh Eksekutif Bukan Bebas

Jantina : **Lelaki**
Umur : **51**
Warganegara : **Malaysia**

Tarikh Lantikan:
1 Julai 2020



KELAYAKAN

- Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) dari Harvard University, Amerika Syarikat

PENGALAMAN KERJA

Ahmad Zulqarnain dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan dan Pengarah PNB pada 1 Julai 2020. Sebelum pelantikan tersebut, beliau merupakan Timbalan Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad. Beliau juga mengetuai Kumpulan Institusi Kewangan dan Unit Pengurusan Strategik Khazanah sepanjang tempoh perkhidmatannya. Sebelum menyertai Khazanah, beliau merupakan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Danajamin Nasional Berhad antara tahun 2009 hingga 2014 yang menyaksikan beliau menubuhkan syarikat insurans jaminan kewangan pertama di Malaysia. Beliau turut memegang peranan dalam pelbagai institusi kewangan dan syarikat, termasuk Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, syarikat pengurusan aset negara yang ditubuhkan pada tahun 1998 sebagai tindak balas dasar terhadap krisis kewangan Asia.

LEMBAGA PENGARAH



TAN SRI DATUK ZAINUN ALI

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Jantina : **Perempuan**
Umur : **71**
Warganegara : **Malaysia**

Tarikh Lantikan:
1 Januari 2019



KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Undang-undang (LLM) (Cantab) dari University of Cambridge, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LLB) (Kepujian) dari Universiti Malaya

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Allianz Malaysia Berhad

MAKLUMAT LAIN

- Ahli Lembaga Penasihat Rangkaian Integriti Kehakiman Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- Dilantik sebagai Naib Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa bermula pada 1 Julai 2020
- Hakim dalam Tribunal Pentadbiran Kumpulan Bank Pembangunan Islam (IsDb) Jeddah
- Perunding di Tetuan Zain & Co
- Penimbangtara berdaftar dengan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia di Kuala Lumpur
- Ahli Persatuan Hakim Wanita Antarabangsa yang berpangkalan di Washington D.C

PENGALAMAN KERJA

Tan Sri Datuk Zainun dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2019 selepas berkhidmat dengan Kerajaan dalam pelbagai jawatan dalam Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman sejak tahun 1976. Selepas berkhidmat sebagai Penasihat Undang-undang di Kementerian-kementerian yang merangkumi perkhidmatannya sebagai Pendaftar Syarikat dan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, beliau dinaikkan ke Kamar Mahkamah pada tahun 1996 sebagai Hakim Mahkamah Tinggi. Kemudiannya beliau dinaikkan pangkat ke Mahkamah Rayuan dan terakhirnya berkhidmat di mahkamah tertinggi pada tahun 2012 sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan.



DATUK DR. MOHD. YAAKUB HAJI JOHARI

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Jantina : **Lelaki**
Umur : **68**
Warganegara : **Malaysia**

Tarikh Lantikan:
1 Januari 2017



KELAYAKAN

- Doktor Falsafah (PhD) dalam Sosiologi dari University of Salford, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Sains (Pengajian Liberal) dari University of Manchester, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dari University of Sussex, United Kingdom

PENGALAMAN BEKERJA

Datuk Dr. Mohd. Yaakub telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2017. Beliau memulakan kerjaya sebagai pensyarah sambilan Sains Politik di Institut Teknologi MARA dan pada tahun 1983, beliau menyertai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah sebagai Penolong Pengarah (Penyelidikan dan Perundangan) di Jabatan Ketua Menteri. Beliau dilantik sebagai Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan Pengurusan) pada tahun 1984.

Beliau menyertai Institut Kajian Pembangunan, Sabah (IDS), badan pemikir rasmi Negeri sebagai Pengarah Bersekutu (Hal Ehwal Sosial) pada tahun 1985 dan kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Ketua Eksekutif/Felo Penyelidik Kanan pada 1991-1994. Beliau berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif/Ketua Eksekutif IDS selama 15 tahun dari 1994-2009 sebelum dilantik sebagai Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) dari 2009-2020. Beliau merupakan Pengerusi IDS berkuat kuasa mulai 14 Disember 2020 dan telah melepaskan jawatan itu berkuat kuasa 30 November 2021. Pada 1 April 2022, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengelola dan Lembaga Pengarah Universiti Kolej Yayasan Sabah (UCSF).

LEMBAGA PENGARAH



DATU HAJI SOEDIRMAN HAJI AINI

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



DATO DR. NIK RAMLAH NIK MAHMOOD

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Jantina : **Lelaki**
Umur : **67**
Warganegara : **Malaysia**

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Sarawak Plantation Berhad, Amanah Saham Sarawak Berhad, Sara Worldwide Vacations Berhad dan Damai Golf & Country Club Berhad

PENGALAMAN KERJA

Datu Haji Soedirman Haji Aini, berumur 67 tahun, dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2017. Beliau memulakan kerjaya dengan Petrolim Nasional Berhad pada tahun 1982 dan selepas berkhidmat selama 13 tahun dengan syarikat tersebut, beliau meletakkan jawatan pada tahun 1995 untuk menyertai Kerajaan Negeri Sarawak.

Sebelum bersara dari Kerajaan Negeri Sarawak pada 31 Disember 2018, Datu Haji Soedirman memegang jawatan sebagai Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC). Perkhidmatan beliau sebelum ini dalam Perkhidmatan Awam Sarawak termasuk menjawat Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Sosial, Pengarah Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian, Timbalan Setiausaha Kewangan Negeri dan Akauntan Negeri. Antara November 2002 dan September 2003, beliau dipinjamkan ke Amanah Saham Sarawak Berhad sebagai Ketua Pegawai Eksekutifnya. Sepanjang tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan Negeri Sarawak, beliau berkhidmat dalam pelbagai Lembaga termasuk Malaysia Liquefied Natural Gas Tiga dan Malaysian Investment Development Authority. Kini, beliau menganggotai Lembaga Pengarah syarikat senarai awam dan pelbagai syarikat berkaitan Kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

Tarikh Lantikan:
1 Januari 2017



KELAYAKAN

- Felo Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (UK)
- Akauntan Bertauliah Malaysia dari Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Mengikuti Program Dasar Makro Ekonomi dan Pengurusan di Harvard University

Jantina : **Perempuan**
Umur : **67**
Warganegara : **Malaysia**

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- United Malacca Berhad, Axiata Group Berhad, Edotco Group Sdn Bhd, Institute for Capital Market Research Malaysia (ICMR), INCEIF University, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Dialog Axiata PLC

PENGALAMAN KERJA

Dato Dr. Nik Ramlah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2019 dan Amanah Saham Nasional Berhad pada 1 Januari 2017. Beliau bersara pada bulan Mac 2016 setelah bekerja di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) selama hampir 23 tahun dengan memegang pelbagai jawatan daripada Pengurus Pembaharuan Undang-undang kepada Timbalan Ketua Eksekutif. Sepanjang tahun beliau berkhidmat di SC, Dato Dr. Nik Ramlah terlibat secara langsung dalam kebanyakan bidang pembangunan dan pengawalseliaan pasaran modal, menyediakan panduan strategik dan undang-undang dalam pembangunan produk dan pasaran, pasaran bon, pengurusan dana, tadbir urus korporat dan Kewangan Islam. Sebelum menyertai SC, Dato Dr. Nik Ramlah merupakan Profesor Madya di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya dan pernah berkhidmat sebagai Timbalan Dekan.

Tarikh Lantikan:
1 Januari 2019



QUALIFICATION

- Doktor Falsafah (PhD) dalam Undang-undang dari University of London, United Kingdom
- Sarjana Undang-undang dari University of London, United Kingdom
- Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya

LEMBAGA PENGARAH



DATO' JOHAN ARIFFIN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Jantina : **Lelaki**
Umur : **64**
Warganegara : **Malaysia**

Tarikh Lantikan:
1 Januari 2019



KELAYAKAN

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran) dari University of Miami, Coral Gables, Florida, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Ekonomi dari Indiana University, Bloomington Indiana, Amerika Syarikat

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengerusi Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (PHNB), Mitraland Group of Companies, Etiqa Insurance Pte Ltd dan Etiqa Life Centre for Insurance (Cambodia) Plc
- Etiqa Family Takaful Berhad dan Maybank Ageas Holdings Berhad

PENGALAMAN KERJA

Dato' Johan dilantik menganggotai Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2019. Beliau memulakan kerjayanya di Bahagian Hartanah Citibank. Selepas itu, beliau memegang pelbagai jawatan kanan dalam beberapa syarikat subsidiari senarai awam sambil menceburi sendiri bidang perundingan pemasaran dan pengiklanan serta perniagaan pembangunan hartanah yang berjaya. Kemudiannya beliau mengetuai Bahagian Hartanah Danaharta sebagai Pengurus Besar Kanan sebelum mengetuai TTDI Development Sdn Bhd sehingga Januari 2009. Beliau juga berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Malayan Banking Berhad selama sembilan tahun sehingga April 2018 dan Sime Darby Property Berhad sehingga Jun 2020. Beliau merupakan Pengerusi Battersea Project Holding Company Limited dari September 2015 hingga September 2018.



DATIN NORAZAH MOHAMED RAZALI

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Jantina : **Perempuan**
Umur : **53**
Warganegara : **Malaysia**

Tarikh Lantikan:
6 Mei 2021



KELAYAKAN

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Pengurusan, Imperial College Business School, University of London, United Kingdom
- Sarjana Muda Undang-undang (LLB) (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Diploma Pengurusan, Imperial College, United Kingdom

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Sime Darby Property Berhad dan MISC Berhad

MAKLUMAT LAIN

- Layak sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya.
- Dijemput ke Badan Peguam Malaysia pada tahun 1994.

PENGALAMAN KERJA



Datin Norazah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 6 Mei 2021.

Beliau memulakan kerjayanya dengan Tetuan Sidek, Teoh, Wong & Dennis sebagai peguamcara pada tahun 1994. Selepas memperolehi MBA di United Kingdom, beliau kembali ke Asia Tenggara dan menyertai firma perundingan pengurusan Booz, Allen & Hamilton di Singapura. Kemudiannya, beliau menyertai Boston Consulting Group (BCG) pada tahun 2000 sebagai perunding yang berpangkalan di Kuala Lumpur. Di BCG, Datin Norazah dinaikkan pangkat sebagai Prinsipal pada tahun 2007. Sebelum itu, beliau memegang jawatan sebagai Ketua Projek serta secara bergilir-gilir sebagai Ketua Pengambilan untuk Asia Pasifik.

Beliau dipilih sebagai Rakan Kongsi dan Pengarah Urusan BCG pada tahun 2010 serta ahli pasukan Kepimpinan Eksekutifnya untuk Asia Tenggara. Sebagai Rakan Kongsi, beliau menjalankan pelbagai peranan kepimpinan dalam firma itu termasuk, menerajui BCG Malaysia dari tahun 2011 sehingga 2014 dan Amalan Sektor Awam di Malaysia dari tahun 2012 hingga 2017.

Walaupun tidak lagi menjadi Rakan Kongsi dan Pengarah Urusan di BCG, Datin Norazah kekal sebagai Penasihat Kanan (Amalan Sektor Awam, BCG Malaysia) iaitu peranan yang dipikul beliau sejak Ogos 2017. Beliau memiliki lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam menasihati pelanggan sektor swasta dan awam mengenai transformasi dan pertumbuhan, penstrukturan semula serta pembangunan bakat.

PASUKAN **KEPIMPINAN**



MENYAMPAIKAN STRATEGI KAMI, MEMACU PRESTASI



PASUKAN KEPIMPINAN



4

RICK RAMLI
Ketua Pegawai Pelaburan,
Pelaburan Persendirian dan Strategik



5

MUZZAFFAR OTHMAN
Ketua Pegawai Eksekutif &
Pengarah Eksekutif, ASNB



6

**SHAHIN FAROUQUE JAMMAL
AHMAD**
Ketua Pelaburan Strategik Kumpulan



7

MOHAMAD IDROS MOSIN
Ketua Hartanah Kumpulan



11

ROSE ANITA JALIL
Ketua Pengurusan Dana




12

NURHALINI AZLY MINHAT
Ketua Proprietari PNB



13

SUZANA AHMAD
Ketua Pegawai Risiko



14

NIMMI KAMAL
Ketua Hal Ehwal Korporat Kumpulan



16

**FAIRUZ SUZANA HJ
KAMARUDDIN**
Ketua Pematuhan & Integriti Kumpulan



17

**NORAMLY BACHOK
ABDUL AZIZ**
Ketua Asurans Dalamann Kumpulan



18

DR. AHMAD BASRI IBRAHIM
Ketua Pengurusan Syariah



19

AISHAH FARHA MOHD RAIH
Ketua Pegawai Keselamatan
Maklumat

PASUKAN KEPIMPINAN

1 Ahmad Zulqarnain Onn

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

Mengemudi keseluruhan pelaburan, kewangan, operasi dan hala tuju strategik PNB untuk memastikan pertumbuhan dan kemampuhan perniagaan dalam mencapai mandat untuk meningkatkan kekayaan ekonomi Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia. Memastikan pelaksanaan visi dan misi syarikat untuk melindungi kepentingan jangka panjang pemegang saham, pemegang unit, kakitangan dan pihak berkepentingan yang lain.

2 Dato' Mohd Nizam Zainordin

Timbalan Presiden & Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

Memimpin dan mengemudi perancangan kewangan, belanjawan, pelaporan dan proses pemulihan PNB, selain memantau semua polisi dan proses perolehan untuk memastikan PNB memiliki kekuatan dan kesinambungan kewangan untuk melaksanakan Pelan Strategik syarikat dan keseluruhan operasi perniagaan.

3 Hanizan Hood

Ketua Pegawai Pelaburan, Pasaran Awam

Sebagai Pengurus Dana yang Ditetapkan, Hanizan mempunyai tanggungjawab secara keseluruhan terhadap fungsi pengurusan dana terhadap dana-dana unit amanah di bawah pengurusan PNB. Memimpin pengurusan ekuiti awam domestik dan global, pendapatan tetap, dan kelas aset tunai bagi PNB dan dana-dana tersebut. Memimpin dan menyelia fungsi pelaburan dari awal hingga akhir, termasuk penyelidikan ekonomi dan pelaburan, pengurusan portfolio, pelaksanaan, lindung nilai, perbendaharaan, operasi dan penyeliaan, serta pengurusan projek.

4 Rick Ramli

Ketua Pegawai Pelaburan, Pelaburan Persendirian dan Strategik

Mengemudi keseluruhan aktiviti operasi dan pelaburan yang merangkumi empat bidang utama iaitu Pelaburan Strategik, Pengawasan Pelaburan, Hartanah dan Pelaburan Ekuiti Persendirian. Tanggungjawab utama termasuklah menerajui penglibatan dengan syarikat Strategik dan Teras PNB, selain mengemudi keputusan pelaburan yang melibatkan kelas kecil aset di bawah portfolio Hartanah dan Ekuiti Persendirian bagi mencapai objektif pelaburan jangka panjang.

5 Muzzaffar Othman

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif, ASNB

Memimpin ASNB dalam membentuk dan melaksanakan strategi keseluruhan perniagaan bagi menggalakkan simpanan masyarakat Bumiputera dan rakyat Malaysia yang membolehkan perkongsian kekayaan korporat kepada pemegang unit. Strategi ini dilaksanakan menerusi penawaran produk dan perkhidmatan yang komprehensif serta rangkaian saluran yang luas di seluruh negara yang bertujuan meningkatkan jangkauan produk dan perkhidmatan ASNB dan menambah baik pengalaman para pemegang unit.

6 Shahin Farouque Jammal Ahmad

Ketua Pelaburan Strategik Kumpulan

Memimpin penglibatan dengan syarikat Strategik dan Teras PNB berkaitan dengan pembentukan dan pelaksanaan pelan penciptaan nilai termasuk inisiatif transaksional, operasi dan organisasi bertujuan untuk mengukuhkan lagi prestasi keseluruhan dan meningkatkan kemampuhan pulangan bagi pihak berkepentingan PNB.

7 Mohamad Idros Mosin

Ketua Hartanah Kumpulan

Memimpin dan menyelia pelaburan dan operasi hartanah PNB, termasuk aktiviti perbankan tanah, projek pembangunan, hartanah pelaburan, hospitaliti, aset pemulihan di negara ini serta dana pemilikan dan hartanah antarabangsa.

8 Mohd Irwan Ahmad Mustafa

Ketua Pasaran Persendirian Kumpulan

Memimpin dan mengurus semua pelaburan ekuiti persendirian PNB di bawah Rangka Kerja Pelaburan Persendirian berstruktur yang membolehkan penggunaan yang berkesan dan konsisten dalam kelas aset ini melalui pelaburan langsung dan pelaburan dana global.

9 Fadzhian Abbas Mohamed Ramlee

Ketua Pegawai Strategi

Memimpin pembangunan Pelan Strategik PNB serta memantau pelaksanaannya untuk memastikan organisasi mengekalkan tumpuan strategiknya. Beliau juga memimpin fungsi Perumpukan Aset Strategik dan Transformasi yang bertanggungjawab untuk mengawasi keseluruhan perumpukan aset jangka panjang PNB, penilaian prestasi dan menjajarkan proses pengurusan utama dengan strategi.

10 Norhanifah A.Jali

Ketua Pegawai Sumber Manusia

Mengemudi pembangunan strategi Modal Insan PNB dan memacu pelaksanaan rangka kerja Modal Insan yang bertujuan untuk memupuk bakat dan menyampaikan kecekapan. Memastikan aliran bakat yang berterusan dalam mendukung agenda kepimpinan PNB menerusi program biasiswa dan rangka kerja pengurusan bakat. Menerajui inisiatif pembudayaan yang membangunkan tenaga kerja berprestasi tinggi di PNB.

PASUKAN KEPIMPINAN

11 **Rose Anita Jali** Ketua Pengurusan Dana

Memimpin pengurusan portfolio pelaburan dana unit amanah, yang terdiri daripada pelbagai aset dana harga tetap dan harga berubah. Bertanggungjawab untuk membangun dan melaksana pelan perumpukan aset dan strategi pelaburan, bagi mencapai objektif dan mandat dana, termasuk menyelia pengurusan dana luaran ekuiti awam dan bekerja rapat dengan pengurus kelas aset, serta mengurus pelaburan dana mengikut parameter risiko yang ditetapkan.

12 **Nurhalini Azly Minhat** Ketua Proprietari PNB

Memimpin keseluruhan strategi bersepadu liabiliti aset Dana Proprietari PNB, melalui kerjasama rapat dengan Strategi dan pengurus kelas aset lain. Mengawasi secara langsung pengurusan portfolio ekuiti awam, pendapatan tetap dan pasaran wang Dana Proprietari PNB. Bertanggungjawab ke atas fungsi perbendaharaan PNB, merangkumi pengurusan kecairan dan keperluan pembiayaan PNB merentas pelbagai kelas aset.

13 **Suzana Ahmad** Ketua Pegawai Risiko

Memimpin pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi (ERM) seluruh Kumpulan PNB. Perkara ini dapat dilakukan dengan merumuskan selera risiko dan infrastruktur yang koheren untuk menyokong strategi pengurusan risiko, perancangan dan pembangunan satu sistem pencegahan dan pemulihan dari ancaman berpotensi serta melaporkan isu-isu pengurusan risiko seluruh organisasi untuk menyokong proses membuat keputusan dan pengawasan risiko yang berkesan.

14 **Nimmi Kamal** Ketua Hal Ehwah Korporat Kumpulan

Bertanggungjawab untuk menyatupadukan komunikasi strategik, usaha kelestarian dan pelaburan sosial organisasi. Sebagai pemegang amanah jenama korporat PNB, beliau mendukung reputasi PNB sebagai firma pelaburan distinktif bertaraf dunia serta memacu formulasi dan pelaksanaan inisiatif penjenamaan. Beliau juga memimpin perubahan dalam amalan Perusahaan ESG organisasi, berkolaborasi dan menyepadukannya dalam usaha organisasi menuju ke arah Masa Hadapan Sifar Bersih.

15 **Hartini Zainal Abidin** Ketua Setiausaha Syarikat & Undang-Undang Kumpulan

Menerajui dan menyelia peruntukan fungsi nasihat undang-undang dalam menangani isu perundangan dan risiko unit perniagaan dalam Kumpulan PNB. Juga, mengetuai fungsi kesetiausahaan korporat Kumpulan PNB dalam menyediakan sokongan yang mencukupi kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya untuk semua urusan pentadbiran dan tadbir urus yang berkaitan dengan Lembaga Pengarah.

16 **Fairuz Suzana Hj Kamaruddin** Ketua Pematuhan & Integriti Kumpulan

Memimpin Bahagian Pematuhan & Integriti dan memikul tanggungjawab utama dalam merancang dan melaksanakan Program Pematuhan dan Integriti untuk Kumpulan PNB dalam memastikan kepatuhan sepenuhnya terhadap semua keperluan pengawalseliaan, polisi dan prosedur dalaman yang relevan dalam operasi perniagaan selain mengekalkan tadbir urus korporat yang baik dan piawaian etika tertinggi.

17 **Noramly Bachok Abdul Aziz** Ketua Asurans Dalaman Kumpulan

Memimpin fungsi audit dalaman untuk memberikan jaminan bebas dan objektif serta aktiviti perundingan dengan menilai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan proses tadbir urus, pengurusan risiko, kawalan dalaman dan sistem pengurusan kualiti dalam Kumpulan PNB.


18 **Dr. Ahmad Basri Ibrahim** Ketua Pengurusan Syariah

Memimpin Jabatan Pengurusan Syariah yang memikul peranan Sekretariat kepada Jawatankuasa Penasihat Syariah PNB, dan menguruskan semua perkara kewangan Islam dan berkaitan Syariah dalam Kumpulan PNB serta mengambil inisiatif untuk meningkatkan lagi kepatuhan Syariah produk-produk unit amanah ASNB.

19 **Aishah Farha Mohd Raih** Ketua Pegawai Keselamatan Maklumat

Menerajui keseluruhan strategi, program dan fungsi keselamatan siber dan maklumat. Mengawasi pengenaltastian, pembangunan, pelaksanaan dan mengemaskini dasar, pemrosesan, atau kawalan untuk seluruh organisasi bagi mengurangkan risiko IT selaras dengan objektif perniagaan. Mengetuai pengurusan keselamatan aset-aset maklumat dan teknologi untuk melindungi data para pemegang unit, pihak berkepentingan dan kakitangan.

Kajian Strategik



Perutusan Pengerusi Kumpulan

25

Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

30

PERUTUSAN PENGERUSI KUMPULAN

Para Pemegang Unit yang dihormati,

Dalam tahun yang boleh dianggap paling mencabar dan ditanda dengan keadaan pasaran paling sukar pernah dihadapi oleh Kumpulan, saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa PNB kekal bertahan untuk memenuhi mandat kami dalam meningkatkan kekayaan komuniti Bumiputera dan semua rakyat Malaysia. Pada tahun ini, kami terus memberikan pulangan yang munasabah kepada pemegang unit kami setelah berjaya mengharungi keadaan pasaran yang tidak menentu dengan strategi yang kukuh. Selain itu, kami melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan daya tahan, tadbir urus dan kemampuan keseluruhan Kumpulan.

Tun Arifin Zakaria
Pengerusi Kumpulan



BERGERAK PROGRESIF DENGAN TUJUAN

Pada tahun ini, kami memutuskan untuk memberikan gambaran menyeluruh mengenai kemajuan, cabaran, dan peluang-peluang yang ada, dengan menonjolkan komitmen terhadap penciptaan nilai. Untuk itu, kami telah mengambil pendekatan Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu dan memulakan perjalanan ke arah ketelusan dan akauntabiliti. Saya berbesar hati untuk membentangkan Laporan Tahunan Bersepadu pertama PNB bagi tahun 2022, yang menghuraikan usaha penciptaan nilai dan prestasi kami dalam konteks kewangan dan bukan kewangan, sambil berusaha untuk terus menjana pulangan positif bagi pemegang unit kami.


Tinjauan Pasaran

Tahun 2022 membawa cabaran yang belum pernah terjadi sebelumnya bagi PNB, walaupun kami telah menghadapi banyak krisis kewangan sejak penubuhan kami pada tahun 1978. Daripada krisis "Black Monday" pada tahun 1987 kepada krisis kewangan Asia 1997-1998, dan krisis kewangan global 2008-2009, bukan sedikit cabaran turun naik pasaran yang telah kami harungi. Namun, tahun 2022 menyaksikan kejadian yang jarang berlaku, dengan pasaran bon dan saham mengalami penurunan, sesuatu yang hanya berlaku tujuh kali sejak aktiviti penyimpanan rekod bermula pada tahun 1872, dengan kejadian terakhir berlaku lebih separuh abad yang lalu.

PERUTUSAN PENERUSI KUMPULAN

Malah, magnitud kemerosotan yang dilihat pada 2022 adalah yang paling teruk dalam rekod, menyerlahkan keadaan yang begitu serius.

Rajah 1: Jumlah prestasi pulangan tahunan S&P 500 dan Perbendaharaan 10 Tahun AS sejak 1872



Sumber: GFD, Deutsche Bank

Pandemik COVID-19 mencetus situasi kewangan yang jarang berlaku ini. Tindak balas awal terhadap pandemik ini termasuk dasar kewangan yang amat longgar dan suntikan fiskal yang besar, tetapi, pendekatan ini sebaliknya memberi kesan buruk pada tahun 2022 apabila COVID-19 mula mereda dan permintaan pengguna melonjak, mendorong kepada peningkatan kadar inflasi global ke paras tertinggi dalam beberapa dekad ini. Halangan bekalan dan konflik berterusan antara Rusia dan Ukraine terus meningkatkan tekanan inflasi ini.


Bagi menangani tekanan inflasi yang semakin meruncing, bank-bank pusat utama termasuk Rizab Persekutuan, European Central Bank, dan Bank of England bertindak balas dengan menaikkan kadar faedah secara mendadak. Malangnya, tindakan ini menyebabkan penurunan tajam dalam nilai bon dan saham, dan kos pinjaman korporat melonjak, memburukkan lagi kegawatan kewangan. Selain itu, pasaran pertukaran asing juga mengalami ketidaktentuan ekstrem, menyaksikan Ringgit Malaysia merudum kepada paras terendah berbanding Dolar AS pada November 2022.

MENUNAIKAN STRATEGI KAMI

Walaupun berada dalam persekitaran pasaran yang luar biasa ini, Kumpulan PNB dapat menjana pulangan positif bagi pemegang unitnya kerana syarikat menumpukan usaha serta sumber untuk melaksanakan strategi Focus 4. Seperti yang akan diterangkan dalam laporan ini dengan lebih terperinci, setiap strategi ini telah berperanan penting dalam membolehkan PNB mengharungi ketidaktentuan tahun 2022 dan telah membentuk asas yang kukuh untuk kami lebih berdaya tahan melangkah ke hadapan.

Untuk itu, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengulas secara ringkas kemajuan kami di bawah empat strategi tersebut pada tahun lalu. Pertama, usaha kepelbagaian yang dijalankan sedikit terhalang oleh kelemahan Ringgit Malaysia dan walaupun ini menyebabkan kami mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati terhadap pelaburan pada masa akan datang, kami telah dapat melihat kemajuan yang bermakna setakat ini. Sebagai contoh, pelaburan antarabangsa PNB kini membentuk 19.2% daripada portfolio pada tahun 2022 berbanding 17.0% pada tahun 2021, manakala pelaburan dalam hartanah meningkat kepada 6.1% pada tahun 2022 daripada 5.2% pada tahun 2021. Kami juga terus mengkaji semula Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik kami untuk memastikan perumpukan aset terus relevan dan konsisten dengan selera risiko kami dalam pasaran yang sentiasa berubah.

PERUMPUKAN ASET KUMPULAN PNB MENGIKUT KELAS ASET (%)



PERUTUSAN PENERUSA KUMPULAN


PERUMPUKAN ASET KUMPULAN PNB MENGIKUT GEOGRAFI (%)

Antarabangsa

Ekuiti Awam	63.0%	Pendapatan Tetap	0.5%
Hartanah	18.2%	Tunai dan Pasaran Wang	5.3%
Pasaran Persendirian	13.0%		

Antarabangsa

Ekuiti Awam	69.2%
Hartanah	16.4%
Pasaran Persendirian	11.4%
Tunai dan Pasaran Wang	3.0%



Kedua, kami telah mencatat kemajuan signifikan dalam memperkukuh pengurusan risiko melalui pelbagai inisiatif termasuk memanfaatkan digitalisasi untuk melaksanakan sistem pemantauan dan pelaporan yang membolehkan kami mengendalikan risiko secara proaktif dan berkesan. Ketiga, usaha transformasi organisasi telah berjalan baik dengan penubuhan unit-unit perniagaan khas dan pelaksanaan sistem asas IT baharu bagi ASNB serta usaha mampuan untuk membangunkan bakat dalam kalangan komuniti Bumiputera.

Yang terakhir dan paling penting, kami telah mengukuhkan komitmen dalam penciptaan nilai dengan memperkuatkan peranan sebagai ketua pengawasan syarikat-syarikat strategik dan teras kami. Walaupun dividen yang diterima meningkat dengan stabil, kami percaya semua pelaburan ini mempunyai potensi yang besar untuk mencapai hasil yang lebih baik tidak hanya dalam konteks prestasi kewangan, tetapi juga dalam konteks bukan kewangan. Kami memacu usaha ini melalui dua platform utama yang direalisasikan pada tahun 2022. Pertama, melalui Rangka Kerja Kelestarian dan yang kedua adalah penubuhan Bahagian Pengawasan Pelaburan.

PENGAWASAN MELALUI AMALAN KELESTARIAN YANG LEBIH BAIK

Kemampuan mana-mana perniagaan untuk mencipta nilai secara berterusan dalam tempoh yang panjang berkait rapat secara intrinsik dengan amalan kelestarian perniagaannya. Di PNB, kami menyedari bahawa landskap korporat telah berkembang ke tahap di mana prestasi ESG telah menjadi sama pentingnya dengan prestasi kewangan. Dalam beberapa kes, tumpuan pada ESG telah menjadi keutamaan utama organisasi,



Lebih pilihan untuk Akaun Pembiayaan!



PERUTUSAN PENERUSI KUMPULAN

terutamanya apabila aktiviti perniagaan mereka mempunyai impak yang ketara terhadap alam sekitar. Memandangkan kedudukan unik kami dalam landskap korporat Malaysia, kami berada pada kedudukan yang ideal bukan sahaja untuk mendorong prestasi ESG yang lebih baik dalam kalangan syarikat pelaburan kami, tetapi juga untuk mengambil peranan pengawasan dalam melakukannya.

Pembentukan Rangka Kerja Kelestarian PNB pada April 2022 dengan 10 komitmen ESGnya adalah satu peristiwa penting bagi Kumpulan. Rangka kerja ini bukan sahaja menunjukkan dedikasi kami kepada amalan perniagaan yang bertanggungjawab dan mampan, tetapi juga memperlihatkan peranan kami dalam memacu perubahan positif merentasi landskap korporat. Selain menggariskan laluan kami ke arah mencapai pelepasan GHG sifar bersih di peringkat Perusahaan dan Portfolio, kami menasaskan untuk mempengaruhi dasar buruh secara positif dan meningkatkan tadbir urus dalam semua syarikat pelaburan kami. Kami percaya bahawa penciptaan nilai dan pemeliharaan nilai juga boleh diperkukuhkan dengan memastikan syarikat-syarikat pelaburan kami sendiri mempunyai struktur tadbir urus yang kukuh.

 [Rujuk seksyen Komitmen Kelestarian.](#)

Pada akhirnya, Rangka Kerja Kelestarian ini dibentuk bagi memberikan manfaat bukan sahaja kepada pemegang kepentingan kami, tetapi juga kepada pasaran yang lebih luas serta negara. Dengan menanamkan amalan terbaik merentasi semua anak syarikat dan rakan sekutu kami, kami menasaskan untuk bertindak sebagai penjaga, fasilitator dan rakan kongsi penciptaan nilai kepada pemegang kepentingan kami. Walau bagaimanapun, kami juga menyedari bahawa ada lebih banyak yang perlu dipelajari, dan kami mencari peluang secara aktif untuk memperluas pengetahuan dengan melibatkan diri dengan para pengamal di seluruh dunia. Dengan mengamalkan sifat keterbukaan dan menerima idea dan pendekatan baharu, kami dapat memastikan untuk terus mencapai kemajuan dan kekal di barisan hadapan amalan perniagaan yang mampan.

Kami menyedari bahawa sesetengah syarikat pelaburan kami mungkin berada agak jauh dalam perjalanan kelestarian mereka, dan kami percaya bahawa dengan memupuk kerjasama dan perkongsian pengetahuan di antara mereka, kami dapat mempercepatkan kemajuan ke arah mencapai matlamat kolektif kami. Untuk tujuan ini, kami menubuhkan 'komuniti amalan' yang terdiri daripada Ketua Pegawai Kelestarian daripada 12 syarikat strategik dan teras kami untuk bertukar-tukar pengetahuan dan amalan terbaik. Platform ini menjadi ruang kolaborasi bagi semua syarikat bertukar-tukar amalan terbaik dan pelajaran praktikal untuk mengintegrasikan kelestarian ke dalam operasi mereka. Di samping itu, kami memudahcara sesi perkongsian pengetahuan yang khusus kepada pasaran karbon sukarela. Sesi ini memberi peluang kepada semua syarikat untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang kredit karbon dan usaha Bursa Malaysia dalam melancarkan pasaran karbon.

PENGAWASAN MELALUI TADBIR URUS TERBAIK

Menyedari kepelbagaian pemegangan kepentingan dan kerumitan menguruskan pelaburan dalam portfolio syarikat-syarikat yang besar, kami telah menubuhkan Bahagian Pengawasan Pelaburan. Antara lain, bahagian ini memainkan peranan penting dalam membantu menjajarkan kepentingan dan menggalakkan penciptaan nilai jangka panjang yang mampan. Portfolio pelaburan kami, menawarkan potensi pertumbuhan terbesar dan, pada masa yang sama, membawa risiko terbesar.

Untuk meningkatkan lagi keupayaan kami memperoleh hasil positif daripada semua pelaburan ini, kami telah memperkenalkan Rangka Kerja Pengawasan, yang meletakkan PNB sebagai pengawas yang aktif dan terlibat dalam meningkatkan proses penciptaan nilai syarikat pelaburan kami. Di samping Rangka Kerja Pengawasan ini memfokuskan pada empat bidang utama, kami percaya bahawa tadbir urus adalah aspek yang paling kritikal, kerana ia merupakan asas kepada semua aktiviti penciptaan nilai. Dengan memberi tumpuan kepada tadbir urus yang baik, kami menasaskan untuk memacu proses membuat keputusan yang lebih baik, memupuk amalan perniagaan yang beretika dan menggalakkan akauntabiliti dalam kalangan syarikat pelaburan kami.

PNB mengiktiraf kepentingan tadbir urus sebagai pemacu utama penciptaan nilai dan oleh itu memberi penekanan yang besar dalam memastikan ketelusan dalam pengundian dan kepimpinan lembaga pengarah yang berkesan dalam kalangan syarikat pelaburan kami. Kami telah mencapai kemajuan yang ketara pada tahun 2022, membangunkan rangka kerja dalaman untuk menilai pengarah, ketua eksekutif dan pekerja misi kritikal syarikat pelaburan kami. Kami mengutamakan penilaian keberkesanan lembaga pengarah dari segi komposisi, dinamik dan kemahirannya, dan berhasrat untuk mengembangkan penilaian kami dengan memasukkan penerusi pada masa hadapan.

 [Rujuk kepada Ketelusan dalam Pengundian untuk maklumat lanjut.](#)

RANGKA KERJA PENGAWASAN

Pengawasan jangka panjang

Jangkaan dan KPI yang jelas

Imbuan sejajar dengan KPI

Peruntukan modal yang berdisiplin

Akauntabiliti melalui ketelusan

Penglibatan Pelabur Bersama

Advokasi bagi pihak syarikat pelaburan

Kepakaran pelengkap

Platform untuk pertukaran idea atau maklumat

Rakan kongsi / Pelabur yang Menambah Nilai

Peneraju Pengawasan Pelaburan

Penumpuan ESG


Jangkaan
Prestasi
Tinggi


Rakan
Kongsi yang
Menambah Nilai

PERUTUSAN PENERUSA KUMPULAN

Sebagai salah satu pelabur institusi terbesar di Malaysia, PNB menyedari kedudukan unik kami dalam mempengaruhi perubahan positif ekosistem pelaburan. Kami berhasrat untuk menggalakkan ketelusan dan pendedahan yang lebih besar dalam kalangan syarikat pelaburan kami, bermula dengan komitmen kami sendiri untuk menerbitkan keputusan pengundian sekurang-kurangnya lima hari sebelum mesyuarat agung tahunan. Dengan berbuat demikian, kami berharap dapat menggalakkan dialog terbuka dan penglibatan yang membina dengan syarikat pelaburan, dan menyediakan masa yang mencukupi untuk para pemegang saham mempertimbangkan dan memahami sebarang resolusi yang dicadangkan.

 Rujuk Komitmen Model Pengawasan Triple Bottom Line untuk butiran lanjut

PANDANGAN

Ekonomi global dijangka menghadapi satu lagi tahun yang mencabar pada 2023, dikaitkan dengan kenaikan kadar faedah yang telah mendedahkan kerapuhan sistem perbankan. Pada bulan Mac 2023, Silicon Valley Bank (SVB) runtuh berikutan aktiviti pengeluaran simpanan oleh pelanggan secara besar-besaran, dan ini diikuti oleh dua bank Amerika yang lain, Silvergate Bank dan Signature Bank, dengan pendedahan ketara kepada mata wang kripto, juga runtuh. Kejutan terbesar ialah kejatuhan Credit Suisse, sebuah bank di dalam kategori "Globally Systemically Important Bank (G-SIB)" yang telah diambil alih sepenuhnya oleh pesaingnya yang lebih besar, UBS.

Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan pertumbuhan lebih perlahan sebanyak 2.8% bagi ekonomi dunia pada 2023, berbanding 3.4% pada 2022, dengan kelembapan lebih ketara dalam ekonomi maju, yang dijangka berkembang hanya 1.3% pada 2023, turun daripada 2.7% pada 2022. Walaupun bank pusat di seluruh dunia berharap untuk

memperlahankan pertumbuhan dan mengekang inflasi tanpa penurunan ekonomi, sejarah menunjukkan keperluan untuk berjaga-jaga dan berhati-hati. Dari segi geopolitik, konflik antara Rusia dan Ukraine masih tidak dapat diselesaikan, dan ketegangan antara AS dan China berterusan, terutamanya mengenai isu berkaitan Taiwan. Faktor-faktor ini berpotensi membawa kepada ketidakpastian dalam pasaran kewangan.

Dalam persekitaran yang sangat tidak menentu ini, PNB kekal berwaspada dan teguh dalam memberi perkhidmatan kepada pemegang unit kami. Sebagai pelabur jangka panjang, kami komited untuk merebut peluang yang timbul semasa krisis kewangan. Dengan pengukuhan keupayaan pengurusan risiko, kami yakin dapat meminimumkan sebarang kesan buruk ke atas pelaburan kami, sambil terus memberikan pulangan yang mampan dan kompetitif kepada para pemegang unit kami.

PENGHARGAAN


Saya ingin merakamkan rasa syukur yang tidak terhingga kepada seluruh pasukan PNB atas dedikasi dan komitmen yang tidak berbelah bahagi, terutamanya pada masa yang mencabar ini. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, para Pengarah, pengurusan kanan dan kakitangan telah mempamerkan daya tahan yang luar biasa dan kekal fokus untuk berkhidmat kepada pemegang unit kami.

Kami berazam untuk menjunjung komitmen kami dalam memberi khidmat kepada para pemegang unit dan berusaha memberikan hasil terbaik walaupun berhadapan dengan cabaran. Kami sedar akan kemungkinan halangan sepanjang perjalanan ini, tetapi kami bertekad untuk mengejar kecemerlangan dan akan terus tabah dalam memberikan hasil terbaik kami.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pemegang unit kami atas kepercayaan mereka kepada PNB dan sokongan padu yang diberikan dalam masa yang sukar ini. Keyakinan anda terhadap kami merupakan satu peringatan tulus tentang tanggungjawab untuk bekerja tanpa mengenal jemu bagi memenuhi jangkaan dan terus memperolehi kepercayaan anda.

Akhir sekali, saya juga ingin memaklumkan kepada semua pihak berkepentingan bahawa tempoh perkhidmatan saya sebagai Pengerusi Kumpulan telah tamat berkuat kuasa pada 6 Mei 2023. Saya ingin mengalu-alukan kedatangan YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad dan mengucapkan selamat maju jaya kepada beliau yang akan mengambil alih tampuk kepimpinan pada masa persekitaran operasi yang mencabar.

Tun Arifin Zakaria
Pengerusi Kumpulan



ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

Para Pemegang Unit yang dihormati,

Tahun 2022 adalah tahun ketiga pandemik COVID-19. Ia telah menjadi tahun yang tidak dijangka dan luar biasa, kerana persekitaran pasaran berubah daripada sikap optimis berikutan pembukaan semula dunia daripada sekatan COVID kepada tahun yang menyaksikan inflasi dan risiko akibat kemelesetan begitu tinggi dalam fikiran pelabur.

Ahmad Zulqarnain Onn
Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan



MENCIPTA NILAI DAN MENYAMPAIKAN HASIL

Dunia memulakan tahun 2022 dengan gambaran positif apabila kerajaan di seluruh dunia mula menghapuskan sekatan ke atas pergerakan dan perjalanan. Di Malaysia, ekonomi dibuka semula sepenuhnya pada 1 April 2022 apabila sekatan sempadan antarabangsa ditarik balik dan banyak peraturan dan sekatan pandemik dihapuskan. Prospek aktiviti ekonomi dan perdagangan yang lebih kukuh memberi petanda baik bagi ekonomi. Sementara negara mendapat faedahnya dengan merekodkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 8.7% pada 2022, kadar pertumbuhan terpanjang sejak 2000, faktor lain didapati memberi impak kepada pasaran modal dan harga-harga aset.


Selepas 14 tahun dengan kadar faedah rendah hingga sifar dan kejutan bekalan akibat perang antara Rusia dan Ukraine, inflasi akhirnya memuncak. Bank pusat di seluruh dunia mula menaikkan kadar faedah secara agresif. Kadar dan magnitud kenaikan kadar faedah membawa kepada salah satu prestasi tahunan terburuk untuk kedua-dua pasaran bon dan ekuiti.

ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

Walaupun dalam suasana yang amat mencabar pada 2022, saya berasa sukacita untuk melaporkan bahawa Warga PNB telah menyahut cabaran tersebut dan berjaya mengharungi keadaan getir dan memastikan pengagihan pendapatan kepada para pemegang unit kami kekal kompetitif. Saya memperakui usaha pasukan yang bekerja keras untuk mencapai sasaran kami dan menjadi lebih tangkas dan proaktif, selain mengamalkan sikap berhemat sejajar dengan persekitaran pasaran.

Tahun ini juga menyaksikan strategi Focus 4 kami telah melabuhkan tirainya sekali gus memberi kami peluang melihat kembali apa yang telah kami capai. Melalui Focus 4, kami telah mengagihkan pendapatan lebih RM35 bilion antara tahun 2020 hingga 2022, dengan melaksanakan strategi kepelbagaian, penciptaan nilai, pengurusan risiko dan transformasi organisasi secara teliti. Kami juga telah mencapai kemajuan yang signifikan dalam perjalanan kelestarian dengan pelancaran Rangka Kerja Kelestarian kami. Kami mencatat kemajuan baik dalam kesemua 10 komitmen ESG yang digariskan dalam rangka kerja ini, dan akan saya huraikan dengan lebih terperinci di dalam pernyataan ini.

Di samping itu, kami telah melakukan penambahbaikan operasi bagi memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada para pemegang unit, mengembangkan penawaran produk kami dengan pelancaran dana unit amanah sukuk dan terus mendekati rakyat Malaysia dalam aspek literasi kelestarian dan kewangan.


 Sila rujuk muka surat 46 hingga 47 untuk maklumat lanjut berkaitan kejayaan Focus 4.




PRESTASI DANA

Aset di bawah pengurusan (AUM) kami terus berkembang, mencerminkan kepercayaan yang diberikan oleh para pemegang unit terhadap keupayaan pengawasan dan pelaburan kami. Unit dalam edaran (UIC) untuk semua dana meningkat kepada 282.9 bilion unit manakala bilangan akaun baharu meningkat sebanyak 400,000 kepada 15.2 juta akaun.


AUM (RM bilion)



UIC (bil units)



Bilangan Akaun (juta)



ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

PENCAPAIAN UTAMA BAGI TAHUN 2022

Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa pada tahun ini, kami telah mencapai kemajuan yang besar dalam membina sebuah organisasi yang lebih berdaya tahan.

RANGKA KERJA KELESTARIAN KAMI

Kami telah melancarkan Rangka Kerja Kelestarian PNB pada April 2022, yang menjadi panduan kepercayaan dan cita-cita kami berkenaan agenda ESG. Kami membentangkan 10 komitmen, menyatakan dengan jelas perkara yang kami percaya akan membantu memacu penyahkarbonan perniagaan dan portfolio kami, dengan pelaburan selaras ESG berfungsi sebagai asas untuk pulangan jangka panjang mampan dan berdaya saing. Disebabkan kedudukan unik kami sebagai salah sebuah pelabur institusi terbesar di Malaysia, rangka kerja ini adalah sesuatu yang inovatif dan dibentuk untuk mempengaruhi strategi syarikat pelaburan kami, dengan objektif untuk menjajarkannya dengan cita-cita kelestarian kami. Sejak pelancarannya, kami telah mencapai kemajuan yang sangat baik dalam menerapkan kelestarian dalam semua proses perniagaan dan pelaburan kami.

Persekitaran

Seperti yang diketahui, perubahan iklim adalah salah satu isu paling mendesak yang dihadapi dunia hari ini. Kami telah menjalankan kajian garis dasar pelepasan GHG yang komprehensif meliputi skop 1, 2 dan 3, untuk mewujudkan garis dasar: pelepasan portfolio kami dianggarkan sebanyak 11.8 juta tCO₂e manakala pelepasan perusahaan kami ialah 27,495 tCO₂e. Menggunakan anggaran 2022 sebagai garis dasar, kami akan dapat mengaitkan dan memantau pelepasan GHG kami setiap tahun berdasarkan garis dasar tersebut yang merupakan komponen penting dalam perjalanan kami ke sifar bersih.

PNB juga merupakan peserta perintis dan pembida dalam lelongan kredit karbon sulung Bursa Carbon Exchange, menunjukkan sokongan kami untuk pembangunan pasaran karbon sukarela domestik. Kami telah mula memasukkan pertimbangan pelepasan dalam proses perolehan kami, bermula dengan pembelian tenaga boleh diperbaharui melalui Tarif Elektrik Hijau (GET) yang ditawarkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Dalam Laporan Tahunan Bersepadu sulung ini, kami telah menerima pakai rangka kerja Pasukan Petugas Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD), yang akan meningkatkan pendedahan kami tentang maklumat kewangan berkaitan iklim dan memaklumkan pihak berkepentingan kami tentang tadbir urus iklim, risiko dan peluang. Dari masa ke masa, pendedahan ini akan membolehkan kami mengenal pasti sebarang jurang dalam pelan tindakan iklim dan meningkatkan daya tahan iklim kami.

Sosial

Kami membangunkan dan menerbitkan Dasar Hak Buruh PNB yang mentakrifkan prinsip kami tentang isu hak utama buruh seperti gaji dan faedah setimpal, kepelbagaian dan keterangkuman serta keselamatan dan kesihatan. Mengambil kira kepelbagaian portfolio pelaburan kami, kami percaya bahawa dasar ini akan menggalakkan tingkah laku perniagaan dan perhubungan buruh yang lebih baik merentasi semua syarikat pelaburan kami.

Seperti yang telah dilakukan selama empat dekad yang lalu, kami terus komited untuk mengimbangi keuntungan dengan tanggungjawab sosial dengan menyumbang kepada masyarakat, khususnya melalui program pendidikan. Kami terus melabur untuk pembentukan pemimpin masa depan melalui program biasiswa dan kami telah menyumbang RM392.9 juta kepada 5,539 pelajar sejak 1996. Pada tahun ini, kami menyumbang



ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

lebih daripada RM13 juta kepada pelbagai projek peningkatan komuniti seperti menaik taraf unit hemodialisis Hospital Port Dickson dan menyediakan geran untuk projek-projek yang menyokong dan meningkatkan masyarakat di sekitar kawasan Merdeka 118.

Tadbir Urus

Kami telah mengguna pakai model pengurusan "*triple bottom line*" untuk memastikan aktiviti penciptaan nilai syarikat pelaburan kami sejajar dengan matlamat dan aspirasi PNB. Kami meningkatkan penglibatan dengan syarikat pelaburan kami dengan cara meningkatkan ketelusan undi semasa mesyuarat agung syarikat, yang kini tersedia di carian laman web kami. Kami juga telah mula mengumumkan undian yang diingini sebelum mesyuarat agung, untuk membolehkan syarikat memahami pendirian kami mengenai resolusi yang dibentangkan dan bagi komuniti pelaburan, pendirian PNB mengenai perkara yang sedang dipertimbangkan. Kami adalah institusi Malaysia pertama yang mengguna pakai amalan ini.

MENCAPAI KECEMERLANGAN OPERASI

Dua tahun lalu, pasukan kami memulakan projek berskala besar menaik taraf sistem teras yang memberi perkhidmatan kepada 12 juta pemegang unit kami dan membolehkan kelancaran beribu-ribu transaksi harian di semua saluran kami. Kami telah berjaya menyiapkan dan menyempurnakan projek naik taraf ini pada tahun 2022. Ia merupakan satu usaha yang besar, melibatkan 261 kakitangan di seluruh PNB dan ASNB serta penghijrahan 12 juta profil pemegang unit dan 308 juta rekod transaksi. Peningkatan ini membolehkan pelanggan dan ejen kami menikmati masa pemrosesan transaksi yang lebih pantas, sambil menyediakan kecekapan operasi, masa pemrosesan yang lebih baik dan integrasi yang lancar antara saluran digital semasa dan masa hadapan.

Kami amat berbesar hati kerana perancangan awal dan teliti, pemantauan projek yang rapi dan keazaman tinggi pasukan telah membolehkan projek ini berjaya dilancarkan pada Jun 2022.

MEMACU LITERASI KEWANGAN DAN KELESTARIAN

Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM), acara celik kewangan utama kami, kembali kepada format asal, iaitu dilakukan secara bersemuka selepas dua tahun menjalankannya secara digital. MSAM mempamerkan peranan kami dalam pembinaan negara, dengan memperkasakan rakyat Malaysia untuk membuat keputusan yang baik dalam pengurusan kewangan peribadi mereka dan menyediakan akses yang lebih besar kepada pengetahuan kewangan melalui pelbagai saluran fizikal dan digital.

Diadakan di Port Dickson, Negeri Sembilan dari 24 hingga 30 November 2022, dengan tema "Melestarikan Pelaburan ke Arah Masa Hadapan Mampan", PNB bekerjasama dengan 50 peserta pameran yang menawarkan program hiburan didik dan aktiviti yang menarik. Acara ini sangat berjaya, menarik lebih 143,600 pengunjung, yang mungkin tidak dapat dilaksanakan tanpa penyertaan aktif dan sokongan berdedikasi kumpulan syarikat kami.

Kami juga melancarkan pelbagai inisiatif bersama ASNB untuk menggalakkan celik kewangan, menggembelng simpanan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Inisiatif ini termasuk program 'Sembang-Sembang ASNB' yang mendidik pekerja, pelajar dan orang ramai tentang pengurusan kewangan melalui webinar, seminar berbentuk fizikal dan rancangan bual bicara. Rancangan kuiz kami 'Kuiz Pelaburan PNB 2022' berjaya mengumpulkan lebih 313,514 peserta di seluruh negara manakala 'Fiesta Labur PNB @ Home' berkongsi pengetahuan mengenai topik berkaitan pelaburan dan pengurusan kewangan. Kelab Pelaburan Bijak PNB (KPBPNB) memfokuskan untuk memupuk tabiat menabung dalam kalangan pelajar di 155 sekolah menengah manakala 'Ramah Mesra ASNB' melibatkan masyarakat dengan memberi khidmat nasihat kewangan dan meningkatkan kesedaran mengenai perkhidmatan ASNB.



ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

PELANCARAN ASN SUKUK

Kami memperkenalkan ASN Sukuk, dana sukuk pertama kami, sejajar dengan usaha untuk mengembangkan penawaran produk untuk memenuhi keperluan pelabur Malaysia yang semakin meningkat. ASN Sukuk direka untuk pelabur dengan selera risiko lebih rendah yang mencari pendapatan jangka sederhana hingga panjang. Dilancarkan semasa MSAM, dana itu meneruskan ciri-ciri menarik dana sedia ada ASNB seperti pelaburan minimum yang memudahkan iaitu RM10 dengan harga unit pelaburan tambahan serendah RM1.00.

Dengan tambahan terbaru ini, ASNB kini menawarkan produk daripada dana harga tetap, dana ekuiti, aset campuran terimbang dan dana konservatif dan dana pendapatan tetap. ASN Sukuk adalah satu lagi contoh usaha ASNB dalam membina portfolio pelaburan yang berdaya tahan sambil membolehkan pemegang unit kami melengkap dan mempelbagaikan pelaburan sedia ada mereka dalam ASNB.

PELANCARAN STESEN JANAKUASA BATTERSEA

PNB mencapai kejayaan bersejarah dengan pelancaran rasmi Battersea Power Station (BPS) di London pada Oktober 2022. Dirasmikan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, projek ini menghidupkan semula stesen janakuasa yang telah dihentikan ini yang terletak di sepanjang tebing selatan Sungai Thames.

Ikon yang dibaik pulih ini berjaya menarik lebih 250,000 pengunjung pada hujung minggu pembukaannya, menghasilkan minat luar biasa dan menarik liputan akhbar yang meluas. Pembangunan projek ini merangkumi ruang pejabat dan runcit masing-masing seluas 516,446 kaki persegi dan 513,559 kaki persegi. Stesen itu juga akan menempatkan ibu pejabat baharu Apple Inc, yang merangkumi kira-kira 46% daripada keseluruhan ruang pejabat pembangunan tersebut dan merupakan penyewa pejabat terbesar.



Kredit: twobytwo



ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

PERUMPUKAN ASET STRATEGIK (SAA)

Kami telah mencatat kemajuan dalam mempelbagaikan portfolio kami pada peringkat global dan merentasi pelbagai kelas aset sambil kami menambah pendedahan ekuiti awam domestik dengan pelaburan dalam ekuiti awam antarabangsa, pasaran persendirian, hartanah dan pendapatan tetap.

Ekuiti Awam - Domestik



Ekuiti Awam - Antarabangsa



Pasaran Persendirian



Hartanah



Pendapatan Tetap



Tunai dan Pasaran Wang



Lain-lain



Pada tahun ini, kami memulakan kajian semula SAA yang komprehensif untuk mengoptimalkan pertumbuhan masa hadapan. Semakan SAA tersebut telah diluluskan pada Disember 2022 dengan pelaksanaannya bermula pada Januari 2023. Salah satu hasil utama semakan tersebut adalah kami kekal komited terhadap strategi kepelbagaian termasuk memperkenalkan Infrastruktur sebagai kelas aset baharu sekaligus mengiktiraf kestabilannya secara relatif.

PRESTASI PORTFOLIO

EKUITI AWAM

PNB terus mendapat akses kepada beberapa peluang IPO terpilih di dalam negara dan di peringkat global. Ini termasuk penyenaian di Pasaran Utama dan Pasaran ACE, serta beberapa bursa ASEAN dan Eropah dalam pelbagai sektor termasuk barangan keperluan pengguna, e-dagang, automotif, semikonduktor dan tenaga baharu.

Pada 2022, PNB menggunakan peruntukan tambahan kepada sembilan pengurus dana luar yang dipilih di bawah Rangka Kerja Penyumberan Luar Ekuiti Awam. Oleh itu, nisbah portfolio ekuiti awam global PNB dan UTF yang menggunakan perkhidmatan luar telah meningkat kepada 15%, daripada 11% pada 2021.

HARTANAH

PNB terus membina portfolio pelbagai aset berkualiti tinggi dalam pelbagai segmen hartanah dan geografi dengan mencapai sasaran perumpukan aset strategiknya melalui penggunaan terpilih dalam dana global berjumlah USD500 juta atau bersamaan RM2 bilion sepanjang 2022.

PASARAN PERSENDIRIAN

Bahagian Pasaran Persendirian mempunyai sasaran penggunaan dan komitmen tahunan hampir USD1 bilion, dengan kira-kira 40% akan disalurkan melalui Program Langsung atau Pelaburan Bersama, dan kira-kira 60% melalui komitmen dana dalam Program Pelaburan Dana Global (GFI). Dari segi nilai pasaran, kira-kira 45% daripada Portfolio Pelaburan Persendirian kami pada TK2022 adalah dalam pelaburan domestik, dan 55% dalam pelaburan global terutamanya melalui Program GFI. Dalam usaha untuk pelbagaikan lagi asas aset kami, Bahagian Pasaran Persendirian telah mewujudkan Rangka Kerja Pelaburan Infrastruktur (IIF) untuk membimbing strategi dan pelan penggunaan pelaburan ke dalam kelas aset baharu - Infrastruktur Global.

ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

GAMBARAN DAN PROSPEK

Melangkah ke hadapan, kami kekal optimis tentang masa akan datang dan akan terus meneroka peluang pelaburan hijau dan peralihan baharu dalam persekitaran yang sentiasa berubah ini, untuk memastikan pulangan yang mampan kepada pemegang unit kami di samping melindungi pelaburan mereka.

Tahun 2023 akan menjadi tahun perubahan yang penting bagi PNB. Pertama, kami akan berpindah ke Menara Merdeka 118 dari lokasi kami sekarang di Menara PNB, yang telah kami duduki sejak tahun 1985. Perpindahan itu akan bermula pada suku keempat 2023 dan kami akan beroperasi sepenuhnya di pejabat baharu menjelang akhir tahun.

Kedua, tuntutan persekitaran operasi semasa dan masa hadapan memerlukan kami menyesuaikan diri bagi memanfaatkan sepenuhnya peluang pada masa depan, itulah sebabnya kami memberi tumpuan kepada lima bidang utama untuk beberapa tahun mendatang.

Kami merancang untuk mengembangkan khidmat nasihat dan meningkatkan saluran digital kami. Salah satu daripada inisiatif yang dirancang adalah pelancaran penasihat robo yang akan menjadi sebahagian daripada aplikasi myASNB. Menggunakan algoritma, penasihat robo akan memudahkan proses pemilihan pelaburan yang sesuai berdasarkan toleransi risiko dan objektif pelaburan masing-masing.

Kami telah menyiapkan kajian semula perumpukan aset strategik yang akan menjadi asas kepada strategi kepelbagaian berterusan kami.

Kami juga telah memulakan perjalanan selama 27 tahun ke arah Sifar Bersih portfolio kami. Perjalanan ini akan menjadi antara usaha yang paling kompleks kepada semua pemilik dan pengurus aset serta memerlukan gabungan inisiatif, yang akan meliputi perimbangan semula portfolio ke arah syarikat dan industri pelepasan rendah, penglibatan terus dengan syarikat pelaburan serta perubahan dalam dasar awam.



Gambaran pelukis mengenai 118 Mall

ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

PENGHARGAAN

Bagi pihak Warga PNB, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tun Arifin Zakaria yang telah bersara pada 6 Mei 2023, serta berterima kasih kepada beliau atas sumbangan beliau kepada organisasi. Tun Arifin menyandang jawatan Pengerusi Kumpulan di tengah-tengah ketidaktentuan hebat yang timbul daripada pandemik, diikuti dengan kepincangan ekonomi yang berlaku. Beliau memainkan peranan penting dalam membimbing institusi semasa tempoh yang tidak menentu, dan beliau sentiasa melakukannya dengan ehsan dan kerendahan hati.



Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad ke Lembaga Pengarah PNB, yang membawa bersama pengalaman luas dalam pengawasan syarikat dan institusi. Kami menantikan kepimpinan beliau seiring pelaksanaan pelan strategik baharu kami dan menyempurnakan mandat meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera dan semua rakyat Malaysia.

Setinggi-tinggi penghargaan juga saya ucapkan kepada Lembaga Pengarah PNB dan ASNB atas dedikasi dan nasihat mereka yang tidak ternilai. Kebijaksanaan dan sokongan mereka sangat penting dan telah membantu kami mengharungi satu lagi tahun yang luar biasa.

Tidak dilupai, saya mengucapkan terima kasih kepada pelbagai Kementerian, Agensi, Badan Kawal Selia, Majlis Fatwa dan Jawatankuasa kerajaan atas kerjasama dan sokongan mereka. Penglibatan dan bantuan anda telah memainkan peranan penting dalam merealisasikan cita-cita dan memenuhi mandat sosial kami.

Saya juga amat berterima kasih kepada kepimpinan dan kakitangan syarikat pelaburan kami. Sokongan dan komitmen anda yang tidak berbelah bahagi telah memainkan peranan penting dalam memacu kemajuan kita.

Akhir sekali, saya ingin memberi penghormatan kepada Warga PNB yang luar biasa dan telah memberikan lebih daripada apa yang diharapkan. Walaupun menghadapi persekitaran pasaran yang paling sukar dan tidak pernah berlaku sebelum ini, anda telah menunjukkan daya tahan dan dedikasi yang hebat. Saya benar-benar berterima kasih atas sumbangan anda yang luar biasa.


Bersama-sama, kita telah melepasi halangan dan mencapai hasil yang membanggakan. Usaha kolektif anda dan komitmen yang tidak berbelah bahagi amat dihargai. Terima kasih semua atas sumbangan cemerlang anda kepada kejayaan PNB.

Ahmad Zulqarnain Onn

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

*Nota: i. PRI merujuk kepada Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab, rangkaian pelabur yang disokong PBB yang menggalakkan pelaburan mampan melalui penggabungan faktor ESG ke dalam pelaburan.
ii. UNGC merujuk kepada UN Global Compact, inisiatif kemampan korporat terbesar di dunia yang bermatlamat untuk menggalakkan amalan perniagaan yang bertanggungjawab dan pembangunan mampan.
iii. PCAF merujuk kepada Perkongsian untuk Kewangan Perakaunan Karbon, perkongsian global institusi kewangan dan pihak berkepentingan lain yang membangunkan metodologi piawai untuk perakaunan karbon dalam sektor kewangan.

Mencipta Nilai




Tinjauan Pasaran: Jejak Global, Falsafah dan Proses Pelaburan	39
Penglibatan bersama Pihak Berkepentingan Kami	42
Menentukan Apa yang Matan kepada Kami	43
Model Perniagaan Penciptaan Nilai Kami	44
Strategi Focus 4 Kami	46
Risiko yang Kami Pertimbangkan	50

TINJAUAN PASARAN: JEJAK GLOBAL, FALSAFAH DAN PROSES PELABURAN

PELABURAN DAN LANDSKAP PASARAN

Cabaran dan Persekitaran yang Tidak Menentu pada 2022

Graf 1: Jumlah pulangan nominal dalam Saham AS bagi setiap tahun 1871 hingga 2021 (%)




Tahun 2022 menyaksikan cabaran global yang melibatkan kelas aset utama termasuk saham, bon dan komoditi. Faktor-faktor cabaran ini termasuk ketidakstabilan geopolitik yang disebabkan oleh perang Rusia-Ukraine, inflasi berterusan, dan kenaikan kadar faedah. Inflasi melonjak ke paras tertinggi dalam tempoh 40 tahun bagi Amerika Syarikat dan Jepun dan paras tertinggi dalam tempoh 41 tahun bagi United Kingdom, yang memberi kesan kepada harga secara global dan merencatkan pertumbuhan ekonomi. Ekoran itu, bank-bank pusat di seluruh dunia telah menaikkan kadar faedah dalam cara yang hampir serentak untuk memerangi inflasi, yang seterusnya membebankan pertumbuhan ekonomi. Bagi Malaysia, khususnya, kenaikan agresif kadar faedah oleh Rizab Persekutuan AS menyebabkan tempoh susut nilai yang berterusan kepada Ringgit.


Inflasi yang lebih tinggi dan tindak balas bank pusat untuk menaikkan kadar faedah sebahagian besarnya adalah hasil daripada kredit murah yang berpunca apabila kerajaan-kerajaan cuba menyokong dan merencanakan semula ekonomi mereka semasa pandemik. Akibatnya, saham dan bon global kerugian lebih daripada AS\$3 trilion pada 2022, dengan jumlah pulangan bagi kedua-dua ekuiti dan bon adalah negatif. Ia merupakan anomali pasaran yang jelas dan juga peristiwa terpencil terbesar dalam sejarah pasaran dari sudut magnitud kerugian.

TINJAUAN PASARAN: JEJAK GLOBAL, FALSAFAH DAN PROSES PELABURAN

Pasaran saham global utama mencatatkan pulangan negatif:




(Rujuk Graf 2 untuk prestasi pasaran dunia bagi ekuiti dan bon)



IMPAK DAN TINDAK BALAS

Bagi PNB, Ringgit yang lemah berbanding Dolar AS telah menjadi punca kelembapan usaha-usaha kepelbagaian kami dan telah memerlukan pendekatan yang lebih berhemat untuk memastikan kami membuat keputusan pelaburan yang betul. Pada masa hadapan, pemilihan saham dan sektor secara berhemah akan kekal dijadikan keutamaan dalam memastikan nilai jangka panjang diperolehi apabila pasaran pertukaran asing pulih. Kami juga akan terus meningkatkan usaha kepelbagaian kami, kedua-duanya di peringkat global dan di dalam kelas-kelas aset kami yang lain secara lebih teliti dengan memanfaatkan peluang yang ada dalam tempoh kemelesetan ini untuk pulangan jangka panjang.



TINJAUAN PASARAN: JEJAK GLOBAL, FALSAFAH DAN PROSES PELABURAN

KESEDARAN ESG MENINGKAT DAN MENJADI TEMA GLOBAL

Para pelabur kini lebih prihatin berbanding sebelumnya mengenai amalan kemampunan di syarikat-syarikat korporat berikutan bukti bahawa pelaburan yang berfokuskan ESG menghasilkan pulangan yang lebih tinggi. Di peringkat global, aset di bawah pengurusan (AUM) berorientasikan ESG dijangka meningkat kepada AS\$33.9 trilion menjelang 2026 dan dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan kompaun sebanyak 12.9%. Peralihan dalam modal ini juga telah mentakrifkan semula konsep kewajipan fidusiari, dengan syarikat korporat kini dijangka akan memacu penjajaran antara risiko, pulangan dan objektif pelanggan dengan komitmen ESG dan kemampunan.



IMPAK DAN TINDAK BALAS

ESG akan terus memainkan peranan yang lebih besar dalam landskap pelaburan dan operasi dan ia telah menyebabkan permintaan kepada syarikat-syarikat untuk beroperasi secara lebih telus semakin meningkat. Bagi PNB, kami telah mewujudkan pelbagai dasar dan rangka kerja sebagai sebahagian daripada 10 komitmen ESG kami. Kami telah menyusun semula dasar dan rangka kerja agar ia sejajar dengan 10 komitmen ESG kami, yang meliputi mencapai sasaran Perusahaan Sifar Bersih menjelang 2025 dan Portfolio Sifar Bersih menjelang 2050. Kami berjaya menetapkan jejak pelepasan kami sebagai langkah awal dalam perjalanan kami untuk mencapai sifar bersih. Selain itu, kami juga telah menjajarkan pelaporan kami berdasarkan cadangan Pasukan Petugas mengenai Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD). Dari segi sosial, kami terus berusaha untuk mengimbangi pelaburan sosial dengan keuntungan. Daripada perspektif tadbir urus, kami adalah syarikat pertama di Malaysia yang memaparkan keputusan pengundian mesyuarat agung syarikat pelaburan kami di laman sesawang kami.

TINJAUAN LANDSKAP PELABURAN DAN PENGURUSAN ASSET

Daripada perspektif pelaburan, pertumbuhan global diunjurkan sederhana ke 2.9% pada 2023 berbanding 3.2% yang dicatatkan pada 2022, menurut Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Sambil peningkatan kadar faedah dan peperangan di antara Rusia dan Ukraine akan terus mempengaruhi ekonomi global secara keseluruhan, pembukaan semula pasaran China dijangka mengurangkan impaknya. Inflasi global juga dijangka berkurangan berikutan pelaksanaan dasar monetari yang lebih tegas. Di PNB, kami akan terus mengukuhkan usaha kepelbagaian kami secara bijaksana dan memastikan pemilihan yang berhemah bagi pelaburan baharu berdasarkan stok, sektor dan kedudukan geografi.

Sementara itu, bagi landskap pengurusan aset, PNB akan terus memantau perkembangan dan peralihan pasaran. Keseluruhannya, ESG dan penyahkarbonan kekal sebagai tema utama untuk tempoh masa terdekat ini, sementara penawaran digital akan menjadi trend pengagihan pada masa hadapan. Selain itu, terdapat juga peluang-peluang yang menawarkan cadangan nilai yang berbeza sama ada menerusi pelaburan berasaskan solusi atau berasaskan matlamat. Sebagai tambahan, kami juga sedang mengukuhkan keupayaan automasi kami untuk menawarkan solusi yang disesuaikan menerusi khidmat penasihat-robo.

PENGLIBATAN BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI

Kami percaya bahawa interaksi yang telus dan produktif dengan pihak berkepentingan kami adalah penting kerana ia menyumbang kepada pengetahuan kami dalam mengurus jangkaan masyarakat, mengenal pasti masalah serta mencari penyelesaian untuk menyumbang dan menggalakkan pertumbuhan dalam komuniti kami secara efektif.

Kami mengekalkan rasa hormat, responsif, keterbukaan dan keaslian dalam semua bentuk komunikasi bersama pihak berkepentingan dalam perkara yang membabitkan kedua-dua pihak. Strategi PNB dalam menguruskan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:



Penglibatan bersama pihak berkepentingan kami daripada pelbagai kumpulan menjadi aspek utama strategi kami. Menerusi dialog telus dan efektif, kami dapat mengenal pasti masalah yang mungkin akan berlaku, mengurus risiko dan memperoleh peluang dalam usaha untuk meningkatkan prestasi kami. Di samping itu, ia juga membolehkan kami mendapat gambaran harapan komuniti dan peluang kolaborasi dengan rakan-rakan strategik dalam perkara yang menjadi kepentingan bersama.

MENENTUKAN APA YANG **MATAN KEPADA KAMI**

Menentukan apa yang matan kepada kami adalah penting dalam perjalanan penciptaan nilai kami. Ia membolehkan kami untuk mengenal pasti peluang dan mengurangkan risiko sementara kami berusaha untuk mencipta nilai mampan yang berterusan untuk pihak berkepentingan kami. Kami dipandu oleh Rangka Kerja Kelestarian kami untuk mengenal pasti isu-isu ESG yang penting kepada kami dan pihak berkepentingan kami. Pada TK2022, kami telah menjalankan Pengesahan Kemataman untuk mengenal pasti isu-isu kelestarian utama yang boleh memberi impak kepada perniagaan dan pihak berkepentingan kami.

Proses ini meliputi penilaian setara terhadap isu-isu matan bandingan bersamapenilaian terhadap rangka kerja ESG untuk membimbing pendedahan kami. Berikutan penilaian tersebut, satu semakan dalaman telah dijalankan berpandukan prinsip pengurusan risiko kami, dengan fokus khusus kepada dua isu utama iaitu Perubahan Iklim dan Keterangkuman & Kesamarataan. Hasil semakan tersebut kemudian dinilai dan dibincangkan bagi menentukan kepentingan perkara-perkara matan utama kepada perniagaan kami dan pihak berkepentingan luar. Perkara-perkara matan itu kemudian dikategorikan mengikut persekitaran, sosial dan tadbir urus dan diujarkan dengan teras kelestarian kami seperti yang ditunjukkan dalam maklumat grafik di sebelah kanan.

Kami akan menyemak perkara-perkara matan kami dari semasa ke semasa untuk kekal relevan mengikut perkembangan perniagaan dan landskap ESG. Keputusan pengesahan matan kami berserta pendekatan kemataman kami yang berterusan akan dijadikan panduan dalam pelaporan dan pendedahan ESG kami. Ini juga bagi memastikan kami melaksanakan inisiatif kelestarian strategik untuk mengurus peluang dan mengurangkan risiko.



PERSEKITARAN

- **Risiko dan Peluang Berkaitan Iklim**

Menggalakkan inisiatif-inisiatif penyahkarbonan dalaman untuk Kumpulan PNB dan secara luaran melalui syarikat-syarikat pelaburan kami.



SOSIAL

- **Impak sosial**

Membangun dan menyediakan akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan, termasuk penyelesaian teknologi untuk pelabur yang belum mendapat perkhidmatan, komuniti dengan akses terhadap kepada peluang pelaburan serta komuniti yang lebih luas, termasuk generasi yang semakin berusia. Pelaburan strategik dan kedermawanan akan menjadi sebahagian daripada usaha untuk menyokong pembangunan ekonomi masyarakat dan program keselamatan kewangan pengguna seperti literasi kewangan, pembangunan produk dan perkhidmatan untuk meningkatkan keselamatan kewangan.

- **Kepelbagaian dan Keterangkuman**

Memacu budaya yang pelbagai dan inklusif dalam kalangan tenaga kerja kami bagi memenuhi komitmen terhadap ekuiti dan keterangkuman. Ini termasuk penyediaan gaji yang berpatutan dan memastikan mereka sentiasa dilindungi dari segala bentuk diskriminasi.

- **Pengurusan Bakat**

Menarik dan mengekalkan bakat terbaik dengan menyokong pertumbuhan profesional pekerja dan meningkatkan kepuasan pekerja.



TADBIR URUS

- **Melabur Secara Bertanggungjawab**

Menyepadukan analisis ESG dalam pengambilan keputusan pelaburan kami berdasarkan proses yang sistematik merentasi semua kelas aset.

- **Tadbir Urus dan Etika**

Mendukung piawai tinggi etika dan tingkah laku perniagaan dengan rakan kongsi perniagaan dan memerangi semua bentuk rasuah dan sogokan di dalam semua pasaran yang melibatkan operasi dan perniagaan Kumpulan.

- **Maklumat Telus dan Amalan Adil**

Menyediakan akses kepada maklumat perniagaan dan kelestarian PNB yang jelas dan setanding. Ini termasuk memastikan ketelusan, kejujuran dan keadilan dalam memasar dan menyampaikan produk dan perkhidmatan kami untuk mengurangkan dan meminimumkan risiko kepada pelanggan.


MODEL PERNIAGAAN **PENCIPTAAN NILAI KAMI**

Kami mencipta nilai berdasarkan visi dan misi yang jelas, dibantu oleh struktur tadbir urus yang kukuh serta proses dan strategi pelaburan bagi memberikan pulangan yang optimum untuk pemegang kepentingan kami.

APA YANG KAMI LAKUKAN



DANA UNIT AMANAH KAMI



DANA UNIT AMANAH HARGA TETAP


AMANAH SAHAM BUMIPUTERA
Amanah Saham Bumiputera
Amanah Saham Bumiputera 2
Amanah Saham Bumiputera 3 - Didik

AMANAH SAHAM MALAYSIA
Amanah Saham Malaysia
Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan
Amanah Saham Malaysia 3

DANA UNIT AMANAH HARGA BERUBAH

AMANAH SAHAM NASIONAL
Amanah Saham Nasional
ASN Equity 2
ASN Equity 3
ASN Equity 5
ASN Equity Global
ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 1
ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 2
ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global
ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 1
ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 2
ASN Sujuk

NILAI KAMI



MODEL PERNIAGAAN PENCIPTAAN NILAI KAMI


BAGAIMANA KAMI MENCIPTA NILAI DALAM JANGKA PANJANG

Perumpukan Aset Kumpulan PNB mengikut Geografi

Domestik
80.8%

Antarabangsa
19.2%

Ekuiti Awam	63.0%
Pasaran Persendirian	13.0%
Hartanah	18.2%
Pendapatan Tetap	0.5%
Tunai dan Pasaran Wang	5.3%



FALSAFAH PELABURAN

PNB, pada dasarnya, menggunakan falsafah pelaburan berasaskan nilai yang mengimbangi pelbagai jenis strategi pelaburan dalam kelas aset yang berbeza, daripada pegangan jangka panjang dengan hasil berulang kepada pelaburan yang didorong oleh momentum dengan keuntungan modal melalui aktiviti dagangan.

Dalam usaha mencapai objektif, kami menggabungkan perspektif dari atas ke bawah, berdasarkan maklumat pandangan makro jangka panjang dan sasaran perumpukan aset optimum, dengan pendekatan yang didorong oleh asas-asas dari bawah ke atas dalam pemilihan aset untuk penciptaan nilai.

Kepelbagaian merupakan aspek penting daripada strategi kami yang bertujuan untuk memperluaskan lagi campuran aset dan geografi portfolio kami. Secara keseluruhan, strategi ini membolehkan kami membina portfolio yang seimbang dan dengan profil risiko yang berhemat dalam memberikan pulangan yang mampan kepada pemegang unit kami.

TADBIR URUS PELABURAN

Pengesyoran pelaburan melalui proses tadbir urus berbilang lapisan untuk memudahkan membuat keputusan yang berkesan melalui semak dan imbang yang mantap.



Unit Perniagaan



Jawatankuasa Pelaburan Pengurusan



Dana Unit Amanah atau Jawatankuasa-jawatankuasa Pelaburan PNB



Lembaga Pengarah PNB atau ASNB

PROSES PELABURAN

Proses pelaburan hujung ke hujung yang kukuh meliputi peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan.



APA YANG MEMBEZAKAN KAMI

Sejak ditubuhkan, kami telah menjadi penyokong utama penciptaan nilai mampan jangka panjang. Kami menyedari peranan kami dalam membolehkan negara membangun secara lestari dengan mengenal pasti peluang sambil mengurangkan dan meminimumkan risiko alam sekitar dan sosial. Malahan, kami berpandukan kepada tiga teras kelestarian utama iaitu - Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus. Untuk maklumat lanjut tentang Rangka Kerja Kelestarian kami, sila rujuk halaman 10 hingga 11 Laporan ini.



Untuk maklumat lanjut berkenaan penciptaan nilai untuk pemegang unit kami, sila rujuk halaman 8 hingga 9.

STRATEGI FOCUS 4 **KAMI**

Sejak 2020, PNB telah dipandu oleh strategi Focus 4 kami yang bermatlamat mengemudi organisasi untuk bersatu dan menumpukan pada bidang berimpak tinggi berdasarkan empat elemen utama:



Strategi Focus 4 telah berakhir pada tahun 2022 dan kami telah mencapai kemajuan ketara dalam menjadikan PNB lebih berdaya tahan dari perspektif pelaburan dan organisasi.

INISIATIF UTAMA DI BAWAH BIDANG TUMPUAN DAN HASILNYA

Kepelbagaian		
<p>EKUITI AWAM</p> <p>Antarabangsa pendedahan pelaburan meningkat 8.7% pada 2019 kepada 19.2% pada 2022 dengan peruntukan yang lebih tinggi dalam ekuiti awam antarabangsa daripada 8.5% pada 2019 kepada 12.1% pada 2022.</p> <p>Penyertaan dalam Tawaran Awam Permulaan (IPO) terpilih di dalam dan di luar Malaysia. Beberapa IPO terkenal yang kami sertai ialah Farm Fresh, LG Energy Solutions, Bilibili dan Coupang.</p>	<p>PASARAN PERSENDIRIAN</p> <p>Anjakan geografi bagi pendedahan antarabangsa daripada 7.3% pada 2019 kepada 55.4% pada 2022.</p> <p>Pelaburan di seluruh Amerika Utara, Eropah dan Asia Pasifik.</p>	<p>HARTANAH</p> <p>Anjakan geografi bagi pendedahan antarabangsa daripada 33.6% pada 2019 kepada 57.9% pada 2022.</p> <p>Pembukaan Stesen Jana Kuasa Battersea pada 13 Oktober 2022, projek pembangunan semula bersejarah bekas stesen janakuasa menjadi tempat kediaman dan ruang pejabat bercampur.</p>

STRATEGI FOCUS 4 KAMI

Penciptaan Nilai

Jumlah dividen daripada Syarikat Strategik antara 2020 dan 2022

= RM13.6 bilion

Hasil daripada pelupusan Chemical Company of Malaysia (CCM) Berhad pada

premium 69% telah dilaburkan semula.

Melancarkan Rangka Kerja Kelestarian kami pada April 2022 untuk memulihara dan menyokong kesinambungan keseimbangan antara manusia, planet dan keuntungan melalui 10 komitmen yang didorong oleh ESG.

Untuk memastikan tadbir urus yang lebih kukuh ke atas pelaburan kami, Rangka Kerja Pengawasan telah dibangunkan untuk menjajarkan syarikat-syarikat strategik dengan aspirasi kami. Rangka kerja tersebut merangkumi empat (4) komponen utama iaitu Jangkaan Prestasi Tinggi, Rakan Kongsi yang Menambah Nilai, Tadbir Urus Amalan Terbaik dan Kesejahteraan Organisasi & Pulangan Mampam.

Untuk melaksanakan usaha Pengawasan kami - Bahagian Pengawasan Pelaburan telah ditubuhkan. Rangka kerja, garis panduan pengundian dan pengundian proksi telah dimuat naik di laman web PNB untuk rujukan orang ramai dan pelabur.



STRATEGI FOCUS 4 KAMI

Pengurusan Risiko

Berikut adalah bidang tumpuan pengurusan risiko untuk mengurus risiko dengan lebih baik di PNB di tengah-tengah kerumitan yang semakin meningkat dalam landskap pasaran hari ini.

Bidang Tumpuan Risiko

Keberhasilan

Tadbir Urus

Meningkatkan integrasi untuk pemantauan dan komunikasi yang berkesan.

Menubuhkan Jawatankuasa Kecil Risiko Merentas Lintang seperti Jawatankuasa Kecil Risiko Pelaburan, Jawatankuasa Kecil Risiko Operasi dan Jawatankuasa Kecil Risiko Teknologi untuk mengurus risiko bersama dengan lebih baik.

Pendigitalan

Meningkatkan keupayaan dan fungsi sistem pengurusan risiko kami dengan menerapkan sistem untuk Pengurusan Risiko Kewangan & Operasi, serta pergudangan data.

Melaksanakan SAI360 untuk Pengurusan Risiko Operasi, satu penyelesaian khusus pengurusan risiko bersepadu sebagai salah satu langkah untuk mendigitalkan aliran kerja pengurusan risiko kami (pelaporan dan pemantauan risiko).

Melaksanakan Factset untuk Pengurusan Risiko Kewangan, sistem terkini yang dilengkapi dengan fungsi yang lebih luas.

Rangka Kerja & Proses

Meningkatkan penyertaan risiko yang disokong oleh papan muka interaktif sebagai sebahagian daripada kit alat pengurusan.

Mengguna pakai dan melaksanakan Rangka Tindakan Pengurusan Risiko Perusahaan 5 Tahun untuk meningkatkan empat elemen utama.

Menubuhkan Pengurusan Risiko Penumpuan Pelaburan untuk mengurus penumpuan dan pendedahan risiko berdasarkan saiz sekuriti dan kecairan pasaran.

Meningkatkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi untuk mengukuhkan kawalan pembolehan teknologi dan ciri-ciri keselamatan.

Peningkatan berterusan pelaporan risiko dan papan muka bertujuan memberi pemahaman untuk membuat keputusan yang lebih baik.

Menubuhkan fungsi Maklumat dan Keselamatan Siber untuk mengukuhkan kawalan keselamatan melalui inisiatif keselamatan.

Mewujudkan Rangka Kerja Budaya Risiko untuk menyokong usaha PNB ke arah menyemai budaya risiko yang kukuh di seluruh organisasi.

Penglibatan berterusan dengan kakitangan melalui minggu Integriti, Risiko, Asurans & Pematuhan (IRAC) yang diperkenalkan pada 2021 untuk meningkatkan kesedaran dan membina budaya tadbir urus yang kukuh di kalangan kakitangan.

Transformasi Organisasi

Untuk mencapai kecemerlangan organisasi dan memacu PNB mencapai Visi dan Misinya, kami mempunyai aspirasi untuk menjadi Majikan Pilihan dengan menumpukan pada Pembelajaran & Pembangunan Keupayaan, Pengurusan Bakat & Penggantian, Penjajaran Budaya dan Pengalaman Kakitangan yang Dipertingkatkan.

Pembelajaran & Pembangunan Keupayaan

- Pembangunan kurikulum teras dan kepimpinan komprehensif, serta pembentukan laluan pembelajaran berstruktur untuk meningkatkan kecekapan fungsi tugas.

Pengurusan Bakat & Penggantian

- Memulakan usaha penilaian bakat dan perancangan penggantian untuk membina kekuatan barisan pengganti.
- Pembangunan Rangka Kerja Pelan Pembangunan Individu & Kerjaya (IDP/CDP).

Pengalaman Kakitangan yang Dipertingkatkan

- Memberi sokongan mental dan kesejahteraan kepada kakitangan melalui pelbagai program yang dianjurkan oleh Unit Kesejahteraan. Kami juga menyediakan perkhidmatan psikologi dalam dalam usaha untuk membiasakan kepentingan mengekalkan dan melindungi kesejahteraan mental.
- Melancarkan PNBFlexes, aturan kerja fleksibel kami dan juga memperkenalkan pengaturan kerja hibrid Kembali Ke Tempat Kerja dalam peralihan ke peringkat endemik.
- Menggunakan pakai persekitaran kerja digital untuk menyokong usaha ini seperti Microsoft Teams, OneDrive, Sharepoint, Tandatangan Digital dan pusat sehati untuk maklumat PNB, Knowledge Hub.

Pencapaian

Mencapai kedudukan 5 Terbaik selama dua tahun berturut-turut pada senarai Syarikat Terbaik LinkedIn di Malaysia, masing-masing mencapai #2 dan #4 pada tahun 2021 dan 2022.



STRATEGI FOCUS 4 KAMI

NILAI YANG DICIPTA UNTUK PIHAK BERKEPENTINGAN

Melalui Focus 4, kami telah mencipta manfaat positif untuk pelbagai pihak berkepentingan, terutamanya para pemegang unit kami. Secara keseluruhan, kami telah membayar lebih daripada RM35 bilion pengagihan pendapatan antara tahun 2020 dan 2022. Kepelbagaian, penciptaan nilai dan pengurusan risiko telah membolehkan kami meningkatkan pulangan kepada pemegang unit kami dan pada masa yang sama, melindungi portfolio.

Melalui strategi tersebut, kami juga telah mengukuhkan komitmen terhadap ESG, menambah baik tadbir urus dan ketelusan kami mengundi dalam syarikat pelaburan kami dan seterusnya membangunkan kapasiti dalaman dalam aspek seperti Pengawasan Pelaburan.

MELAMPAUI FOCUS 4

Kami juga telah memperkenalkan rangkaian produk dan perkhidmatan baharu serta penglibatan yang lebih baik dengan pemegang unit seperti di bawah:

Tarikh Pelancaran	Produk atau Perkhidmatan
Perluasan perkhidmatan dalam talian	
April 2020	Jualan Balik dalam talian melalui myASNB.
Julai 2020	Pelancaran Raiz, platform pelaburan mikro dengan lebih 108,000 pengguna aktif setakat ini dan lebih RM39 juta AUM.
Disember 2020	Kalkulator Zakat
Oktober 2021	Target Labur - untuk pemegang unit menetapkan matlamat kewangan mereka dan berusaha ke arah itu.
	Pendaftaran digital e-KYC untuk membolehkan pengguna baharu memulakan akaun dengan ASNB secara dalam talian.
Program Literasi Kewangan	
2020	Pelancaran Minggu Saham Digital yang telah diadakan secara maya pada 2020 dan 2021, sebelum disambung semula sebagai Minggu Saham Amanah Malaysia yang diadakan secara fizikal pada 2022.
Pelancaran Dana Baharu	
September 2020	ASN Imbang 3 Global - Pemegang Unit: 36,812, AUM: RM1,356 juta
September 2021	ASN Equity Global - Pemegang Unit: 24,146, AUM: RM790 juta
Oktober 2021	Wakaf ASNB - Jumlah setakat Disember 2022 telah mencecah RM29.8 juta
November 2022	ASN Sukuk - Pemegang Unit: 3,042, AUM: RM193 juta

RISIKO YANG KAMI PERTIMBANGKAN

Jenis Risiko

Di PNB, kami mengiktiraf risiko yang wujud dalam perniagaan dan telah melaksanakan kawalan dan mitigasi yang sesuai untuk melindungi mandat kami bagi meningkatkan kehidupan Bumiputera serta semua rakyat Malaysia sambil memenuhi objektif strategik kami. Kami mengguna pakai pendekatan proaktif dan holistik untuk mengurus risiko sedia ada dan yang baru muncul bagi mengoptimumkan penciptaan nilai untuk pemegang kepentingan dan mencapai objektif pelaburan kami. Risiko utama yang dipertimbangkan adalah seperti berikut:

1 Risiko Pasaran

Deskripsi Risiko

Risiko pasaran merujuk kepada kemungkinan pelaburan akan kehilangan nilai kerana penurunan umum dalam pasaran kewangan disebabkan oleh faktor ekonomi, politik dan/atau lain-lain.

Implikasi pada PNB

Keadaan pasaran yang tidak menggalakkan boleh mengakibatkan kemerosotan Nilai Aset Bersih dana.

Mitigasi yang Dijalankan

- Pemantauan aktif keadaan pasaran
- Peruntukan dan kepelbagaian optimum portfolio
- Pengimbangan semula portfolio secara aktif
- Analisis senario/ujian tekanan

Pemantauan harian risiko pasaran yang berpandukan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pasaran.

[Pautan ke Strategi](#)



2 Risiko Kecairan

Deskripsi Risiko

Risiko kecairan digambarkan sebagai ketidakupayaan untuk mendapatkan sumber pembiayaan yang mencukupi bagi memenuhi kewajipan kewangan sepenuhnya apabila ia mencapai tarikh habis tempoh, pada terma yang boleh diterima, di bawah semua keadaan pasaran.

Implikasi pada PNB

Kekurangan kecairan mungkin mengganggu, kerana kegagalan untuk menyediakan kecairan yang mencukupi semasa keadaan tertekan, boleh menjejaskan Nilai Dana.

Mitigasi yang Dijalankan

- Pemantauan aktif keadaan pasaran
- Peruntukan dan kepelbagaian optimum portfolio
- Pengimbangan semula portfolio secara aktif
- Mengekalkan tahap aset cair yang mencukupi
- Analisis senario/ujian tekanan

Pemantauan harian risiko kecairan berpandukan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kecairan.

[Pautan ke Strategi](#)



3 Risiko Penumpuan Pelaburan

Deskripsi Risiko

Risiko penumpuan pelaburan ialah kebarangkalian kerugian yang timbul daripada kekurangan kepelbagaian, melabur terlalu banyak dalam satu industri, satu kawasan geografi atau satu jenis sekuriti.

Implikasi pada PNB

Penumpuan yang berlebihan boleh menimbulkan risiko kecairan atau kerugian risiko khusus saham.

Mitigasi yang Dijalankan

- Peruntukan dan kepelbagaian optimum portfolio melalui pelaburan ke dalam kelas aset dan sekuriti yang berbeza dalam sektor yang berbeza, atau lokasi geografi yang berbeza dalam had yang diluluskan.
- Pemantauan aktif keadaan pasaran
- Pengimbangan semula portfolio secara aktif
- Analisis senario/ujian tekanan

Pemantauan harian risiko penumpuan pelaburan berpandukan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Penumpuan Pelaburan.

[Pautan ke Strategi](#)



RISIKO YANG KAMI PERTIMBANGKAN



Kepelbagaian



Pengurusan Risiko



Penciptaan Nilai



Transformasi Keorganisasian

4 Risiko Strategik

Deskripsi Risiko

Risiko strategik biasanya tidak harus dilihat secara berasingan dan sering dicetuskan oleh faktor-faktor risiko lain seperti risiko pasaran, kecairan atau operasi akibat pertimbangan keputusan yang salah.

Implikasi pada PNB

Pertimbangan Keputusan yang salah:

- Boleh mengakibatkan penyimpangan daripada rancangan perniagaan dan objektif strategik PNB.
- Boleh mengakibatkan kerugian langsung atau tidak langsung dan gangguan operasi akibat proses dalaman, manusia dan sistem yang tidak mencukupi atau gagal, atau daripada peristiwa luaran.

Mitigasi yang Dijalankan

Pemantauan berkala terhadap toleransi & metrik risiko yang ditetapkan dan/atau pemberitahuan, jika perlu, kepada pihak berkepentingan yang berkaitan seperti yang dipandu oleh Rangka Kerja ERM PNB dan dasar/rangka kerja/garis panduan lain berkaitan yang ditetapkan oleh unit perniagaan.

Pautan ke Strategi



5 Risiko Teknologi

Deskripsi Risiko

Risiko yang timbul daripada kegagalan teknologi atau pencerobohan sistem siber IT, aplikasi, platform atau infrastruktur.

Implikasi pada PNB

Boleh mengakibatkan kerugian kewangan, gangguan dalam perkhidmatan atau operasi, atau kemudaratatan reputasi kepada organisasi.

Mitigasi yang Dijalankan

- Menilai secara berterusan pelbagai langkah atau alat pengupayaan teknologi untuk mengukuhkan kawalan risiko sedia ada dalam mengurangkan risiko teknologi dan keselamatan siber.
- Meningkatkan alat dan ciri keselamatan siber, membina keutuhan sistem, meningkatkan daya tahan dan meningkatkan tadbir urus teknologi.

Pemantauan harian risiko berkaitan teknologi seperti yang dipandu oleh Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi.

Pautan ke Strategi



Prestasi Portfolio



Perumpukan Aset Strategik	53
Pelaburan Strategik	55
Pasaran Awam	60
Pasaran Persendirian	68
Hartanah	72
Unit Amanah ASNB	76

PRESTASI PORTFOLIO PERUMPUKAN ASET STRATEGIK

PNB menggunakan Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik (SAA) untuk membantu dalam menentukan sasaran peruntukan modal jangka panjang yang ideal dan penting kepada strategi kami untuk mempelbagaikan risiko merentas portfolio pelaburan dalam pelbagai kelas aset. Sasaran SAA yang disesuaikan untuk setiap dana di bawah pengurusan PNB telah dibangunkan, dengan mengambil kira selera risiko, sasaran pulangan dan kekangan pelaburan. Di samping itu, tinjauan jangka pendek dan panjang, termasuk jangka risiko dan tahap pulangan untuk kelas aset boleh dilabur, menyumbang kepada objektifnya.


Proses SAA yang kolaboratif dan bertanggungjawab dipupuk di seluruh organisasi untuk memastikan penjajaran sumber dan kemahiran ke arah mencapai objektif dana untuk manfaat pemegang unit. Melalui pendekatan berstruktur dan inklusif ini, PNB sentiasa memperoleh pemahaman yang lebih mendalam dan terkini tentang faktor asas yang memberi kesan kepada risiko dan pulangan pelaburan yang dijangka, yang membawa kepada keputusan perumpukan jangka panjang yang lebih optimum.

Walaupun tumpuan tidak berbelah bahagi kami adalah untuk membina portfolio yang menjana pertumbuhan yang mampan dalam jangka panjang, kami mengakui bahawa dana kami beroperasi dalam persekitaran global yang kompleks. Oleh itu, kami menampung sasaran SAA jangka panjang dengan kecondongan taktikal jangka sederhana dan jangka pendek, masing-masing dicapai melalui Perumpukan Aset Dinamik (DAA) dan Perumpukan Aset Taktikal (TAA). Pendekatan ini memberikan kami fleksibiliti untuk membuat peralihan sementara yang disengajakan dalam julat perumpukan aset yang diluluskan. Tambahan pula, semua aspek strategi pelaburan seperti pemilihan aset campuran dan pengurusan kecairan, diasaskan pada dasar pengurusan risiko yang teguh yang memastikan daya tahan dan kecairan dana kami mencukupi pada setiap masa untuk memenuhi sebarang liabiliti sambil mengejar peluang pelaburan yang sesuai. Kami secara berterusan menilai dan mempertimbangkan laluan penggunaan setiap dana sambil

mengemudi secara berhemat perjalanan kepelbagaian portfolio kami, secara proaktif mengurus keadaan pasaran yang berubah dan keperluan kecairan segera.



Sejak melaksanakan Rangka Kerja SAA pada 2017 dan melakukan semakan pertengahan penggal pada 2019, kami kekal teguh dengan komitmen untuk mencapai objektif dana melalui strategi kepelbagaian aset yang progresif. Sebagai sebahagian daripada semakan berjadual pada tahun 2022, kami menilai semula SAA secara menyeluruh untuk memastikan penciptaan kekayaan yang mampan untuk pemegang unit, dengan mengambil kira persekitaran pasaran yang mencabar dan menggabungkan pembelajaran yang dipelajari daripada perjalanan kepelbagaian kami setakat ini. Usaha kami termasuk meningkatkan secara beransur-ansur pendapatan tetap dan pendedahan kepada pelaburan alternatif, memperkenalkan Infrastruktur sebagai kelas aset baharu ke dalam alam pelaburan kami, dan secara berhemat membina pelaburan dalam aset global untuk dana propertari tunggal kami dan 17 dana unit amanah. Pelaburan ini akan melengkapkan pegangan ekuiti domestik sedia ada kami.

Akhirnya, keupayaan untuk mempertahankan mandat kami dalam jangka panjang banyak bergantung pada seberapa cepat kami menyesuaikan diri dengan persekitaran global yang sentiasa berubah. Sebagai entiti yang terkemuka dan dipercayai, kami memahami tanggungjawab kritikal kami untuk melabur dengan cara yang bertanggungjawab dan mampan. Untuk tujuan ini, kami berhasrat untuk memasukkan pertimbangan ESG secara lebih komprehensif ke dalam proses pelaburan kami. Usaha ini membolehkan dana kami diletakkan pada kedudukan optimum untuk memanfaatkan peluang baharu dan meraih faedah kepelbagaian sambil mencapai keseimbangan antara risiko dan pulangan. Akhirnya, ini membuka jalan untuk pulangan yang konsisten dan mampan pada tahun-tahun akan datang sambil mewujudkan impak positif yang berkekalan kepada generasi akan datang.



PRESTASI PORTFOLIO PERUMPUKAN ASET STRATEGIK

RANGKA KERJA SAA



PRESTASI PORTFOLIO PELABURAN STRATEGIK

Bahagian Pelaburan Strategik di PNB kekal berdedikasi untuk terus meningkatkan nilai pihak berkepentingan, melindungi pelaburan PNB dan dana unit amanah di bawah pengurusan kami. Matlamat ini dicapai dengan berusaha untuk mendapatkan pulangan yang optimum dan mampan untuk semua pihak berkepentingan.

Rangka Kerja Pelaburan Strategik kami menetapkan prinsip panduan bagi PNB untuk menambah nilai terbaik dan mengubah prestasi Syarikat Strategik dan Teras kami. Untuk tujuan ini, rangka kerja tersebut menyokong tadbir urus tahap terbaik dalam kelasnya serta pembinaan kapasiti untuk meningkatkan keupayaan Lembaga Pengarah dan Pengurusan.



Bahagian Pelaburan Strategik komited untuk memaksimumkan pulangan kepada pihak berkepentingan kami yang dihargai melalui pendekatan yang berterusan dan proaktif untuk memantau dan mengurus pelaburan Strategik dan Teras kami. Selaras dengan prinsip panduan tadbir urus, pengawasan korporat, dan aktivisme pemegang saham, kami beroperasi mengikut Rangka Kerja Pengawasan PNB dan Garis Panduan Pengundian untuk memastikan pelaburan yang dilakukan sejajar dengan nilai dan matlamat kami.

Tumpuan kami untuk penciptaan nilai adalah penting kepada misi kami dan dicapai melalui proses analisis, penilaian dan pelaksanaan pelan strategik yang teliti dan sistematik untuk syarikat Strategik dan Teras kami. Pasukan kami dilengkapi untuk mengenal pasti dan mengesyorkan pelaksanaan korporat yang sesuai, seperti penggabungan dan pengambilalihan, penstrukturan semula, dan rasionalisasi, untuk mengoptimumkan pulangan dan meningkatkan nilai pemegang saham.

Kami mengiktiraf kitaran pelaburan dan telah membangunkan pendekatan strategik untuk mencungkil nilai daripada pelaburan matang kami. Kami juga secara aktif menyuntik modal ke dalam syarikat Strategik dan Teras kami melalui pelan pelaburan semula dividen, sukuk, sekuriti kekal dan cara inovatif lain. Ini membantu memastikan pelaburan kami direalisasikan pada masa yang optimum dan memaksimumkan pulangan sambil meminimumkan risiko.

Beberapa risiko yang kami pertimbangkan dalam strategi kami termasuk turun naik pasaran, ketidaktentuan ekonomi, perubahan kawal selia, faktor geopolitik dan potensi gangguan industri. Selain itu, risiko khusus mungkin timbul bergantung pada syarikat dan sektor syarikat Strategik dan Teras kami.

Kami berbesar hati dapat mengekalkan hubungan yang kukuh dan produktif dengan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pihak berkepentingan di syarikat-syarikat pelaburan kami, termasuk pelabur bersama dan pembuat dasar. Kami percaya bahawa mengekalkan hubungan yang kukuh dengan pihak-pihak utama adalah penting untuk melindungi pelaburan PNB dan dana unit amanah terurus kami, dan untuk memastikan nilai dicipta dengan cara yang paling optimum. Melalui penglibatan dan kerjasama yang berterusan, kami sentiasa mendapat maklumat dan menyediakan sokongan yang relevan seperti yang diperlukan bagi meneruskan misi kami untuk memaksimumkan pulangan dan menggalakkan tadbir urus yang baik.

PENCAPAIAN UTAMA


Pada tahun dalam tinjauan, kami terus menyokong usaha meluas PNB untuk mengimbangi semula portfolio dan mempelbagaikan kelas aset dengan merentasi pasaran geografi yang berbeza. Kami juga menyediakan sokongan yang diperlukan kepada syarikat Strategik dan Teras kami dalam pelbagai bentuk termasuk tetapi tidak terhad kepada pelaburan tambahan, pelupusan, penstrukturan semula modal, pemulihan, dan penggabungan dan pengambilalihan (M&A) untuk memastikan pulangan pelaburan yang optimum, sambil melindungi kepentingan PNB dan 17 dana unit amanah kami. Pendapatan dividen yang kami jana juga memainkan peranan penting dalam membolehkan semua dana unit amanah menawarkan pulangan yang kompetitif secara konsisten.

Kami telah menjana pelaburan bernilai kira-kira RM700 juta sepanjang TK2022. Ini membolehkan PNB memanfaatkan pelaburan yang telah lama dipegangnya dan melabur semula hasilnya dengan cara yang konsisten dengan strategi pelaburan PNB untuk merentas dan mempelbagaikan kelas asetnya. Kami juga bekerjasama dengan Bahagian Pengawasan Pelaburan untuk inisiatif berkaitan kemampanan yang melibatkan syarikat pelaburan Strategik dan Teras PNB.

PRESTASI PORTFOLIO SYARIKAT STRATEGIK


MALAYAN BANKING BERHAD

Diaudit TKB 31 Disember 2022

		<p>Maybank ditubuhkan pada 1960 dan hari ini merupakan syarikat terbesar mengikut permodalan pasaran di Bursa Saham Malaysia (Bursa Malaysia), dan antara 500 syarikat teratas dalam syarikat terkemuka dunia Forbes Global 2000.</p>
Pendapatan RM27,615 juta	PATAMI RM8,235 juta	<p>Kumpulan Maybank menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan yang komprehensif, termasuk perbankan komersial, perbankan pelaburan, perbankan Islam, perbankan luar pesisir, insurans dan takaful, perkhidmatan pemegang amanah, pengurusan aset, pembrokeran saham, perkhidmatan penama, modal teroka dan perbankan internet.</p> <p>Dalam usahanya untuk merealisasikan masa hadapan yang mampan untuk semua, misi Maybank adalah untuk menginsankan perkhidmatan kewangan dengan menyediakan akses mudah kepada pembiayaan di kedua-dua persekitaran digital mahupun fizikal, sekaligus mengukuhkan kepentingan perbankan yang beretika.</p> <p>Maybank berusaha untuk menawarkan syarat dan terma harga yang wajar, menasihati pelanggan berdasarkan keperluan mereka, mengutamakan pengalaman pelanggan menggunakan teknologi digital generasi akan datang, dan sentiasa berada dalam hati masyarakat.</p>
Permodalan Pasaran RM104,871 juta	% Pegangan Saham 47%	


SIME DARBY BERHAD

Diaudit TKB 30 Jun 2022

		<p>Sime Darby Berhad ialah rakan kongsi pilihan untuk beberapa jenama terbaik dunia dalam sektor Perindustrian dan automotif, dengan operasi di 19 negara dan wilayah di seluruh Asia Pasifik.</p>
Pendapatan RM42,502 juta	PATAMI RM1,172 juta	<p>Anak syarikatnya, Sime Darby Industrial, juga dikenali sebagai peneraju berstatus dunia bagi industri peralatan berat. Teras perniagaannya adalah menyediakan penyelesaian pemindahan tanah dan perindustrian untuk pelanggan dalam sektor sumber, infrastruktur, minyak dan gas, penjanaan kuasa, marin, pertanian dan pengendalian bahan. Ini termasuk menjual dan menyewakan peralatan industri, menyediakan khidmat sokongan produk dan alat ganti selepas jualan serta, membangun solusi industri yang inovatif.</p> <p>Sime Darby Motors, cabang perniagaan automotif Sime Darby Berhad, terlibat dalam peruncitan, pengedaran, pemasangan, dan penyewaan kenderaan komersial dan penumpang. Dengan pengalaman lebih 50 tahun serta memenangi pelbagai anugerah, operasinya menembusi sembilan pasaran di seluruh rantau Asia Pasifik dengan membariskan lebih 30 jenama automotif terbesar, termewah dunia, seperti Rolls-Royce dan Lamborghini, jenama mewah seperti BMW, Porsche, dan Volvo hingga kepekaran kenderaan elektrik (EV) seperti BYD, Tesla, dan Polestar, serta jenama pilihan keluarga seperti Hyundai, Ford dan Mazda.</p> <p>Sime Darby Berhad melalui syarikat usaha samanya, Ramsay Sime Darby Health Care telah menerima pengiktirafan dan anugerah bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan persendirian di Malaysia dan Indonesia.</p>
Permodalan Pasaran RM15,052 juta	% Pegangan Saham 49%	

SIME DARBY PLANTATION BERHAD


Diaudit TKB 31 Disember 2022

		<p>200 tahun yang lalu, penjajah dengan azam keusahawanan tiba di Timur Jauh mencari kekayaan dan pengembaraan lalu menanam benih untuk masa depan melebihi apa yang mereka boleh bayangkan.</p>
Pendapatan RM21,030 juta	PATAMI RM2,488 juta	<p>Hari ini, Sime Darby Plantation Berhad (SDP) berdiri kukuh sebagai pengeluar Minyak Sawit Mampan Bertauliah (CSPO) terbesar di dunia, dengan pengeluaran sebanyak 2.15 juta tan metrik (setakat 31 Disember 2021). Dengan keluasan tanaman kira-kira lapan kali ganda saiz Singapura moden, ia juga merupakan salah satu syarikat perladangan terbesar di dunia.</p> <p>SDP, sebuah syarikat perladangan global, bersepadu sepenuhnya, secara menegak dan mendatar, beroperasi di sepanjang keseluruhan rantaian nilai minyak sawit untuk menghasilkan antara bahan penanaman kelapa sawit terbaik dunia, GenomeSelect ; piawai buruh terbaik dalam kelasnya, dan inovasi termaju yang merevolusikan kerja di ladang. Dalam menangani keperluan segera perubahan iklim, SDP juga komited untuk mencapai pelepasan sifar bersih merentas keseluruhan rantaian nilainya menjelang 2050 dan menyerahkan kedua-dua sasaran jangka pendek 2030 dan sasaran 2050 jangka panjangnya kepada inisiatif Sasaran Berasaskan Sains untuk pengesahan. SDP menyediakan perkhidmatan kepada pelbagai jenis pelanggan di lebih 90 negara dan merupakan rakan kongsi pilihan untuk pemegang kepentingan utamanya. Kejayaan berterusannya diasaskan pada daya tahan, kebolehsuaian dan dinamisme, manakala usaha berterusannya untuk mencapai kecemerlangan dalam perniagaan, kemampunan, penyelidikan dan inovasi memacu fasa baharu perubahan dan pertumbuhan SDP.</p>
Permodalan Pasaran RM32,158 juta	% Pegangan Saham 56%	

PRESTASI PORTFOLIO SYARIKAT STRATEGIK


SIME DARBY PROPERTY BERHAD

Diaudit TKB 31 Disember 2022

 <p>Property</p>		<p>Sime Darby Property ialah perintis pemaju hartanah Malaysia yang memenangi pelbagai anugerah dengan kejayaan selama 50 tahun dalam industri hartanah. Kumpulan ini telah membina lebih 100,000 rumah merentasi 25 perbandaran dan pembangunan, dengan produk merangkumi hartanah kediaman, komersial, serta perindustrian dan logistik.</p>
<p>Pendapatan</p> <p>RM2,742 juta</p>	<p>PATAMI</p> <p>RM316 juta</p>	<p>Di luar pembangunan hartanah, Sime Darby Property juga menjadi pemain dalam segmen hartanah lain, termasuk Pelaburan dan Pengurusan Aset, serta Riadah, sebagai pemilik Kuala Lumpur Golf and Country Club yang berprestij, salah satu kelab golf terkemuka di Asia Tenggara. Di United Kingdom, Sime Darby Property adalah sebahagian daripada konsortium syarikat Malaysia yang menghidupkan semula Stesen Janakuasa Battersea yang ikonik di Central London.</p>
<p>Permodalan Pasaran</p> <p>RM3,060 juta</p>	<p>% Pegangan Saham</p> <p>58%</p>	<p>Dalam perniagaan Pengurusan Pelaburan dan Asetnya, Kumpulan ini mengendalikan 5.4 juta kaki persegi kawasan boleh disewa bersih merentasi segmen komersial, runcit, hospitaliti, pendidikan dan perindustrian.</p>
		<p>Kumpulan ini komited untuk mendukung prinsip ESG di kesemua perniagaannya dan meneruskan peranannya sebagai Force for Good, dipandu oleh Matlamat Kelestarian 2030nya yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sime Darby Property adalah syarikat dalam Indeks MSCI ACWI Small Cap dengan Penarafan MSCI ESG BBB dan dinilai oleh Projek Pendedahan Karbon. Kumpulan menyumbang secara meluas ke arah pembangunan kebajikan sosial melalui cabang dermawannya, Yayasan Sime Darby. Ia terlibat dalam banyak aktiviti impak sosial di seluruh negara, menyediakan bantuan dan program pembangunan keusahawanan kepada komuniti yang kurang bernasib baik semasa pandemik baru-baru ini, serta penglibatan komuniti perbandaran dan usaha sukarela yang memacu agenda tanggungjawab korporat kami.</p>
		<p>Sime Darby Property berbesar hati diiktiraf dengan pelbagai anugerah industri hartanah di sepanjang ia beroperasi. Pada 2022, Kumpulan ini kekal sebagai pemaju hartanah terkemuka melalui 'Anugerah Pemaju Hartanah Terbaik The Edge Malaysia', kejayaan untuk tahun ke-11 berturut-turut. Kumpulan ini juga konsisten menerima 'Anugerah BCI Asia' untuk 'Sepuluh Pemaju Teratas (Malaysia)' dan telah dianugerahkan kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah untuk Anugerah Jenama Putra 2022, serta dinamakan Sepuluh Teratas dalam 'Top -of-The-Chart (RM1 bilion dan ke atas)' di bawah FIABCI-Malaysia dan Star Media Group's 'Malaysia Developer Awards 2022'.</p>


S P SETIA BERHAD

Diaudit TKB 31 Disember 2022

		<p>S P Setia ialah pemaju hartanah terbesar, mengikut jualan, di Malaysia dan telah mengukuhkan kehadirannya di tujuh negara di seluruh dunia.</p>
<p>Pendapatan</p> <p>RM4,454 juta</p>	<p>PATAMI</p> <p>RM308 juta</p>	<p>Kumpulan ini mempunyai portfolio yang merangkumi perbandaran, eko-santuari, enklaf mewah, kediaman bertingkat dan pembangunan khusus. Perniagaannya yang lain termasuk pembinaan, peruncitan, pembuatan berasaskan kayu dan tidak lama lagi akan memasuki penjagaan kesihatan dan hospitaliti.</p>
<p>Permodalan Pasaran</p> <p>RM2,445 juta</p>	<p>% Pegangan Saham</p> <p>61%</p>	<p>Ia memegang rekod memenangi tempat teratas untuk kedua-dua Anugerah Pembangunan Hartanah Teratas The Edge sebanyak 14 kali dan Anugerah Emas Dunia FIABCI World Prix d'Excellence sebanyak 15 kali.</p>

UMW HOLDINGS BERHAD


Diaudit TKB 31 Disember 2022

 <p>UMW</p>		<p>Kumpulan UMW ialah sebuah konglomerat terkemuka dengan kepentingan yang pelbagai dan global dalam sektor Automotif, Peralatan, Pembuatan dan Kejuruteraan dan Aeroangkasa. Kumpulan ini membawa jenama terkemuka pasaran, termasuk Toyota, Komatsu dan Grantt - jenama minyak pelincir tempatan sendiri - dan pelbagai jenama utama yang lain.</p>
<p>Pendapatan</p> <p>RM15,814 juta</p>	<p>PATAMI</p> <p>RM415 juta</p>	
<p>Permodalan Pasaran</p> <p>RM4,054 juta</p>	<p>% Pegangan Saham</p> <p>61%</p>	

PRESTASI PORTFOLIO SYARIKAT STRATEGIK


VELESTO ENERGY BERHAD

Diaudit TKB 31 Disember 2022

		<p>Velesto ialah penyedia perkhidmatan multinasional yang berpangkalan di Malaysia untuk sektor huluan industri minyak dan gas.</p> <p>Velesto memiliki dan mengendalikan enam pelantar penggerudian jack-up premium, yang mampu beroperasi di kedalaman air sehingga 400 kaki - sesuai untuk perairan cetek Asia Tenggara. Ia juga merupakan penyedia perkhidmatan kerja baik pulih telaga melalui unit baik pulih hidrauliknya. Di samping itu, ia menyediakan perkhidmatan penggerudian dan baik pulih bersepadu untuk memenuhi keperluan pelanggannya.</p> <p>Kerjasama Velesto dengan PETRONAS Technical Training Sdn Bhd dalam menubuhkan Velesto-INSTEP Drilling Academy (VIDA) mencerminkan komitmennya untuk membangunkan bakat berkualiti tinggi dan menangani kekurangan kritikal tenaga kerja profesional penggerudian tempatan yang mahir, menyumbang kepada pertumbuhan modal insan negara.</p> <p>Disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia, Velesto merupakan konstituen Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia, bukti kepada prestasi kemampuannya dan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).</p>
Pendapatan RM581 juta	PATAMI RM(100) juta	
Permodalan Pasaran RM1,232 juta	% Pegangan Saham 54%	


DUOPHARMA BIOTECH BERHAD

Diaudit TKB 31 Disember 2022

		<p>Duopharma Biotech bermula dengan penubuhan Duopharma (M) Sendirian Berhad pada tahun 1978. Duopharma Biotech telah diperbadankan pada tahun 2000 dan kini merupakan salah satu syarikat farmaseutikal terkemuka Malaysia yang tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia Berhad.</p> <p>Duopharma Biotech mempunyai kecekapan teras dalam industri farmaseutikal termasuk pembuatan, penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan dan pemasaran lebih 300 ubat generik seperti Crystorvas, Prelica dan Omesec serta produk penjagaan kesihatan pengguna termasuk CHAMPS®, FLAVETTES®, PROVITON® dan Uphamol, yang diiktiraf dan diterima oleh pengguna di Malaysia, di peringkat serantau dan global. Syarikat ini juga telah berkembang dan memasuki sektor "biosimilars" melalui kerjasama teknologi dan pengkomersialan dengan rakan kongsi antarabangsa yang boleh dipercayai dan kukuh. ERYSSAA®, Basalog One®, dan Zuhera ialah beberapa jenama "biosimilar" yang dikomersialkan.</p> <p>Beribu pejabat di Kuala Lumpur, Malaysia, Duopharma Biotech memiliki dan mengendalikan tiga kilang pembuatan di Klang, Bangi dan Glenmarie, Selangor. Duopharma Biotech juga mempunyai anak syarikat di Filipina dan Singapura. Anak syarikat Duopharma Biotech Berhad mempunyai pejabat perwakilan di Jakarta, Indonesia.</p>
Pendapatan RM697 juta	PATAMI RM70 juta	
Permodalan Pasaran RM1,533 juta	% Pegangan Saham 52%	

MNRB HOLDINGS BERHAD


Diaudit TKB 31 Mac 2022

		<p>MNRB ialah sebuah syarikat pemegang pelaburan yang menyediakan produk dan perkhidmatan insurans semula, takaful dan takaful semula melalui anak syarikat milik penuhnya. Antara anak syarikat milik penuh MNRB ialah Malaysian Reinsurance Berhad (Malaysian Re), Takaful Ikhlas Family Berhad (Takaful IKHLAS Family), Takaful Ikhlas General Berhad (Takaful IKHLAS General) dan Malaysian Re (Dubai) Ltd.</p> <p>Malaysian Re ialah syarikat insurans semula nasional yang terkemuka di Malaysia.</p> <p>Takaful IKHLAS Family dan Takaful IKHLAS General memberi perkhidmatan kepada hampir dua juta pemegang polisi.</p>
Pendapatan RM3,258 juta	PATAMI RM114 juta	
Permodalan Pasaran RM689 juta	% Pegangan Saham 55%	







PRESTASI PORTFOLIO SYARIKAT STRATEGIK

SAPURA ENERGY BERHAD

Diaudit TKB 31 Januari 2023

		<p>Sapura Energy Berhad ialah penyedia perkhidmatan dan penyelesaian minyak dan gas bersepadu global yang beroperasi di seluruh rantai nilai hulu, termasuk yang boleh diperbaharui. Spektrum keupayaan Kumpulan ini meliputi penerokaan, pembangunan, pengeluaran, rejuvenasi, serta penutupan dan peninggalan.</p>
Pendapatan RM4,551 juta	PATAMI RM(3,203) juta	<p>Dengan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berkemampuan teknikal, aset strategik serba boleh dan keupayaan pengurusan projek yang kukuh, Kumpulan ini kini menyampaikan penyelesaian dan kepakaran bersepadunya di lebih 20 negara.</p>
Permodalan Pasaran 799 juta	% Pegangan Saham 39%	

PEMEGANG SAHAM SYARIKAT TERAS TERPILIH

18%  Axiata Group Berhad	20%  IJM Corporation Berhad	18%  Tenaga Nasional Berhad	17%  Gamuda Berhad	17%  Telekom Malaysia Berhad
13%  Bank Islam Malaysia Berhad	11%  CIMB Group Holdings Berhad	7% Key Associate Company  CelcomDigi Berhad	11%  Maxis Berhad	10%  Petronas Gas Berhad

PATAMI : Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti.
 Semua angka Permodalan Pasaran dan Pegangan Saham adalah setakat 31 Disember 2022.

PASARAN AWAM


Unit Perniagaan Strategik Pasaran Awam menyelia pelaburan keseluruhan 17 dana unit amanah (UTF) ASNB dan dana proprietari PNB, dengan jumlah aset di bawah pengurusan (AUM) sebanyak RM341.6 bilion. Ia bertanggungjawab secara langsung ke atas pengurusan ekuiti awam domestik dan antarabangsa, pendapatan tetap dan kelas aset tunai.

FALSAFAH PELABURAN

Pendekatan pelaburan kami, merentasi kedua-dua ekuiti dan pendapatan tetap, adalah berpandukan falsafah pelaburan jangka panjang PNB yang berasaskan fundamental:

Kolaborasi Silang - Merentasi Proses Pelaburan Hujung ke Hujung

Bahagian, Jabatan dan Unit yang berbeza dalam Pasaran Awam bekerjasama sebagai satu pasukan untuk menyampaikan nilai merentasi proses pelaburan hujung-ke-hujung PNB, untuk mencapai objektif pelaburan masing-masing daripada 17 dana unit amanah di bawah pengurusan PNB, untuk manfaat semua pemegang unit.



PASARAN AWAM

- **Pendekatan Berasaskan Fundamental** (Pelaburan nilai saksama atau intrinsik berpandukan parameter asas jangka panjang)
- **Perumpukan Aset** (Menggabungkan Perumpukan Aset Strategik (SAA) jangka panjang dengan pelaburan oportunistik dan Perumpukan Aset Taktikal (TAA) dinamik)
- **Pemacu Trend Mega dan Makro** (Dipacu oleh penunjuk makroekonomi dan arah aliran atau kitaran pasaran)
- **Berasaskan Penyelidikan** (Keputusan pelaburan berpandukan penyelidikan komprehensif merentas pasaran, sektor dan syarikat)
- **Kuantitatif dan Kualitatif** (Pertimbangan kualitatif yang dilengkapi dengan metodologi dan teknik kuantitatif)
- **Risiko dan Berasaskan Syariah** (Pendekatan dan penapisan yang mengutamakan Syariah; membuat keputusan bertumpuan risiko, termasuk ujian tekanan yang ketat)

PASARAN AWAM BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENCAPAI MANDAT RISIKO-PULANGAN DANA MASING-MASING

- 1 Pasaran Awam bertanggungjawab untuk mencapai mandat dana masing-masing berhubung pengagihan pendapatan tahunan melebihi kadar Deposit Tetap purata 12 bulan untuk dana harga tetap dan jumlah pulangan kompetitif untuk dana harga berubah, dalam tahap toleransi risiko dana masing-masing.
- 2 Pasaran Awam terdiri daripada dua Bahagian - Pengurusan Dana (terdiri daripada Dana Harga Tetap dan Harga Berubah) dan Proprietari PNB - dan beberapa Jabatan - Pendapatan Tetap, Ekonomi, Penyelidikan Pelaburan dan Operasi Pasaran Ekuiti. Bahagian dan Jabatan tersebut bekerjasama sebagai satu pasukan yang lebih besar, dengan setiap komponen teras memberikan sumbangan tersendiri kepada rantaian nilai pelaburan.
- 3 Pasukan ini menyediakan liputan global dengan pengkhususan serantau serta sektor, menyokong pandangan dalaman dan strategi portfolio PNB. Pasukan ini juga memastikan pelaksanaan terbaik dan menjalankan pemantauan berterusan, semakan dan imbang semula portfolio dana.
- 4 PNB (UK) Limited ialah platform dagangan satelit PNB di London, dikawal oleh Pihak Berkuasa Kelakuan Kewangan UK. Ia melaksanakan perdagangan ekuiti di pasaran Eropah dan Amerika Utara, dan juga merupakan pejabat perwakilan kelas berbilang aset, meliputi Pasaran Persendirian dan pelaburan Hartanah. PNB UK memudahkan penglibatan dan peluang pembelajaran untuk kedua-dua kakitangan serta pelajar tajaan.
- 5 Pasaran Awam telah menjalankan pelbagai projek dan inisiatif antara jabatan serta bekerjasama dengan unit perniagaan lain di PNB, bagi meningkatkan kecekapan operasi dan untuk memberikan pulangan yang kompetitif secara berterusan. Pasaran Awam mematuhi piawaian tadbir urus tertinggi, dengan kawalan dalaman yang teguh dan pengawasan kawal selia, yang dipantau secara dalaman oleh Unit Operasi Pelaburan dan Pemantauan. Unit Pengurusan Projek juga menerajui pembangunan dua projek kritikal IT.

PASARAN AWAM

Membina Kapasiti

Ramalan

Meningkatkan ramalan dan pemodelan penunjuk makro terkemuka dan yang ketinggalan melalui aplikasi metodologi sains data dan meneroka teknik pembelajaran mesin.

Kelestarian

Membina asas pengetahuan dan kecekapan baharu dalam ESG dan risiko iklim serta peluang

Maklumat di Lapangan

Dengan pelonggaran sekatan pandemik dan perjalanan kembali semula, meneroka peluang pelaburan di lapangan, dan melibatkan diri secara peribadi dengan pihak berkepentingan dan pengurusan untuk interaksi yang lebih mendalam dan bermakna.

Pemindahan Pengetahuan

Memulakan hubungan dengan pengurus dana luaran global di UK dan AS, dan meneruskan penglibatan dengan pengantara dan rakan kongsi kami.

Keutamaan dan Inisiatif Penting 2022 Pasaran Awam



Memburu Inovasi

ASN Sukuk

Mengurus dana Sukuk pertama PNB untuk mempelbagaikan lagi rangkaian produk dan menyediakan pemegang unit pilihan tambahan untuk memenuhi selera risiko masing-masing, berdasarkan keadaan pasaran semasa dan prospek jangka panjang.

Perlindungan Nilai

Memperkenalkan meja perlindungan nilai baharu dalam Jabatan Pendapatan Tetap, untuk membolehkan PNB dan dana-dana unit amanah menguruskan risiko pertukaran asing dengan berkesan melalui instrumen perlindungan nilai.

Proses

Terus memperkemas dan mengoptimumkan proses dalaman.

Mengamalkan Pendigitalan dan Cara Kerja Baharu

Automasi

Melaksanakan aplikasi perintis automasi proses robotik untuk pengautomasian proses manual dan berulang.

Sistem

Menerajui penggunaan sistem pengurusan pelaburan teras baharu yang merangkumi semua kelas aset, serta sistem pengurusan penyelidikan dan gudang data pelaburan, untuk membolehkan pengurusan portfolio optimum dan analisis data yang dipertingkatkan, yang dijangka beroperasi pada 2024.

Perdagangan

Memulakan dagangan berasaskan algoritma untuk perdagangan ekuiti melalui platform perantara yang diluluskan, meningkatkan penggunaan perdagangan elektronik untuk perdagangan pendapatan tetap, dan menggunakan analisis kos transaksi untuk menjejaki pelaksanaan terbaik oleh pengantara.

PASARAN AWAM

TINJAUAN 2022

Tahun dalam tinjauan adalah tahun terburuk dalam beberapa dekad untuk pasaran awam di seluruh dunia, dengan kedua-dua ekuiti awam dan aset pendapatan tetap secara serentak mencatatkan pulangan negatif yang ketara. Namun begitu, PNB dapat terus menjana pulangan yang kompetitif untuk pemegang unit, dengan usaha kepelbagaian kami membuahkan hasil dalam mewujudkan portfolio yang lebih berdaya tahan. Kami juga terus melabur untuk masa depan - melancarkan dana baharu, terus membina kapasiti dalam kalangan kakitangan, dan memulakan peningkatan besar sistem teras kami. Seterusnya sambil kami melihat ke hadapan tahun 2023, kami akan berhati-hati mengemudi turun naik pasaran dan kekal komited untuk pelaburan jangka panjang.

EKUITI AWAM

Ekuiti Global



Tahun 2022 menyaksikan pasaran ekuiti global mengalami turun naik yang lebih ketara berikutan peningkatan inflasi, pengetatan dasar monetari dan ketegangan geopolitik yang semakin meruncing. Inflasi yang berterusan tinggi memaksa bank pusat menaikkan kadar faedah secara agresif, dengan Rizab Persekutuan AS menaikkan kadar faedah sebanyak 425 mata asas dan Bank Pusat Eropah keluar dari persekitaran kadar faedah negatif dengan peningkatan 250 mata asas pada tahun tersebut.

Peralihan pantas daripada persekitaran kadar faedah yang rendah menggegarkan pasaran global dan menjejaskan saham pertumbuhan khususnya. Ini diburukkan lagi oleh perang Rusia-Ukraine, yang bukan sahaja meningkatkan risiko geopolitik, tetapi juga memberi kesan ke atas harga komoditi, seterusnya menyemarakkan inflasi. Gangguan rantai bekalan global juga berterusan, sebahagiannya disebabkan oleh penerusan dasar Sifar COVID China.

Walaupun pasaran melantun pada suku keempat 2022, kedua-dua pasaran maju dan pasaran baru muncul masih mengakhiri tahun dengan pengecutan yang ketara, dengan Indeks Dunia MSCI turun sebanyak 19.5% dan Indeks Pasaran Baru Muncul MSCI menurun sebanyak 22.4% untuk tahun tersebut, mengakibatkan penurunan keseluruhan 19.8% untuk penanda aras ekuiti global MSCI All Country World Index.

Walau bagaimanapun, PNB kekal berhemat dalam pelaburan ekuiti awam globalnya pada tahun 2022, mengalihkan peruntukan serantau dan sektoral secara taktikal dan mengurangkan pendedahan risiko apabila perlu, sambil turut mengambil manfaat daripada ketidakpastian pasaran untuk mengambil untung serta mengumpul kedudukan di titik masuk yang menarik, selaras dengan pendekatan pelaburan berasaskan fundamental jangka panjang kami.

Kepelbagaian Ekuiti Awam Global PNB dan UTF



Nota: Setakat 31 Disember

PASARAN AWAM

Ekuiti Domestik

Walaupun pasaran domestik tidak terlepas daripada kesan kemerosotan global dalam pasaran ekuiti, pasaran Malaysia menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding pasaran lain di seluruh dunia, dengan FBM KLCI mengakhiri tahun dengan penurunan 4.6%, sementara FBM100 turun sebanyak 5.4%. Ini mencerminkan kedudukan pasaran Malaysia sebagai permainan yang lebih defensif, dan turut disokong oleh peningkatan ketara dalam aliran masuk asing, dengan RM4.4 bilion mengalir ke pasaran Malaysia pada 2022, berbanding aliran keluar RM3.3 bilion pada 2021. Pasaran juga dirangsang pada suku keempat 2022 dengan kembalinya sentimen risiko di peringkat global, serta kestabilan politik yang lebih baik selepas berakhirnya pilihan raya umum Malaysia ke-15.


Memandangkan pegangan PNB yang meluas dalam ekuiti awam domestik, PNB dapat memanfaatkan prestasi yang agak kukuh ini, dengan jumlah dagangan ekuiti domestik meningkat tahun ke tahun untuk membentuk hampir satu pertiga daripada jumlah dagangan ekuiti PNB dan UTF pada 2022. Portfolio kekal dipelbagai dengan baik, dengan pendedahan merentas kebanyakan sektor utama, termasuk kewangan, keperluan pengguna, perkhidmatan komunikasi dan utiliti.



PASARAN AWAM

Penyumberan Luar dalam Ekuiti Awam Global

Pada 2022, PNB terus menggunakan peruntukan tambahan untuk sembilan pengurus dana luar yang dipilih di bawah Rangka Kerja Penyumberan Luar dalam Ekuiti Awam. Oleh itu, nisbah portfolio ekuiti awam global PNB dan UTF yang menggunakan sumber luar telah meningkat kepada 15%, daripada 11% pada 2021. Bahagian portfolio yang menggunakan sumber luar juga telah mula menghasilkan pulangan dalam bentuk dividen kepada PNB dan UTF, selaras dengan objektif pulangan utama majoriti mandat kami iaitu memberikan Pulangan Pelaburan yang direalisasikan.

Pecahan Ekuiti Awam Global Sumber Luar Mengikut Strategi:

Nota: Setakat 31 Disember

Urus Niaga Utama

Walaupun 2022 menyaksikan penurunan dalam tawaran awam permulaan (IPO) di pasaran global, terutamanya disebabkan oleh kelembapan urusan perjanjian di AS dan Eropah akibat keadaan pasaran yang tidak menentu, PNB masih mendapat akses kepada beberapa peluang IPO terpilih, baik di dalam negeri mahupun di peringkat global. Ini termasuk penyenaian di kedua-dua Pasaran Utama dan Pasaran ACE, serta beberapa pasaran di ASEAN dan Eropah, merentasi pelbagai sektor, termasuk barangan keperluan pengguna, e-dagang, automotif, semikonduktor dan tenaga baharu.

Dana Dagangan Bursa (ETF)

Walaupun lebih rendah tahun ke tahun, ETF di peringkat global masih mencatat aliran masuk bersih yang positif sebanyak USD790 bilion pada 2022, sebahagian besarnya adalah ke dalam ETF Ekuiti, terutamanya ETF AS dan Global. PNB terus aktif menggunakan ETF sebagai alat untuk mendapatkan pendedahan kepada pasaran, sektor dan faktor terpilih, sambil melaksanakan anjakan taktikal, dan mengurangkan risiko dengan cekap dan tepat pada masanya.

PASARAN AWAM

PENDAPATAN TETAP

Pendapatan Tetap Domestik


Kadar hasil bon tempatan meningkat pada tahun 2022, serupa dengan pasaran bon global, selari dengan pengetatan dasar monetari yang agresif oleh bank pusat global. Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan kadar faedah empat kali di sepanjang tahun, menjadikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kepada 2.75%.

Walau bagaimanapun, memandangkan trajektori pengetatan yang kurang agresif yang diambil oleh BNM berbanding bank pusat di pasaran maju, peningkatan hasil bon secara relatifnya kurang ketara, dengan peningkatan antara 30 dan 140 mata asas merentas keluk hasil. Oleh itu, Indeks Semua Bon Agensi Harga Bon Malaysia (BPAM) mencatatkan jumlah pulangan positif sebanyak 1.5% untuk tahun tersebut, mencerminkan prestasi pasaran bon tempatan yang lebih baik berbanding bon global.

Jumlah volum dagangan dan permintaan untuk bon kerajaan berkurangan sedikit tahun ke tahun tetapi mengekalkan daya tahannya. Pembekalan bon korporat pada 2022 adalah sihat, mencerminkan keperluan modal yang berterusan dan permintaan pelabur, dengan volum terbitan bon korporat kasar yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya.

PNB dan UTF terus melabur secara aktif dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII), serta terbitan korporat tempatan, termasuk dalam sektor infrastruktur, hartanah, utiliti, perkhidmatan kewangan dan perladangan. Nilai urus niaga dalam pendapatan tetap domestik untuk PNB dan UTF meningkat pada 2022, mengambil manfaat daripada peluang dalam pasaran tempatan, dan mencerminkan peningkatan keseluruhan dalam peruntukan kepada instrumen pendapatan tetap tahun ke tahun.

Pecahan Portfolio Pendapatan Tetap Domestik Mengikut Kategori:



Nota: Setakat 31 Disember

PASARAN AWAM

Pendapatan Tetap Global

Bon berada dalam keadaan negatif di peringkat global apabila hasil bon meningkat sebagai tindak balas kepada peningkatan ketara kadar faedah berikutan tekanan inflasi, terutamanya dalam pasaran maju, dengan hasil pada Perbendaharaan AS 10 tahun, contohnya, meningkat sebanyak 237 mata asas pada 2022. Indeks Perbendaharaan AS Bloomberg turun sebanyak 12.5% untuk tahun tersebut, manakala indeks pendapatan tetap yang dipantau secara meluas - indeks Agregat Global Bloomberg - mencatatkan penurunan sebanyak 15.2%.

Pendedahan PNB dan UTF kepada instrumen pendapatan tetap global kekal sangat kecil dan bersifat taktikal, termasuk pelaksanaan berhemat peralihan risiko rendah taktikal dan strategi pengambilan hasil untuk dana terpilih. Selaras dengan keadaan pasaran global, urus niaga pendapatan tetap global bagi PNB dan UTF adalah lebih rendah tahun ke tahun.

Perlindungan Nilai

Dengan Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko Pertukaran Asing baharu PNB, tumpuan pasukan perlindungan nilai yang baharu ditubuhkan pada 2022 adalah untuk mengoperasikan rangka kerja tersebut, bermula dengan usaha membina kapasiti, penyediaan awal rakan niaga yang diluluskan, kejayaan menyelesaikan ujian dagangan, dan penyediaan simulasi perlindungan nilai untuk potensi pelaksanaan oleh kelas aset pada 2023.

AKTIVITI LAIN YANG DIJALANKAN OLEH PASARAN AWAM

Dialog Pasaran Awam PNB 2022

Kami telah menganjurkan Dialog Pasaran Awam PNB yang kedua pada tahun 2022 dengan tema, "Building Synergies, Creating Breakthroughs" (Membina Sinergi, Mencipta Kejayaan). Dialog tersebut merupakan peluang yang tidak ternilai bagi PNB untuk terlibat dalam pertukaran pandangan dan idea terbuka dengan rakan kongsi pasaran awam kami. Walaupun Dialog itu masih diadakan secara maya kerana sekatan pandemik, PNB amat berbesar hati dengan sambutan menggalakkan yang diterima, apabila lebih 300 orang peserta luar

daripada 71 firma, mewakili semua rakan kongsi PNB di pasaran awam, termasuk panel pengantara pasaran modal yang diluluskan dan institusi kewangan untuk ekuiti, pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang, pemegang amanah, penjaga dan pengurus dana luar telah hadir.



Melalui Dialog tahunan ini, PNB dapat mengumpulkan semua rakan kongsi, domestik dan global, pada platform yang sama, dan berkongsi rancangan, aspirasi dan jangkaan kami, serta mendengar terus daripada mereka, sebagai sebahagian daripada usaha keseluruhan PNB untuk membina perkongsian jangka panjang yang bermakna. Dialog tersebut juga diikuti dengan beberapa siri penglibatan maya satu-dengan-satu dengan pengantara PNB serta institusi kewangan bertujuan membincangkan maklum balas yang lebih terperinci mengenai prestasi dan harapan mereka.

Penglibatan dan Khidmat Masyarakat

Sepanjang tahun dalam tinjauan, pasukan Pasaran Awam kerap terlibat dengan pihak berkepentingan utama termasuk ejen ASNB, pasukan jualan dan pemasaran serta pemegang unit untuk berkongsi pengetahuan dan pandangan mereka tentang pelbagai topik yang berkaitan, termasuk perkembangan dan arah aliran makro-ekonomi, pandangan pasaran dan persekitarannya serta dana ASN Sukuk yang baharu.

UNJURAN

Melihat ke arah 2023, walaupun beberapa tahap pemulihan tertentu dijangka berlaku merentas pasaran global, ketaktentuan dijangka terus tinggi, kerana pasaran cuba meramalkan trajektori kadar faedah, terutamanya oleh Rizab Persekutuan AS, di tengah-tengah inflasi yang berterusan tinggi, ketegangan geopolitik berterusan, dan kemungkinan berlakunya kemelesetan, terutamanya dalam ekonomi Barat.

Pelabur berwaspada terhadap potensi "perubahan rejim yang berlaku", daripada rejim kadar faedah rendah yang menjadi ciri sedekad terakhir sejak Krisis Kewangan Global, kembali kepada rejim "lebih tinggi untuk jangka masa yang lebih lama", sambil mempertimbangkan kesan jangka panjang persaingan AS-China, trend yang semakin meningkat ke arah deglobalisasi dan penyetempatan rantaian bekalan, dan usaha besar-besaran untuk menyahkarbon ekonomi global.













Walaupun ketidakpastian melahirkan ketaktentuan, dalam ketaktentuan juga terdapat peluang, terutamanya bagi pelabur jangka panjang seperti PNB. Walaupun pergolakan pasaran berlaku dalam jangka pendek, PNB akan terus mencari peluang untuk mengukuhkan dan membina portfolionya, selaras dengan Perumpukan Aset Strategik kami, dan akhirnya, objektif pelaburan jangka panjang kami.

PASARAN PERSENDIRIAN

Bahagian Pasaran Persendirian terdiri daripada empat jabatan dan unit utama - Pelaburan Langsung, Pelaburan Dana Global, Pelaburan Infrastruktur dan Pengurusan & Pemantauan Portfolio.

PELABURAN LANGSUNG

Pasukan Pelaburan Langsung mengenal pasti pelaburan bernilai yang berdaya maju dan berpotensi dalam syarikat sama ada di pasaran domestik atau pelaburan bersama di seluruh dunia bersama pengurus dana pasaran persendirian bereputasi yang mempamerkan asas kukuh, potensi pertumbuhan tinggi dan kedudukan pasaran yang jelas, serta disokong oleh pasukan pengurusan yang berpengalaman dan cekap.

Pelaburan Terkawal Terpilih	Pelaburan Minoriti Terpilih		
 Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)	 Goodyear Malaysia Berhad	 Rahim & Co International Sdn Bhd	 Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd
 Projek Lintasan Kota Sdn Bhd (PROLINTAS)	 Maybank Asset Management Group Sdn Bhd	 Akzo Nobel Paints (M) Sdn Bhd	 Aspac Lubricants (Malaysia) Sdn Bhd
	 Carsem (M) Sdn Bhd	 Ansell N. P. Sdn Bhd	
	 BOH Plantations Sdn Bhd	 Lam Soon (M) Berhad	

PELABURAN DANA GLOBAL

Sementara itu, pasukan Pelaburan Dana Global bekerjasama dengan pengurus dana pasaran persendirian global untuk mempelbagai dan meningkatkan pendedahan PNB dalam Pasaran Persendirian melalui komitmen ke dalam dana pasaran persendirian global merentasi pelbagai strategi dan wilayah.

KRITERIA PEMILIHAN DANA PASARAN PERSENDIRIAN			
Sesuai dengan Strategi PNB	Rekod Prestasi	Keupayaan Pasukan	Tadbir Urus dan Penjajaran Kepentingan
<ul style="list-style-type: none"> Jenis dana yang sesuai untuk strategi PNB Pasaran Maju di seluruh AS, EU dan Asia Pasifik Tumpuan sektor yang pelbagai 	Rekod prestasi cemerlang yang menekankan kepada: <ul style="list-style-type: none"> Prestasi kuartil teratas dana terdahulu Pulangan dan pengagihan bersih yang amat besar Kadar kerugian yang agak rendah 	Pasukan yang stabil dengan keupayaan yang kuat, antara lain dalam: <ul style="list-style-type: none"> Pengalaman melabur Penyumberan urus niaga Penciptaan nilai Pengewangan dan realisasi 	Penjajaran kepentingan yang kukuh dari segi: <ul style="list-style-type: none"> Komitmen pengurus Tadbir urus kukuh Struktur fi kompetitif

PASARAN PERSENDIRIAN

TINJAUAN 2022

Pada tahun 2022, Bahagian Pasaran Persendirian terus meletakkan modal ke dalam kelas aset pasaran persendirian berpandukan Rangka Kerja Pelaburan Persendirian yang menggariskan, antara lain, strategi dan struktur pelaburan, serta strategi perumpukan aset lima tahun. Sasaran kami adalah untuk meningkatkan peruntukan pasaran persendirian kami daripada kira-kira 4% pada masa ini, kepada 6%-7% daripada aset di bawah pengurusan (AUM).

Bahagian ini selanjutnya dipandu oleh Rangka Kerja Pelaburan Persendiannya yang berfungsi sebagai panduan untuk inisiatif dan proses pelaburan utama. Pada tahun dalam tinjauan, unit Pengurusan & Pemantauan Portfolio berpandukan Rangka Kerja Pengurusan Portfolio, selanjutnya ditugaskan untuk menyelaraskan dan menyatukan proses pelaburan serta meningkatkan proses pelaburan dengan melaksanakan Ketekunan Wajar Operasi bagi peluang pelaburan baharu.

Rangka Kerja Pelaburan Persendirian

VISI	Untuk mengambil bahagian secara bermakna dalam kelas aset yang menarik, dengan itu meningkatkan pulangan bagi Kumpulan PNB		
KEUTAMAAN	PENGAMBILALIHAN - GLOBAL	PERTUMBUHAN - GLOBAL	SEKUNDER - GLOBAL
	<ul style="list-style-type: none"> Kebolehskalaan, profil pulangan- risiko teras pasaran persendirian 	<ul style="list-style-type: none"> Ekonomi baru muncul, industri zaman baharu 	<ul style="list-style-type: none"> Profil tunai pelengkap kepada portfolio Pasaran Persendirian
PEMBOLEH	LANGSUNG - MALAYSIA	PELABURAN BERSAMA - GLOBAL	MODAL TEROKA (VC) - GLOBAL
	<ul style="list-style-type: none"> Keupayaan penjana alfa domestik 	<ul style="list-style-type: none"> Keupayaan menjana alfa global 	<ul style="list-style-type: none"> Peluang, bersama firma VC peringkat atas
Bakat - Penyusunan semula Pasukan Pasaran Persendirian selaras dengan portfolio yang disasarkan			
Proses - Amalan terbaik dalam kelasnya untuk membolehkan pelaksanaan yang cekap			
Tadbir Urus - Untuk menyesuaikan rentak dan nuansa pelaburan pasaran persendirian			
Risiko - Rangka kerja risiko khusus pasaran persendirian			

Rangka Kerja Pengurusan Portfolio

VISI UNTUK PENGURUSAN PORTFOLIO	Untuk meningkatkan pengurusan portfolio keseluruhan Pasaran Persendirian ke arah meningkatkan pulangan, pemantauan dan proses pelaburan.			
TERAS DAN INISIATIF STRATEGIK	Perumpukan dan analisis portfolio	Inisiatif penciptaan nilai	Pemantauan pelaburan	Sokongan Pelaburan
	<ul style="list-style-type: none"> Pandangan tentang Perumpukan Portfolio Penjejakan Prestasi Pengurus Dana 	<ul style="list-style-type: none"> Rasionalisasi Aset Pelan Penciptaan Nilai 	<ul style="list-style-type: none"> Pemantauan Syarikat Portfolio Pelaksanaan Proses Pelaburan 	<ul style="list-style-type: none"> Penyediaan sokongan dalam Proses Ketekunan Wajar sedia ada Sokongan aktif dalam pelaksanaan pelaburan
PEMBOLEH	Pasukan Pengurusan Portfolio - Menubuhkan pasukan pengurusan portfolio			
	Sistem dan Aplikasi - Sistem Pengurusan Pelaburan, Alatan Riskan Perniagaan			


PASARAN PERSENDIRIAN

MEMPERLUASKAN PORTFOLIO PASARAN PERSENDIRIAN KAMI

Bahagian Pasaran Persendirian mempunyai sasaran penggunaan dan komitmen tahunan hampir USD1 bilion, dengan kira-kira 40% akan disalurkan melalui Program Pelaburan Langsung atau Bersama, dan kira-kira 60% melalui komitmen dana dalam Program Pelaburan Dana Global (GFI). Dari segi nilai pasaran, kira-kira 45% daripada portfolio Pasaran Persendirian kami pada TK2022 adalah dalam bentuk pelaburan domestik, dan 55% dalam bentuk pelaburan global terutamanya melalui Program GFI. Pelaburan global telah mengatasi pelaburan domestik kerana ia kini merangkumi sebahagian besar nilai pasaran untuk Bahagian Pasaran Persendirian dan ia meningkat daripada kira-kira 38% pada tahun sebelumnya, selaras dengan usaha kepelbagaian kami ke dalam pelaburan global.

Ringkasan Program Rangka Kerja Pelaburan Persendirian (PIF) pada 31 Disember 2022

PIF menyasarkan untuk mencapai kepelbagaian antarabangsa selanjutnya untuk PNB merentasi pelbagai wilayah



Nota: Pelaburan di atas adalah terkumpul sejak permulaan program PIF.

TAMBAHAN KELAS ASET BAHARU – INFRASTRUKTUR GLOBAL

Dalam usaha untuk mempelbagaikan lagi asas aset kami dan untuk meneroka lebih banyak peluang yang memberikan hasil awal dan stabil, Bahagian Pasaran Persendirian telah ditugaskan untuk merangka Rangka Kerja Pelaburan Infrastruktur (IIF) untuk membimbing strategi dan pelan penggunaan pelaburan ke dalam kelas aset baharu untuk Kumpulan PNB - Infrastruktur Global. Kelas aset ini disasarkan untuk memberikan pulangan pelarasan risiko yang menarik iaitu, nisbah pulangan yang tinggi dalam bentuk pengagihan hasil dengan pergerakan turun naik yang agak rendah. Selain itu, ia boleh berfungsi sebagai alat perlindungan nilai terhadap inflasi untuk melindungi nilai sebenar portfolio, terutamanya dalam persekitaran inflasi.

PASARAN PERSENDIRIAN

Rangka Kerja Pelaburan Infrastruktur

VISI	Untuk memasuki kelas aset infrastruktur yang menarik, dengan itu meningkatkan pulangan pelarasan risiko jangka panjang sambil memberikan hasil tunai yang stabil.		
KEUTAMAAN	STRATEGI PELABURAN <ul style="list-style-type: none"> • TERAS ATAU TERAS + • NILAI-TAMBAH • OPORTUNISTIK 	GEOGRAFI <ul style="list-style-type: none"> • DOMESTIK • AMERIKA UTARA • EROPAH • ASIA DAN SELURUH DUNIA (ROW) 	STRATEGI PENDEKATAN <ul style="list-style-type: none"> • PELABURAN LANGSUNG ATAU BERSAMA • TERBUKA • TERTUTUP
PEMBOLEH	<p>Tadbir Urus - Struktur Pegangan Pelaburan selaras dengan kelas aset Infrastruktur dan amalan terbaik</p> <p>Bakat - Membina Pasukan Infrastruktur selaras dengan portfolio sasaran</p> <p>Proses - Melaksana proses pelaburan dengan acuan ketekunan wajar yang teguh, rangka kerja perhubungan, unjuran</p> <p>Sistem - Membangunkan sistem Infrastruktur dengan pangkalan data bersepadu dan fungsi pemantauan</p>		



UNJURAN

Memandangkan masalah makroekonomi semasa yang mencabar, pasaran persendirian dijangka terkesan daripada kenaikan kadar faedah yang berterusan, kesan inflasi dan ketidaktentuan geopolitik. Walau bagaimanapun, industri terus mengejar pertumbuhan dengan membuka kunci peluang penciptaan nilai dan menerapkan kecemerlangan operasi dalam pelbagai syarikat portfolio.

PNB akan meneruskan usahanya untuk melabur dan melibatkan diri dengan pengurus dana pasaran persendirian bereputasi sedia ada dan prospektif dengan rekod prestasi cemerlang dan keupayaan operasi. Selaras dengan aspirasi kami untuk memasuki kelas aset Infrastruktur Global, tumpuan juga adalah ke arah membina keupayaan dalaman dan melabur dalam peluang-peluang dengan komponen hasil yang kukuh dalam landskap pelaburan Infrastruktur yang mantap.

HARTANAH


Aktiviti perniagaan sebahagian besarnya pulih pada tahun 2022 apabila negara-negara membuka semula ekonomi mereka seiring dengan pergerakan dunia ke arah endemik, menandakan peningkatan dalam prospek hartanah apabila hartanah komersial diaktifkan semula di tengah-tengah pemulihan permintaan pengguna. Walau bagaimanapun, pasaran hartanah global kekal mencabar apabila bank pusat di seluruh dunia mengetatkan dasar monetari dan kos bahan binaan meningkat terutamanya disebabkan oleh gangguan dalam rantaian bekalan.

Di sebalik halangan ini, PNB terus membina portfolio pelbagaian aset berkualiti tinggi dalam pelbagai sektor dan geografi dengan mencapai sasaran perumpukan aset strategik kami melalui penggunaan terpilih dalam dana global bernilai kira-kira USD500 juta atau bersamaan RM2 bilion sepanjang 2022. Dipandu oleh Rangka Kerja Pelaburan Hartanah kami, kami percaya bahawa portfolio hartanah boleh memberikan tahap pendapatan berulang yang munasabah kepada pemegang unit, terutamanya dengan pendekatan berhemat kami yang menyasarkan aset dengan asas yang kukuh dan berpotensi untuk peningkatan modal jangka panjang.


Rangka Kerja Pelaburan Hartanah

OBJEKTIF : Mencapai pulangan dan kepelbagaian pelarasan risiko yang menarik tanpa menjejaskan hasil tunai.

STRATEGI RISIKO



GEOGRAFI



KEPELBAGAIAN



ANTARABANGSA

19 PERLABURAN HARTANAH
25 DANA HARTANAH

DOMESTIK

33 PERLABURAN HARTANAH
2 DANA HARTANAH
6 HOTEL DAN TEMPAT PERANGINAN
2 PADANG GOLF

>8,000

EKAR TANAH SELURUH MALAYSIA

HARTANAH

PENCAPAIAN UTAMA

Dalam portfolio antarabangsa kami, 2022 merupakan tahun penting yang menyaksikan pembukaan mercu tanda ikonik Britain, Stesen Janakuasa Battersea di Pusat Bandar London selepas hampir empat dekad ditutup. Usahasama kami dengan konsortium pelabur Malaysia berjaya memulihkan kawasan itu dan telah dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada Oktober 2022.

Di peringkat domestik, pembangunan perbandaran Kota Seri Langat telah berjalan dengan baik, dengan taman perindustrian yang dikenali sebagai Compass @ Kota Seri Langat dilancarkan secara rasmi pada Ogos 2022. Pembangunan Compass @ Kota Seri Langat menawarkan dua konsep, Compass Industrial & Logistics Park - taman perindustrian seluas 120 ekar yang diperakui hijau dan terurus yang memenuhi keperluan gudang dan lot pembuatan terbina mengikut kesesuaian - dan Compass SME Precinct, sebuah taman seluas 59 ekar dengan kilang dan gudang yang siap dibina. Sementara itu, segmen hospitaliti menyaksikan penyediaan pengubahsuaian Villea Port Dickson kami, yang dibuka semula kepada orang ramai pada Oktober 2022. Selain itu, kami juga terus giat mengimbangi semula portfolio kami melalui pelupusan dan pengambilalihan aset sambil membuka kunci nilai daripada bank tanah kami melalui pengewangan petak tanah.

UNJURAN

Melangkah ke hadapan, 2023 dijangka kekal mencabar untuk industri hartanah. Beberapa risiko yang kami jangkakan termasuk kenaikan kadar faedah yang berterusan dan peningkatan ketegangan geopolitik yang boleh menjejaskan portfolio luar negara kami. Risiko lain termasuk kenaikan tinggi harga bahan binaan yang berterusan serta isu kekurangan buruh di pasaran. Namun begitu, kami percaya bahawa masih terdapat lebih banyak peluang untuk dimanfaatkan dalam ruang industri dan logistik.

PNB akan kekal fokus pada aset hartanah teras, sambil meningkatkan portfolio hartanah kami melalui aktiviti kitar semula modal yang aktif dan kemajuan berterusan dalam projek pembangunan utama kami. Kami juga akan terus mengenal pasti peluang pelaburan baharu, meneruskan inisiatif peningkatan aset dan menggabungkan elemen ESG dalam kedua-dua aset sedia ada dan baharu.

**MERDEKA 118 – KEMAS KINI KEMAJUAN****Meraikan Kemajuan**

Memandangkan menara Merdeka 118 semakin hampir siap, pembangunan itu terus mencatat pencapaian penting pada 2022 dengan pengumuman penyewa utama pertamanya, penyertaan di pentas global pada Persidangan Majlis Bangunan Tinggi dan Habitat Bandar (CTBUH) dan penyediaan fasad Menara.

HARTANAH

Dalam meraih penyewa utama pertamanya, menara Merdeka 118 akan menyambut Maybank pada suku pertama 2025 apabila institusi kewangan itu mengesahkan pemindahan ibu pejabat korporatnya di Menara Maybank. Bank tersebut dijadualkan menduduki 33 tingkat dengan jumlah penghunian seluas 650,000 kaki persegi.

Pembangunan Merdeka 118 juga membuat penampilan sulung antarabangnya pada Persidangan CTBUH 2022 di Chicago, AS yang dihadiri lebih 50 negara dan menara Merdeka 118 secara rasmi diiktiraf sebagai bangunan kedua tertinggi di dunia dan yang tertinggi di Asia Tenggara.

Menamatkan tahun dalam tinjauan dengan penuh bergaya, bangunan ini meraikan penyiapan fasad kacanya apabila panel terakhir telah dipasang dengan selamat. Merdeka 118 terdiri daripada kira-kira 18,000 panel kaca yang membentuk fasad kristal menara. Dengan pemasangan panel akhir tersebut, menara ini siap 95%.

Meraikan Komuniti

PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (PMVSB), anak syarikat milik penuh PNB, pemilik dan pembina presint ini, amat menyedari elemen sejarah dan budaya warisan lokasi pembangunan. Untuk memberi penghormatan kepada komuniti yang telah lama bertapak di sekitar presint, PMVSB melancarkan inisiatif serampang tiga mata pada 2021 bersama Think City sebagai langkah strategik untuk mengintegrasikan pembangunan moden dengan kejiranan yang mewakili identiti kawasan tersebut.

Meraikan Warisan

Memelihara budaya dan warisan Melayu melalui legasi Allahyarham Puan Azah Aziz, tokoh budayawan Melayu terulung Malaysia.

Muzium Tekstil Merdeka merupakan penyimpan kepada usaha sepanjang hayat Puan Azah, yang terdiri daripada koleksi peribadi tekstil, kostum dan aksesori dunia Melayu tradisional. Keluarga Allahyarham Puan Azah telah menyumbangkan koleksi tersebut yang akan dipamerkan apabila muzium dibuka pada tahun 2025. Muzium ini juga akan dijadikan pusat pembelajaran dan pengunjung boleh melibatkan diri melalui pengalaman mempesonakan tekstil dunia Melayu.

PESZTA untuk Masyarakat

Acara julung kali PESZTA untuk Masyarakat sempena Hari Kebangsaan Malaysia ke-65 telah dianjurkan oleh PMVSB dan Think City. PESZTA, pesta bertemakan Merdeka berlangsung di hab seni dan budaya Kampung Attap yang terletak di presint Merdeka 118. Festival tersebut menarik lebih 3,000 pengunjung dengan aktiviti termasuk lawatan Realiti Maya Stadium Merdeka, Merdeka Heritage Walk, persembahan Wayang Kulit, pameran kebudayaan interaktif, persembahan muzik secara langsung daripada artis tempatan dan penyediaan makanan daripada usahawan masakan tempatan. PESZTA menyasarkan untuk menyokong perniagaan tempatan di kawasan presint dengan menggalakkan penyertaan dan menyediakan Program Geran Komuniti Merdeka 118 sebagai platform untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka. Festival itu merupakan salah satu inisiatif utama yang mempamerkan hubungan harmoni antara Merdeka 118 dan masyarakat sekeliling sambil memupuk keterangkuman dan perpaduan di tengah-tengah presint Merdeka 118.



HARTANAH

Program Geran Komuniti Merdeka 118

Dilancarkan pada 2021, Program Geran Komuniti Merdeka 118 bertujuan untuk memberi tumpuan kepada empat lokasi utama dalam kawasan presint dan meningkatkan empat aspek iaitu komuniti, sukan, seni dan warisan serta aktiviti keusahawanan. Empat lokasi itu ialah kawasan Kampung Attap (komuniti seni dan kreatif), sekitar Petaling Street (perdagangan tradisional dan perniagaan baharu), presint Bukit Bintang (institusi pendidikan dan sukan) dan presint Pudu (komuniti B40).

Pada akhir 2022, penerima geran Cycle One telah menunjukkan kemajuan dan pencapaian yang ketara termasuk:



Pembiakan Lebah Pintar Tanpa Sengat –

Diterajui oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), inisiatif ini menganjurkan majlis menuai madu pertamanya pada Ogos 2022 di Perumahan Awam (PA) Seri Sarawak. Semasa permulaan projek, Pasukan PNBMV, PNB, DBKL, Think City dan persatuan penduduk dibimbing oleh UIAM dalam menyediakan kawasan hijau untuk sarang lebah dan menanam pokok berbuah, bunga dan herba yang bermanfaat kepada lebah.



Naik taraf bola keranjang komuniti –

Program geran tersebut juga membantu kerja-kerja menaik taraf gelanggang bola keranjang di kejiranan Jalan Hang Jebat, termasuk menurap semula konkrit, mengecat garisan grid baharu dan menanam lebih banyak pokok di kawasan sekitar. Pembukaan semula rasmi gelanggang ini diadakan pada Jun 2022 bersama-sama kejohanan bola keranjang 'Musim Panas Pertama' yang disertai oleh pelajar dari sekolah-sekolah dalam presint Merdeka 118.



Projek Makan, Berdoa, Berkasih Sayang –

Projek yang diketuai oleh Kaki Jelajah Warisan ini menganjurkan ceramah dan berjalan 'Semangat Merdeka' pertamanya yang menonjolkan asal-usul kawasan dari Stadium Merdeka ke lorong belakang Chinatown dan Jalan Pudu. Selain daripada anekdot dan fakta sejarah yang menarik, sesi ini juga menyediakan pengalaman menarik kepada penduduk tempatan dan pelawat antarabangsa untuk mengetahui lebih lanjut tentang Kuala Lumpur.



Program Vokasional untuk Wanita –

Memperkasakan anak gadis dan wanita melalui kemahiran vokasional, geran ini menyokong kelas masakan dan membuat kek untuk 30 wanita. Projek ini disasarkan untuk memberi manfaat kepada wanita muda dengan membuka peluang pekerjaan untuk mereka.



Program Usahawan –

Sinergi Aspirasi Global menganjurkan Program Pemerikasaan Ekonomi, bertujuan untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan komuniti B40 yang tinggal di kawasan perumahan awam sekitar presint Merdeka 118. Program khas ini menyediakan latihan meningkatkan kemahiran peserta untuk membuka perniagaan dalam talian dari rumah, strategi pemasaran dan kesediaan diri untuk pasaran kerja. Para peserta dengan makanan penyediaan sendiri telah diberikan platform pada acara PESZTA yang pertama untuk mempamerkan dan menjual produk dan makanan mereka di gerai-gerai komuniti yang disediakan.



Kolektif Kampung Attap –

Dengan geran tersebut, inisiatif itu menyusun pelbagai program kreatif untuk mempertingkatkan persada seni dan warisan di presint Merdeka 118. Program ini termasuk pertunjukan muzik, bengkel mengenai pemuliharaan dan pembaikan buku, pameran seni dan pasar komuniti di pelbagai tempat, termasuk Bangunan Zhongshan, Rumah Pentago dan SAM Mansion. Perayaan PESZTA merupakan kemuncak inisiatif untuk peserta mempamerkan dan menjual produk buatan sendiri mereka.

Menyaksikan kemajuan dan kejayaan pelbagai inisiatif yang digerakkan secara proaktif oleh rakan kongsi dan penganjurnya, Program Geran Komuniti Merdeka 118 telah diperluaskan kepada Cycle Two, dengan objektif untuk meluaskan kalangan penerima. Cycle Two dibuka untuk permohonan dari 1 Disember 2022 hingga 9 Januari 2023 melalui laman mikro khusus. Sehingga akhir Disember 2022, program ini telah menerima 43 penyertaan. Untuk menyampaikan program dengan lebih berkesan, lima sesi hari terbuka yang terdiri daripada tiga sesi maya dan dua sesi fizikal telah dianjurkan pada bulan Disember dan Januari untuk memberi taklimat, sumbang saran, mengatur dan berhubung dengan masyarakat.

Sama seperti Cycle One, program ini memberi keutamaan kepada sukan, seni, pendidikan dan komuniti perniagaan dalam presint Merdeka 118 dengan satu set garis panduan. Penilaian cadangan projek yang dikemukakan akan dijalankan oleh Panel Semakan yang dianggotai oleh ahli PMVSB dan Think City bersama Panel Penasihat Teknikal bebas yang pakar dalam pelbagai disiplin iaitu sukan, seni, komuniti, teknologi, pemuliharaan dan warisan dan pembangunan keusahawanan.

Program Geran Komuniti Merdeka 118 direka untuk jangka panjang kerana ia juga akan terus menyokong inisiatif Cycle One dengan meningkatkan pengembangan projek semasa untuk membolehkannya mencapai tahap yang mampan.

UNIT AMANAH ASNB

Pada tahun 2022, satu pencapaian penting telah direkod apabila Pelan Strategik ASNB 2030 dimulakan dengan tumpuan kepada Nasihat dan Pelaburan Dipercayai. Berpegang kepada visi ini, ASNB berhasrat untuk meletakkan dirinya sebagai penasihat pilihan, pada masa yang sama mendemokrasikan nasihat kewangan dengan menjadikannya mudah diakses oleh semua. Pencapaian objektif ini telah membawa kepada pelaksanaan inisiatif penting dalam teras strategik Penasihat, Produk dan Saluran, memacu gelombang transformasi awal. Untuk memulakan usaha ini, pemboleh penting, iaitu Data dan Tindakan Teknologi, dan Organisasi serta Bakat, telah diaktifkan dengan bersungguh-sungguh.

Pelan Strategik ASNB 2030 (ASP30)

Nasihat dan Pelaburan Dipercayai

TERAS 1

Nasihat untuk Mencapai Matlamat

TERAS 2

Set Produk Berfokus dan Pelbagai

TERAS 3

Penyampaian Pelbagai Saluran

Teras 1: Nasihat untuk Mencapai Matlamat

TERAS 1

ASNB komited untuk meningkatkan khidmat nasihat kami untuk membantu pemegang unit dengan lebih baik dalam mencapai keperluan dan matlamat mereka. Sepanjang tahun tinjauan, kami memberi penekanan yang ketara untuk meningkatkan celik kewangan melalui pelbagai platform, termasuk acara fizikal dan dalam talian seperti Fiesta Labur PNB @ Home, Webinar Sembang-sembang ASNB, dan Kuiz Pelaburan PNB 2022.



Untuk membaca lebih lanjut mengenai usaha kami untuk meningkatkan celik kewangan rakyat Malaysia, sila buka halaman 94 hingga 102, Mengimbangi Keuntungan & Pelaburan Sosial

UNIT AMANAH ASNB

TERAS 2

Teras 2: Set Produk Berfokus dan Pelbagai

Selaras dengan matlamat ASNB meluaskan rangkaian produk bagi memudahkan perkhidmatan nasihat kami dalam mewujudkan portfolio pelaburan peribadi yang bersesuaian dengan keperluan pemegang unit, kami memperkenalkan dana sukuk sulung kami, ASN Sukuk, pada 25 November 2022. Kemasukan terbaru ini memperluaskan penawaran produk ASNB yang pelbagai, yang merangkumi dana harga tetap, dana ekuiti, dana aset campuran terimbang dan konservatif, dan dana pendapatan tetap.



Pelancaran ASN Sukuk

Tarikh Pelancaran: 25 November 2022
Jenis Dana: Pendapatan
Kategori Dana: Sukuk

- ASN Sukuk ialah dana unit amanah pendapatan tetap Islam yang pertama oleh ASNB
- Selaras dengan usaha ASNB dalam mengembangkan rangkaian penawaran produknya untuk memenuhi keperluan pelabur Malaysia yang semakin meningkat, terutamanya pelabur yang mengelak risiko tetapi mencari pendapatan jangka sederhana hingga panjang yang mampan dengan peluang pertumbuhan modal.

Objektif Pelaburan

Menyediakan pemegang unit pendapatan yang stabil dan peluang pertumbuhan modal melalui pelaburan terutamanya dalam portfolio sukuk dan aset cair Islam yang lain.

Perumpukan Aset

Dana ini berusaha untuk mencapai objektifnya dengan melabur dalam perkara berikut:

- Minimum 80% daripada nilai aset bersih (NAV) dalam sukuk termasuk Terbitan Pelaburan Kerajaan;
- Maksimum 20% daripada NAVnya dalam instrumen pasaran wang Islam dan pelaburan lain yang dibenarkan; dan
- Maksimum 20% daripada NAVnya dalam sukuk tidak bertaraf.

Penanda Aras Prestasi

90% Indeks Sukuk BPAM RF dan 10% Deposit Tetap (FD) Maybank- iRate

Setakat 31 Disember 2022, 92.4 juta unit ASN Sukuk telah dilanggan oleh 3,042 pemegang unit melalui kaunter dan platform digital.





Wakaf ASNB

Wakaf ASNB ialah tawaran perkhidmatan untuk pemegang unit ASNB menguruskan perancangan kewangan mereka sambil menggalakkan mereka melakukan amal kebajikan dan menjalankan tanggungjawab sosial. Sejak pengenalan Wakaf ASNB pada 25 Oktober 2021, seramai 7,603 pemegang unit ASNB telah melanggan perkhidmatan tersebut dan telah menyumbang lebih daripada 30.32 juta unit wakaf. Berdasarkan sumbangan tersebut, unit wakaf ini telah berjaya menjana agihan pendapatan melebihi RM0.75 juta.

Selepas ditolak yuran berkaitan daripada pengagihan pendapatan, jumlah bersih Dana Manfaat Wakaf berjumlah RM0.55 juta telah diperuntukkan untuk pengagihan projek wakaf. Setakat 31 Disember 2022, jumlah pengagihan Dana Manfaat Wakaf ialah RM73,365 dan baki RM479,980 telah diagihkan pada suku pertama 2023.


Dana Manfaat Wakaf telah diedarkan kepada masyarakat tempatan di seluruh Malaysia. Sebanyak 182 entiti dan penerima seperti sekolah, hospital, masjid, pusat kebajikan dan mangsa banjir telah mendapat manfaat daripada pengagihan ini dalam pelbagai bentuk untuk membantu keperluan mereka. Pengagihan itu turut disokong melalui perkongsian pintar dengan Majlis Agama Islam Negeri dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) terkemuka seperti Yayasan Ikhlas, Mercy Malaysia dan MyCare.

 **7,603**
(Pewakaf)

 **30.32 mil**
(Unit Wakaf)

 **RM553,345**
(Dana Manfaat Wakaf)

 **RM73,365**
(Agihan setakat 31 Disember 2022)

 **RM479,980**
(Dana Manfaat Wakaf untuk pengagihan pada suku pertama 2023)

ASNB bersama anak syarikatnya, ASNB Wakalah Sdn. Bhd. komited untuk menguruskan dana wakaf yang disumbangkan oleh pemegang unit kami dengan integriti tinggi, ketelusan dan pengagihan yang berkesan.

UNIT AMANAH ASNB

TERAS 3

Teras 3: Penyampaian Pelbagai Saluran

ASNB berusaha untuk memaksimumkan semua saluran yang ada untuk menyepadukan dan menyampaikan khidmat nasihat dan produk, dengan tumpuan utama pada pendigitalan untuk mencapai kecekapan yang lebih tinggi dan untuk meningkatkan pengalaman pengguna secara keseluruhan.

Kiosk v4

Penambahbaikan Kiosk ASNB telah disiapkan pada Februari 2022. Peningkatan ini membolehkan pemegang unit melakukan transaksi kewangan layan diri, termasuk langganan, penukaran dan pemindahan. Hasilnya, ia telah memperbaiki masa menunggu dan keseluruhan pengalaman pelanggan di titik hubungan fizikal.

Kios ini boleh didapati di semua cawangan ASNB dan Unit Mudah Alih ASNB. Kios luar tapak turut diperkenalkan pada tahun ini dengan lokasi sulung di stesen LRT Masjid Jamek, diikuti dengan penempatan di cawangan ejen terpilih seperti Menara Maybank dan cawangan Maybank Shah Alam.

Chatbot

Pada November 2022, kami memperkenalkan aplikasi chatbot yang direka untuk meningkatkan pengalaman pelanggan dalam talian ASNB. Alat intuitif ini berkesan membimbing pemegang unit dengan menangani Soalan Lazim mereka mengenai pelbagai topik, termasuk portal myASNB, produk kami dan cawangan ASNB.

Ejen sembang langsung juga disediakan untuk memberikan bantuan lanjut.

Cawangan digital

Empat cawangan ASNB yang terdiri daripada ASNB Kangar, ASNB Kota Bharu, ASNB Bintulu, dan ASNB Kuala Terengganu telah menyelesaikan transformasi digital masing-masing pada 2022.

Setakat 31 Disember 2022, terdapat tujuh cawangan ASNB yang dimasukkan elemen digital di seluruh negara, menyokong penggunaan tawaran digital ASNB dan mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk penyediaan khidmat nasihat.

Peningkatan Sistem Teras ASNB

Pada Jun 2022, ASNB berjaya memindahkan sistem terasnya daripada platform .NET ke JAVA. Peralihan ini telah menghasilkan fleksibiliti sistem yang dipertingkatkan, kemesraan penggunaan yang lebih baik dan sejajar dengan amalan industri, dibantu oleh peningkatan perkakasan dan infrastruktur IT.

Selain itu, peningkatan sistem teras telah membolehkan waktu operasi untuk myASNB dan platform perbankan internet terpilih dilanjutkan dan transaksi dapat dilakukan seawal jam 2.00 pagi.

UNJURAN

Kami kekal komited untuk membangun dan melaksanakan beberapa projek dan inisiatif yang dikenal pasti secara berterusan dalam tempoh terdekat (iaitu dalam tempoh 2023-2025), berpandukan hasrat strategik kami seperti yang ditetapkan dalam Pelan Strategik ASNB 2030. Projek dan inisiatif ini berfungsi membina kapasiti untuk pertumbuhan masa hadapan, berpaksikan penawaran perkhidmatan dan penyediaan penyelesaian kepada pemegang unit kami.

Selain daripada mempertingkatkan program celik kewangan sedia ada, tumpuan kami adalah untuk menawarkan perkhidmatan nasihat dalam bentuk digital yang senang diakses, mudah dan ringkas kepada semua rakyat Malaysia. Selain itu, penawaran dana baharu akan berdasarkan penilaian strategik produk-produk sedia ada dan hasrat untuk memenuhi keperluan kewangan rakyat Malaysia merentas semua kitaran hayat dan profil risiko. ASNB kini dalam proses melaksanakan transformasi digital untuk beberapa cawangan tambahan, bertujuan untuk meningkatkan keupayaan digital mereka. Kami juga sedang meneroka potensi perkongsian dengan platform digital terpilih untuk mengembangkan saluran pengedaran kami, meluaskan jangkauan dan kebolehpasaran kami kepada khalayak yang lebih luas. Menyedari kepentingan pengalaman pelanggan yang baik, kami berhasrat untuk meningkatkan tahap penglibatan sepanjang perjalanan pelabur dengan ASNB dan merentasi semua saluran dengan melabur dalam penyelesaian yang akan mengurus perhubungan organisasi dengan pemegang unit sedia ada dan baharu dengan lebih berkesan. Pada masa yang sama, kami akan terus membina keupayaan analitik lanjutan dalam memacu membuat keputusan perniagaan berasaskan data.

Secara keseluruhannya, kami terus berusaha ke arah merealisasikan aspirasi jangka panjang kami untuk menjadi penasihat pilihan dan mendemokrasi nasihat kewangan, yang kami percaya akan membantu dalam memenuhi mandat kami secara berterusan untuk meningkatkan kekayaan masyarakat Bumiputera dan semua rakyat Malaysia.

Melangkah Maju Dengan Komitmen Kemampuan Kami



Membolehkan Peralihan kepada Ekonomi Hijau	80
• Perusahaan Sifar Bersih menjelang tahun 2025	81
• Portfolio Sifar Bersih menjelang tahun 2050	83
• RM10 Bilion dalam Aset Hijau dan Peralihan Baharu menjelang 2030	84
Menggalakkan Ekuiti dan Keterangkuman	85
• Gaji Kehidupan Wajar di PNB menjelang tahun 2023	85
• Kertas Dasar Hak Buruh menjelang tahun 2022	85
• 40% Wanita dalam Kepimpinan PNB menjelang tahun 2025	94
• Mengimbangi Keuntungan dan Pelaburan Sosial	94
Menganjurkan Amalan Tadbir Urus yang Kukuh	103
• Model Pengawasan Triple Bottom Line	103
• Ketelusan dalam Pengundian	104
• Pendedahan yang Seajar dengan TCFD	105

MENDAYAKAN PERALIHAN KE ARAH EKONOMI HIJAU

Walaupun perubahan iklim adalah fenomena semula jadi yang berlaku dalam jangka masa yang panjang, bukti saintifik telah menunjukkan bahawa ia telah dipercepatkan oleh pemanasan global yang semakin serius disebabkan oleh gas rumah hijau (GHG) yang terhasil daripada aktiviti manusia. Kesan negatif perubahan iklim seperti gelombang haba yang melampau, taufan dan banjir telah mengganggu kehidupan di seluruh dunia. Pada Disember 2022 sahaja, banjir telah memaksa lebih 71,000 orang dari lima negeri di Malaysia meninggalkan kediaman mereka dan berpindah ke kira-kira 400 pusat perlindungan sementara demi keselamatan²

Impak daripada perubahan iklim boleh memberi kesan meluas dalam dunia perniagaan, yang timbul akibat peningkatan dalam peraturan iklim, gangguan dalam rantaian bekalan hinggalah kepada perubahan permintaan pengguna untuk penyelesaian karbon rendah. Oleh itu, organisasi korporat perlu mengambil tindakan iklim segera dan menangani isu global yang mendesak tentang perubahan iklim dengan beralih kepada ekonomi hijau atau rendah karbon. Di PNB, kami komited untuk mencapai Perusahaan Sifar Bersih menjelang 2025 dan Portfolio Sifar Bersih menjelang 2050. Pada tahun 2022, kami telah mengambil langkah nyata untuk mengukur pelepasan GHG kami merentas kedua-dua portfolio perusahaan dan pelaburan, menentukan sasaran interim untuk membimbing usaha penyahkarbonan kami dan membangunkan rangka kerja untuk menyokong penyepaduan pertimbangan ESG dalam proses membuat keputusan perusahaan dan pelaburan kami.

Untuk mencapai Perusahaan Sifar Bersih, kami berhasrat untuk melabur dalam langkah-langkah cekap tenaga, memperoleh tenaga hijau dan berusaha untuk menerapkan budaya ESG dalam Syarikat kami. Kami sedang menubuhkan pasukan petugas khusus untuk melaksanakan inisiatif Perusahaan Sifar Bersih kami. Untuk menyokong pembangunan ekosistem yang lebih luas, kami mengambil bahagian dalam Program Transformasi PLC (PLCT) Bursa yang bertujuan untuk mentransformasi syarikat tersenarai awam di Malaysia menjadi organisasi berprestasi tinggi yang boleh menghasilkan penciptaan nilai mampan. Kami juga menyokong pasaran karbon sukarela Bursa dan menjadi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan pertama yang mengambil bahagian dalam lelongan kredit karbon sulung negara yang diadakan oleh Pasaran Bursa Karbon pada Mac 2023. Pasaran karbon berperanan penting dalam meningkatkan aliran kewangan ke

arah projek hijau dan membenarkan sektor korporat untuk membeli ofset karbon bagi pelepasan GHG mereka yang sukar dikurangkan. Kami berharap penyertaan kami akan menyokong pertumbuhan ekosistem pasaran karbon tempatan.

Kami memahami bahawa ia memerlukan usaha bersepadu untuk benar-benar beralih kepada ekonomi hijau dan telah berhubung dengan syarikat-syarikat pelaburan kami tentang kepentingan peralihan ini. Penglibatan tertumpu pada perkongsian pengetahuan untuk menggalakkan pemahaman yang lebih baik tentang penyahkarbonan merentas pelbagai sektor, termasuk perladangan, utiliti tenaga, minyak & gas dan pembinaan yang secara tradisinya merupakan industri intensif karbon.

Kami juga komited untuk melabur RM10 bilion dalam aset hijau dan peralihan baharu menjelang 2030 untuk membuka peluang pelaburan baharu yang timbul daripada peralihan sifar bersih dan mempercepatkan lagi pengurangan pelepasan portfolio kami. Dalam konteks ini, kami akan melabur dalam bidang yang sejajar dengan aspirasi iklim kami dan meminimumkan kesan alam sekitar. Kami akan terus mempergiatkan tindakan iklim kami untuk memajukan peralihan kepada ekonomi hijau dan menyumbang kepada masa depan yang mampan untuk semua.

¹Sumber: Agensi Perlindungan Alam Sekitar AS. Punca Perubahan Iklim. <https://www.epa.gov/climatechange-science/causes-climate-change#3foot>
²Sumber: OCHA. Reliefweb. Kemas Kini Operasi Banjir Malaysia 2022 (MDRMY009). <https://reliefweb.int/report/malaysia/malaysia-floods-2022-operational-update-mdrmy009>
³Untuk maklumat lanjut tentang Rangka Kerja Kelestarian kami, rujuk halaman 10 dan https://www.pnb.com.my/11_0Sustainability_EN.php

MENDAYAKAN PERALIHAN KE ARAH EKONOMI HIJAU

KOMITMEN #1: PERUSAHAAN SIFAR BERSIH MENJELANG TAHUN 2025

Kami komited untuk pertamanya mengurangkan pelepasan GHG daripada operasi kami dan daripada sumber langsung yang berada dalam kawalan kami. Kami membangunkan laluan sifar bersih perusahaan dengan mengukur garis dasar pelepasan kami dan menetapkan laluan untuk melaksanakan inisiatif penyahkarbonan.



Untuk mempercepatkan peralihan, kami telah membangunkan R20, pendekatan transformasi holistik yang terdiri daripada tiga langkah komprehensif - "Kurangkan, Gantikan dan Ofset"

Kami menilai pelepasan perusahaan kami pada tahun 2022 dan mengenal pasti sumber, contohnya, penggunaan diesel dan petrol daripada kumpulan kenderaan dan elektrik kami. Pelepasan GHG daripada sumber ini dikategorikan di bawah Skop 1 dan 2. Pelepasan Skop 3 perusahaan kami adalah pelepasan tidak langsung dalam rantai nilai kami dan di luar kawalan langsung atau pemilikan kami, yang menyumbang kira-kira 80% daripada jumlah pelepasan perusahaan. Aktiviti lain di bawah pelepasan Skop 3 kami termasuk barangan dan perkhidmatan yang dibeli, barangan modal, pelepasan bahan api dan berkaitan tenaga, sisa yang dijana dan perjalanan pekerja.

Kami menjalankan usaha menggaris dasar untuk pelepasan perusahaan kami dan memilih 2022 sebagai tahun asas kami untuk pelepasan GHG langsung dan tidak langsung. Pada tahun tersebut, pelepasan perusahaan kami daripada Skop 1, 2 dan 3 berjumlah 27,495 tCO₂e.

Kami menyasarkan untuk mengurangkan pelepasan GHG kami melalui penambahbaikan kecekapan tenaga, seperti memperoleh tenaga elektrik hijau, meningkatkan kesedaran untuk menyokong perubahan tingkah laku dan melaksanakan langkah-langkah penyahkarbonan lain yang berkenaan. Langkah-langkah ini akan meminimumkan keperluan kami untuk melakukan ofset pelepasan GHG yang tidak dapat dielakkan serta sukar dikurangkan.

Kurangkan

Utamakan inisiatif pengurangan pelepasan

1



Pemetaan pelepasan dan garis dasar



Tentukan inisiatif pengurangan karbon berimpak tinggi



Menggabungkan nilai ESG dalam operasi harian



Penglibatan dan mendidik secara radikal melalui komunikasi strategik ESG

Gantikan

Peningkatan kecekapan yang membawa kepada pengurangan pelepasan GHG

2



Inisiatif penggantian peralatan berimpak tinggi



Aktiviti pengurangan pelepasan yang disasarkan



Penilaian ke atas ketersediaan teknologi di pasaran



Pengurusan perubahan dan penglibatan

Ofset

Beli ofset karbon bagi baki pelepasan GHG yang sukar dikurangkan

3



Penjajaran dengan piawaian yang boleh dipercayai dalam ofset



Utamakan inisiatif pembinaan negara



Projek yang boleh disahkan dan boleh dipercayai

INISIATIF PENGURANGAN PELEPASAN PERUSAHAAN UTAMA PNB

Perolehan Tenaga Hijau

Memperoleh **132 MWh** (~20% daripada **pelepasan skop 2**) tenaga hijau melalui program tarif elektrik hijau (GET) daripada TNB.

Kecekapan Tenaga

Perpindahan pejabat ke Merdeka 118, **bangunan tiga nilai platinum** yang merangkumi penarafan daripada LEED, Green Estate (GreenRE) dan Indeks Bangunan Hijau (GBI).

Perubahan Budaya ESG

Menjajar dan memasukkan kelestarian dalam **operations, business culture and individual behaviour** PNB untuk mencapai sasaran sifar bersih.

Kami akan terus berhubung dengan penyedia perkhidmatan untuk meneroka kemungkinan memasang panel solar atas bumbung, yang akan mengurangkan lagi pelepasan GHG Skop 2 kami.

Untuk maklumat lanjut tentang komitmen Sifar Bersih dan prestasi pelepasan GHG kami, rujuk Metrik dan Sasaran TCFD dari halaman 108 hingga 112.

MENDAYAKAN PERALIHAN KE ARAH EKONOMI HIJAU

Pasaran Karbon Sukarela

Dengan semakin banyak negara, bandar dan perniagaan berikrar dan meningkatkan usaha untuk mencapai pelepasan sifar bersih GHG, pasaran karbon sukarela (VCM) akan memainkan peranan yang semakin penting pada masa hadapan. Kami amat percaya bahawa VCM akan memainkan peranan penting dalam menyokong peningkatan aliran kewangan ke arah penyelesaian mesra iklim yang penting untuk mengurangkan atau menghapuskan pelepasan GHG, yang secara tradisinya telah kekurangan dana. Pada masa yang sama, VCM juga membolehkan organisasi mengganti rugi sisa atau pelepasan yang sukar dikurangkan menggunakan kredit karbon berkualiti tinggi untuk menyokong komitmen sejajar iklim.

Sebagai organisasi sejajar sifar bersih, PNB menasaskan untuk menyokong pembangunan ekosistem VCM yang lebih luas dan melaksanakan inisiatif yang menggalakkan kepercayaan, integriti dan ketelusan dalam pasaran ini..

Agenda Pembinaan Negara Bangsa

Dengan Malaysia komited untuk mencapai pelepasan sifar GHG bersih seawal 2050, kami percaya VCM boleh menjadi penggerak penting dalam ekosistem dengan menyediakan mekanisme berasaskan pasaran untuk mencipta masa depan yang positif alam semula jadi. Melalui VCM, kami berharap dapat melihat pengumpulan modal swasta yang lebih besar ke arah penyelesaian berasaskan alam semula jadi yang amat diperlukan untuk melindungi penyerap karbon dan liputan hutan kami yang luas, serta meningkatkan biodiversiti dan menjana faedah komuniti yang positif. Di samping itu, VCM boleh membantu menyediakan sokongan pembiayaan, terutamanya bagi syarikat dalam industri intensif karbon untuk melaksanakan penyelesaian iklim inovatif yang boleh mengurangkan atau mengelakkan pelepasan GHG dalam operasi mereka.

Kami menyokong usaha yang dijalankan oleh Bursa Malaysia untuk membangunkan bursa VCM patuh Syariah pertama (Bursa Carbon Exchange, juga dikenali sebagai BCX) untuk menyediakan platform ketara bagi organisasi untuk berdagang kredit karbon berkualiti tinggi. Kami percaya platform yang telus dan dipacu pasaran boleh menghidupkan semula ekosistem pasaran karbon tempatan dan menggalakkan lebih ramai peserta untuk memasuki pasaran ini.

PNB mengambil bahagian dalam lelongan BCX sulung yang diadakan pada 16 Mac 2023 untuk memudahkan penemuan harga bagi kredit karbon, yang kami harap akan menggalakkan pemilik projek tempatan untuk mula membangunkan projek kredit karbon berkualiti tinggi. Kami percaya lelongan tersebut adalah langkah pertama yang penting ke arah meningkatkan kesedaran dan membina kepakaran tempatan untuk menyokong pembangunan ekosistem VCM yang rancak di negara kita.

Kami akan mengekalkan kredit karbon yang dibeli daripada lelongan sebagai inventori sambil kami terus meneroka ruang ini.

Pendekatan dan Kriteria Ofset PNB

PNB juga telah membangunkan garis panduan kredit karbon dalam untuk menyokong pembelian kredit karbon berkualiti tinggi pada masa hadapan. Untuk memastikan pendekatan ofset yang boleh dipercayai, PNB komited untuk mula-mula mengurangkan pelepasan GHG merentasi operasi kami melalui penambahbaikan kecekapan tenaga, meningkatkan kesedaran untuk menyokong perubahan tingkah laku dan langkah penyahkarbonan lain yang berkenaan. Di mana perlu dan terpakai, PNB akan menggunakan kredit karbon yang boleh dipercayai untuk melakukan ofset pelepasan GHG yang tidak dapat dielak dan sukar dikurangkan.

Garis panduan ini telah dibangunkan sejajar dengan Prinsip Oxford untuk Ofset Penjajaran Sifar Bersih, dan amalan terbaik lain yang berkaitan dalam ofset karbon. Garis panduan ini merangkumi pelbagai aspek yang kami percaya penting untuk memastikan pendekatan ofset yang teguh dan telus:



Piawaian Ofset

Kredit karbon mesti disahkan oleh pihak ketiga yang bertauliah di bawah piawaian kredit karbon yang bereputasi seperti Piawaian Karbon Disahkan (lebih dikenali sebagai Verra) atau Piawaian Emas (GS).



Jenis Kredit Karbon

Kami menasaskan untuk mengutamakan kredit karbon jenis penyingkiran yang serasi dengan tuntutan sifar bersih. Ini termasuk projek seperti penanaman semula hutan, penghutanan semula, projek karbon biru, tangkapan karbon tanah dan tangkapan udara terus.



Lokasi Projek

Kami menasaskan untuk mengutamakan projek yang berpangkalan di Malaysia dan negara ASEAN lain, jika ada.



Faedah Bersama

Jika boleh, PNB akan mengenal pasti projek yang boleh menunjukkan impak positif melangkaui pengekstrakan karbon dan menyokong Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berkaitan. Ini boleh meliputi peningkatan biodiversiti, faedah komuniti dan sosial serta jenis manfaat bersama yang lain.



Vintaj

Kredit karbon yang akan digunakan untuk ofset mestilah tidak melebihi lima tahun dari tahun kalendar pelepasan yang dijana (contoh: jika pelepasan dijana pada 2025, kredit karbon yang digunakan untuk ofset mestilah tidak lebih lama daripada 2020).



Pilihan Penyumberan

Kami berhasrat untuk menggunakan semua saluran yang berpotensi untuk mengenal pasti kredit karbon berkualiti tinggi.



Proses Penghentian

Kami menasaskan untuk menghentikan kredit karbon dalam daftar kredit karbon yang berkaitan dengan sewajarnya dan sebaik sahaja ia telah digunakan untuk tindakan ofset pelepasan kami dan akan mendedahkan secara telus jenis kredit karbon apabila ia digunakan untuk ofset.

Selain itu, kami berhasrat untuk menjalankan penilaian wajar kami sendiri ke atas projek untuk memastikan kredibiliti dan integriti kredit karbon sebelum membeli. Ini termasuk menjalankan semakan dalaman untuk memastikan projek mempunyai impak iklim yang boleh disahkan dan berpotensi memanfaatkan penarafan karbon pihak ketiga dan alat penetapan harga.

MENDAYAKAN PERALIHAN KE ARAH EKONOMI HIJAU

KOMITMEN #2: PORTFOLIO SIFAR BERSIH MENJELANG TAHUN 2050

Peralihan kepada ekonomi rendah karbon memerlukan usaha kolektif semua pihak berkepentingan untuk menjana rantai nilai hijau dan mengurangkan pelepasan yang dibiayai..



Kami komited untuk mengurangkan pelepasan GHG sebenar melalui syarikat portfolio kami dengan menasaskan untuk mencapai Portfolio Sifar Bersih menjelang 2050. Pelepasan daripada portfolio pelaburan kami dikaitkan dengan pelepasan syarikat portfolio kami merentas kelas aset seperti ekuiti tersenarai, bon korporat, pelaburan pasaran persendirian dan hartanah.

Pelepasan portfolio kami adalah berdasarkan pelepasan Skop 1 dan 2 Syarikat-syarikat pelaburan kami, yang sebahagian besarnya daripada ekuiti domestik dan pelaburan domestik. Pada tahun 2022, pelepasan portfolio kami ialah 11.85 juta tCO₂e, kebanyakannya didorong oleh pelepasan GHG daripada empat sektor utama, iaitu perladangan, utiliti, minyak & gas dan pembinaan.

Untuk menuju Portfolio Sifar Bersih, kami menasaskan 70% daripada pelepasan portfolio kami mempunyai sasaran sifar bersih yang boleh dipercayai menjelang 2030, terutamanya dalam pegangan di mana kami mempunyai kepentingan yang besar. Untuk mencapai matlamat ini, kami menasaskan untuk mengutamakan usaha kami melibatkan syarikat dalam industri dan sektor dengan pelepasan tinggi dalam portfolio kami, yang mungkin mempunyai pendedahan signifikan kepada risiko peralihan yang timbul daripada peralihan ke arah masa depan sifar bersih. Melalui penglibatan kami, kami berharap lebih banyak syarikat akan menetapkan sasaran sifar bersih yang tinggi dan membangunkan strategi serta inisiatif komprehensif untuk mengurangkan pelepasan GHG secara ketara.

Kami menasaskan untuk mengurangkan intensiti pelepasan pelaburan kami sebanyak 30% bagi setiap RM juta AUM menjelang 2030 berbanding garis dasar 2022 kami melalui penglibatan aktif dengan syarikat pelaburan dan portfolio peruntukan strategik. Untuk memastikan kami mempunyai sasaran intensiti realistik yang boleh

benar-benar mengemudi kami ke arah mengurangkan pelepasan GHG sebenar, kami mengambil kira status pembangunan Malaysia dan komitmen negara untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG sebanyak 45% menjelang 2030 daripada garis dasar 2005.

Melangkah ke hadapan, kami dipandu oleh sasaran Portfolio Sifar Bersih berikut dalam melaksanakan komitmen ini. Kami akan mengambil pendekatan peralihan yang adil untuk menuju ke arah ekonomi rendah karbon dengan melibatkan diri secara aktif dengan syarikat pelaburan dan bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk beralih kepada pelepasan GHG Sifar Bersih. Kami menasaskan untuk mengukur pelepasan Skop 3 syarikat portfolio kami dalam masa terdekat, menggunakan keperluan yang ditetapkan oleh Perkongsian untuk Kewangan Perkaunan Karbon (PCAF) sebagai rujukan.



Portfolio SIFAR BERSIH 2050

Pelepasan garis dasar GHG meliputi ~84% daripada AUM

(ekuiti tersenarai, bon korporat, hartanah dan pasaran persendirian)

70%

daripada pelepasan portfolio mempunyai **sasaran Sifar Bersih yang boleh dipercayai menjelang 2030**

30%

Pengurangan intensiti pelepasan pelaburan (tCO₂e / RM Juta AUM) **menjelang 2030** (berbanding 2022)

RM10 Bilion

Dilabur dalam **aset hijau dan peralihan baharu** menjelang 2030

Tiada penglibatan langsung dalam kawasan arang batu yang belum dibangunkan

Tiada penebangan hutan, tiada gambut, tiada pendekatan eksploitasi

MENDAYAKAN PERALIHAN KE ARAH EKONOMI HIJAU

KOMITMEN #3: RM10 BILION DALAM ASET HIJAU & PERALIHAN BAHARU MENJELANG 2030

Memandangkan perubahan iklim terus menjadi isu global yang mendesak dan menimbulkan ancaman utama kepada kehidupan dan mata pencarian kita, adalah penting bagi kerajaan dan organisasi korporat mengambil tindakan iklim segera untuk beralih ke arah ekonomi hijau.



Untuk beralih ke arah masa depan rendah karbon, syarikat-syarikat perlu melihat semula dasar, infrastruktur tenaga dan persekitaran binaan mereka untuk mengurangkan pelepasan GHG dan menyesuaikan diri dengan kesan perubahan iklim. Untuk memangkinkan penyahkarbonan dan meneruskan pertumbuhan serasi iklim, kita perlu meningkatkan pelaburan dalam penyelesaian sejajar iklim yang akan memainkan peranan penting dalam merealisasikan realiti sifar bersih.

Menurut Bloomberg New Energy Finance (BNEF)¹, senario peralihan ekonomi global memerlukan pelaburan tahunan hampir \$7 trilion setahun, atau hampir \$190 trilion untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Selain itu, penggunaan kuasa bersih juga perlu meningkat empat kali ganda menjelang 2030. Jelas sekali bahawa tindakan kolektif daripada kedua-dua sektor kerajaan dan persendirian diperlukan untuk menutup jurang pelaburan yang diperlukan untuk memacu mitigasi dan penyesuaian perubahan iklim. Usaha seperti dasar sejajar-iklim yang dipertingkatkan, rangka kerja kawal selia baharu dan insentif berasaskan pasaran untuk menyokong penggunaan infrastruktur, produk dan perkhidmatan karbon rendah akan mewujudkan persekitaran perniagaan yang memudahkan, memacu inovasi dan kecekapan yang lebih besar untuk penyelesaian berfokuskan iklim.

Pelaburan Hijau

Di PNB, kami percaya terdapat peluang besar untuk kami meneruskan pelaburan sejajar iklim yang selaras dengan jangkaan pulangan risiko dan tumpuan pelaburan kami yang turut menyokong peralihan tenaga. Di samping itu, meningkatkan pendedahan pelaburan kami kepada aset hijau dan peralihan juga akan membantu kami mengurangkan pelepasan portfolio, sambil kami bergerak ke arah sasaran pengurangan pelepasan jangka terdekat kami dan matlamat Sifar Bersih 2050.

Pada masa lalu, kami telah mempunyai pendedahan kepada pelaburan hijau melalui inisiatif berikut:



Melalui komitmen RM10 bilion kami, kami menasaskan untuk melabur dalam bidang tematik tertentu yang selaras dengan aspirasi iklim kami. Oleh itu, objektif pelaburan kami disokong oleh prinsip panduan berikut:

Menyokong mitigasi dan penyesuaian perubahan iklim	Meningkatkan langkah-langkah yang menghalang pencemaran	Memastikan penggunaan sumber yang cekap untuk menyokong ekonomi kitaran	Meningkatkan pemeliharaan biodiversiti, hidupan marin dan ekosistem
--	---	---	---

Selepas menilai dengan teliti pelbagai bidang tematik sejajar-iklim yang boleh dilabur, kami telah memutuskan untuk menumpukan pada empat sektor utama khusus iaitu pengangkutan, bangunan, tenaga dan pertanian, perhutanan dan guna tanah lain (AFOLU) merentas kelas aset yang kami laburkan. Empat sektor utama ini dipilih selepas mempertimbangkan faktor-faktor berikut: (i) kesiediaan komersial dan kematangan teknologi (ii) kaitan dengan portfolio pelaburan semasa kami dan (iii) kepentingan kepada perjalanan penyahkarbonan Malaysia.

Sektor

- Pengangkutan
- Bangunan
- Kuasa
- Pertanian, Perhutanan dan Penggunaan Tanah Lain (AFOLU)

Bidang Fokus Utama (tidak menyeluruh)

- Mobiliti elektrik dan infrastruktur
- Bahan api mampan
- Bangunan hijau
- Bahan binaan rendah karbon
- Penyelesaian kecekapan tenaga
- Tenaga yang boleh diperbaharui
- Penyelesaian penyimpanan tenaga
- Penyahtauliah terma
- Penyelesaian berasaskan alam semula jadi
- Pasaran karbon

¹Sumber: BNEF: The \$7 Trillion a Year Needed to Hit Net-Zero Goal (7 Dis 2022). <https://about.bnef.com/blog/the-7-trillion-a-year-needed-to-hit-net-zero-goal/>

MENGGALAKKAN EKUITI DAN KETERANGKUMAN

Dalam usaha kami untuk mencipta perniagaan yang lebih mampan, kami juga dipandu oleh prinsip tidak meninggalkan sesiapa pun di belakang. Oleh itu, kami berusaha untuk mencipta nilai secara adil dan inklusif, dengan cara menegakkan hak dan ekuiti semua pekerja, di samping memberi mereka peluang untuk berkembang. Di samping itu, kami menyedari sepenuhnya tanggungjawab kami ke arah mengimbangi keuntungan berbanding pelaburan sosial, yang merupakan prinsip utama PNB dan satu kemestian bagi pembinaan negara yang akan terus kami laksanakan untuk generasi akan datang.

KOMITMEN #4: GAJI KEHIDUPAN WAJAR DI PNB MENJELANG TAHUN 2023

Di PNB, kami percaya dalam menyediakan akses sama rata kepada peluang yang menggalakkan ekuiti di tempat kerja.



Sejajar dengan itu, setiap pekerja harus diberi pampasan secara adil, yang membolehkan mereka memenuhi perbelanjaan asas hidup mereka setara dengan kerja keras, masa dan dedikasi mereka. Bagi menyokong aspirasi ini, PNB telah melaksanakan Rangka Kerja Gaji Kehidupan Wajar pada Januari 2023.

Rangka kerja tersebut menyediakan satu set garis panduan atau prinsip yang menentukan pampasan pekerja. Di samping itu, rangka kerja tersebut juga mengambil kira faktor seperti data penanda aras luaran mengenai gaji sara hidup serta pakej pampasan dan faedah sedia ada. Ini adalah untuk memastikan pekerja dibayar secara adil dan mampu menyara taraf hidup yang meliputi makanan, tempat tinggal, dan keperluan penting lain seperti pakaian, penyertaan sosial dan jaminan kewangan.

Kami percaya bahawa rangka kerja gaji kehidupan wajar ini akan membantu kami mengurus ketidaksamaan pendapatan dan menggalakkan amalan buruh beretika di seluruh organisasi. Kami mengambil berat tentang kebajikan pekerja dan kami berusaha untuk membina masa depan yang lebih saksama dan mampan untuk semua. Melangkah ke hadapan, kami akan memastikan kejayaan pelaksanaan rangka kerja gaji kehidupan wajar kami dan memantau keberkesannya secara berterusan untuk memastikan ia kekal relevan dan menyediakan keperluan pekerja kami dengan secukupnya.

KOMITMEN #5: KERTAS DASAR HAK BURUH MENJELANG 2022

Di PNB, kami percaya pada kesejahteraan pekerja kami sendiri, pekerja syarikat pelaburan kami serta pembekal dan vendor kami.



Kami percaya dalam menyokong hasil kerja yang memuaskan dan menegakkan hak asasi pekerja. Sebagai pelabur institusi utama, kami juga percaya isu hak buruh boleh mewujudkan risiko sistemik kepada operasi dan berpotensi memberi kesan kepada reputasi dan kemampanan perniagaan syarikat.

Kami memperkenalkan Dasar Hak Buruh PNB pada 2022 untuk membentuk keutamaan kami dan memastikan pengurusan berkesan isu-isu mengenai hak buruh di PNB, syarikat pelaburan kami serta pembekal dan vendor kami. Ini juga selaras dengan pendekatan pengawasan aktif yang telah kami ambil untuk memberikan nilai jangka panjang kepada pemegang kepentingan kami.

Polisi ini mengandungi enam Isu Matan Utama:



Buruh Paksa dan Kanak-Kanak

Semua kerja atau perkhidmatan yang dituntut daripada mana-mana individu di bawah ancaman berbentuk penalti dan yang mana individu itu tidak menawarkan dirinya secara sukarela.



Upah dan Faedah Setimpal

Pematuhan kepada Akta Kerja 1955 Malaysia dan amalan Aturan Kerja Fleksibel (FWA), mengenai pekerja yang diberi akses kepada kebebasan penjadualan yang lebih besar dalam cara mereka memenuhi kewajipan, di mana sesuai.



Kesamarataan dan Keterangkuman

Akses kepada ganjaran, sumber dan peluang yang sama rata untuk semua pekerja tanpa mengira bangsa, jantina, warna kulit, negara atau asal usul sosial, etnik, agama, umur, ketidakupayaan dan pendapat politik.



Kebebasan Berpersatuan

Menghormati hak untuk menyusun dan membentuk kumpulan bagi tujuan perundingan kolektif dan dialog sosial dengan cara yang sihat dan adil.



Keselamatan dan Kesihatan

Melindungi kesejahteraan fizikal, mental dan emosi semua pekerja melalui persekitaran dan pekerjaan yang sihat.



Peningkatan Kemahiran dan Pendidikan

Akses kepada latihan, peningkatan kemahiran dan pembangunan berterusan untuk meningkatkan kecekapan dan mewujudkan tenaga kerja yang produktif.

MENANGANI ISU-ISU EKUITI DAN KETERANGKUMAN

Jangkaan untuk syarikat pelaburan kami

Dasar PNB menggariskan kedua-dua, Jangkaan Teras dan Amalan Terbaik untuk syarikat pelaburan kami. Jangkaan Teras ialah apa yang kami lihat sebagai amalan atau dasar buruh minimum yang mesti ada, manakala Amalan Terbaik adalah pertimbangan tambahan untuk PNB, Kumpulan PNB dan syarikat pelaburan, selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. Kami menjangkakan syarikat-syarikat untuk mematuhi Jangkaan Teras dan untuk menubuhkan atau memperhalusi dasar hak buruh masing-masing dalam tempoh dua tahun selepas memperkenalkan Dasar Hak Buruh.

Jangkaan Teras

Jangkaan	Deskripsi
1 Strategi	<ul style="list-style-type: none"> Untuk menyetengahkan isu hak buruh dalam dasar dan strategi, dengan mengambil kira piawaian dan amalan terbaik yang baru muncul.
2 Penilaian	<ul style="list-style-type: none"> Untuk menyemak prestasi berkaitan Isu Utama secara berkala dan menentukan bidang untuk penambahbaikan dan menggunakan pelan tindakan untuk menangani perkara tersebut.
3 Mekanisme Aduan	<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan mekanisme aduan rasmi untuk pekerja berkomunikasi dan melaporkan perkara yang berkaitan dengan mana-mana Isu Utama. Perlindungan harus ada untuk pemberi maklumat.
4 Dasar	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan Dasar Hak Buruh yang jelas untuk mencerminkan komitmen mematuhi Isu Utama.

Amalan Terbaik

Jangkaan	Deskripsi
1 Penilaian	<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan mekanisme untuk menilai (pakar dalaman atau pihak ketiga) dasar syarikat dan kawalan terhadap Isu Utama. Mewujudkan alat dan infrastruktur yang berkaitan untuk membolehkan dan membantu pelaksanaan inisiatif yang berkaitan dengan mengurus Isu Utama mengenai hak buruh.
2 Keterlibatan	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan proses dalaman untuk bekerjasama dengan pihak ketiga bagi menyokong amalan yang mampan, meningkatkan kesedaran dan mewujudkan pemahaman yang lebih baik tentang hak buruh.
3 Ketekunan Wajar	<ul style="list-style-type: none"> Mengenal pasti, menangani dan memantau pendedahan dan risiko berkaitan hak pekerja terhadap Isu Utama di sepanjang rantaian nilai, termasuk memasukkan pertimbangan ini sepanjang proses pemerolehan membuat keputusan.

MENANGANI ISU-ISU EKUITI DAN KETERANGKUMAN

Pengoperasian Dasar Hak Buruh PNB

Susulan pelancaran Dasar Hak Buruh PNB pada Disember 2022, kami akan menumpukan pada pengoperasian Dasar tersebut melalui penglibatan dengan syarikat pelaburan kami. Kami akan mengutamakan syarikat pelaburan yang beroperasi dalam sektor berintensif-buruh seperti perladangan, hartanah dan pembinaan dan sektor-sektor lain yang mempunyai pendedahan risiko yang ketara terhadap isu hak buruh.

PNB akan melaksanakan pendekatan pengawasan aktif selaras dengan Rangka Kerja Pengawasan kami mengenai hak buruh, berpandukan matriks peningkatan. Melalui penglibatan ini, kami berharap dapat mewujudkan garis dasar prestasi dan mencari penyelesaian bersama untuk memacu pengurusan yang lebih baik terhadap isu hak buruh dalam kalangan syarikat pelaburan kami.



Kemajuan Berbanding Isu Utama PNB

Kira-kira 1,900 kakitangan kami tidak dinafikan merupakan aset paling berharga PNB. Mereka terus berada di barisan hadapan dengan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang membolehkan organisasi melaksanakan mandatnya.

Kami komited untuk menjadi majikan pilihan dengan menyediakan pengalaman bekerja yang memuaskan dan memupuk tempat kerja yang menghargai peluang yang sama dan kesejahteraan keseluruhan. Kami percaya bahawa menarik dan mengekalkan bakat terbaik memerlukan gabungan imbuhan kompetitif, pengurusan prestasi yang berkesan dan kejelasan tentang pertumbuhan dan pembangunan kerjaya yang jelas.

Dalam usaha kami untuk menjadi sebuah institusi pelaburan distinktif bertaraf dunia, Bahagian Modal Insan (HCD) di PNB mengetuai tanggungjawab untuk membangunkan keupayaan organisasi, serta merumus dan melaksanakan dasar yang berkesan dan relevan, selaras dengan Isu Utama yang mengukuhkan lagi Dasar Hak Buruh.

Pada 2022, kami mempercepatkan kemajuan merentas isu-isu berikut:

Isu Utama: Buruh Paksa dan Kanak-Kanak

Di PNB, kami mendukung piawaian tertinggi hak buruh demi mencegah buruh paksa dan kanak-kanak. Kami percaya bahawa setiap orang dijamin hak asasi kehidupan dan hak untuk mencari rezeki. Tiada sesiapa pun harus disekat daripada mencari peluang pekerjaan untuk kebaikan mereka.

Walau bagaimanapun, buruh paksa dan kanak-kanak dianggap tidak berperikemanusiaan, dan oleh itu tidak mempunyai tempat dalam organisasi kami. Kanak-kanak, khususnya, adalah antara yang paling terdedah kepada kerja paksa kerana usia dan kekurangan kuasa mereka. Menjadikan kanak-kanak bekerja pada usia muda menafikan mereka peluang untuk menerima pendidikan, yang penting untuk perkembangan dan kejayaan masa depan mereka.

Kami percaya bahawa mencegah buruh paksa dan kanak-kanak bukan sahaja kewajipan undang-undang tetapi juga tuntutan moral. Pekerja tidak boleh dipaksa atau tertakluk kepada sebarang penyalahgunaan. Kami menggalakkan amalan buruh yang adil dan beretika yang tertumpu pada pembinaan kapasiti, memperkasakan pekerja dan ketelusan. Ini akan menyumbang kepada mewujudkan masyarakat yang lebih adil dan saksama yang menghargai hak dan maruah semua individu.



Isu Utama: Gaji dan Faedah Setimpal

Kami menilai semula pakej faedah pekerja, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk menawarkan pakej yang kompetitif, dan melaksanakan perubahan supaya lebih konsisten dengan piawaian pasaran. Kami juga telah melantik Pentadbir Pihak Ketiga (TPA) untuk mengurus dan mentadbir beberapa faedah pekerja kami untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan keseluruhan.

MENANGANI ISU-ISU EKUITI DAN KETERANGKUMAN


Isu Utama: Kesamarataan dan Keterangkuman

Jumlah kakitangan
1,891
(setakat 31 Disember 2022)

Di PNB, kami berdedikasi untuk mewujudkan persekitaran kerja yang positif dan inklusif yang menghargai setiap individu. Ini bertujuan membentuk tempat kerja yang progresif untuk semua dalam usahakami menjadi majikan pilihan. Terdapat peluang dan pemerksaan yang sama untuk semua pekerja tanpa mengira jantina mereka. Kami percaya bahawa setiap orang mempunyai set kemahiran dan keupayaan yang unik untuk ditawarkan, dan kami komited untuk mewujudkan budaya hormat-menghormati dan bekerjasama.


MENGIKUT JANTINA

- Lelaki
- Perempuan




MENGIKUT KUMPULAN UMUR

- 30 tahun dan ke bawah
- 31-40 tahun
- 41-50 tahun
- 50 tahun dan ke atas



MENGIKUT KATEGORI PEKERJA

- Bukan Eksekutif
- Pengurusan Rendah
- Pengurusan Pertengahan
- Pengurusan Kanan



Isu Utama: Kebebasan Berpersatuan

PNB mengiktiraf kepentingan kebebasan berpersatuan sebagai hak asasi manusia. Sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab, kami mendukung dan menghormati hak pekerja kami untuk menyertai atau menubuhkan persatuan tanpa rasa takut terhadap pendakwaan atau diskriminasi. Kami menggalakkan dialog terbuka dan membina dengan wakil pekerja, memupuk persekitaran yang menggalakkan penyertaan aktif mereka. Kami percaya dalam mewujudkan budaya tempat kerja yang meraikan kepelbagaian, keterangkuman dan memperkasakan pekerja kami. Persekitaran yang berkembang maju, dengan pekerja mempunyai kebebasan untuk bergaul dan menyatakan pandangan mereka, membawa kepada pertumbuhan dan kejayaan kolektif.

Isu Utama: Keselamatan & Kesihatan

Kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan keseluruhan pekerja kami kekal menjadi keutamaan kami. Persekitaran kerja yang kondusif membentuk asas kepada tenaga kerja yang produktif yang akan menyumbang kepada kejayaan organisasi. Kami komited untuk melindungi pekerja kami daripada bahaya dan sentiasa menggalakkan kepentingan kebajikan pekerja di tempat kerja. Kami terus memotivasikan pekerja dengan melibatkan mereka melalui inisiatif dan program yang meningkatkan kepuasan bekerja dan kualiti kerja mereka yang akhirnya meningkatkan semangat mereka. Menjaga kesejahteraan pekerja juga mengukuhkan reputasi PNB sebagai majikan pilihan dan meningkatkan hubungan kami dengan pihak berkepentingan.

MENANGANI ISU-ISU EKUITI DAN KETERANGKUMAN

Isu Utama: Peningkatan Kemahiran & Pendidikan

MEMBINA KAPASITI

PNB mengiktiraf kepentingan melabur dalam pembangunan pekerja untuk memacu pertumbuhan dan kejayaan. Untuk mencapai matlamat ini, kami melancarkan kurikulum teras dan kepimpinan yang komprehensif serta melaksanakan laluan pembelajaran berstruktur untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pekerja di semua peringkat. Laluan pembelajaran berstruktur kami direka untuk memastikan pekerja mempunyai kemahiran teknikal yang diperlukan untuk melaksanakan tugas mereka dengan berkesan. Ini juga akan menyediakan pekerja laluan pembangunan kerjaya yang jelas, melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk peningkatan dalam kerjaya mereka.

Kurikulum teras menyediakan pekerja dengan asas yang kukuh dalam kepintaran perniagaan, komunikasi, kemahiran digital dan tadbir urus korporat. Ia merangkumi pelbagai program latihan dan pembangunan, termasuk latihan dalam kelas dan secara maya, bengkel, dan latihan semasa kerja yang akan memberikan pekerja kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas mereka dengan berkesan.

Kurikulum kepimpinan bertujuan untuk membangunkan kemahiran kepimpinan pekerja kami meliputi pelbagai program latihan dan pembangunan yang memfokuskan pada bidang seperti keberkesanan kepimpinan, perkembangan minda, ketangkasan menangani perubahan, bimbingan dan pengaruh, dan pengurusan manusia.

**Pada 2022, kami melabur
RM14.9 juta**

untuk membangunkan pekerja melalui pelbagai program pembinaan keupayaan dalam tiga kategori: teras, kepimpinan dan fungsi.

**Pada tahun tersebut,
kami mengumpul sejumlah**

**104 jam latihan
bagi setiap pekerja iaitu 63%**


lebih daripada 64 jam latihan yang diperlukan.

JENIS-JENIS LATIHAN YANG DISEDIAKAN:

Teknikal
89%

Teras
7%

Kepimpinan
4%



Purata Jam Latihan mengikut Kategori Pekerja

KEPIMPINAN
TERTINGGI
118

PENGURUSAN
KANAN
111

PENGURUSAN
PERTENGAHAN
115

EKSEKUTIF
103

SOKONGAN
71

MENANGANI ISU-ISU EKUITI DAN KETERANGKUMAN

PROGRAM-PROGRAM LAIN

PNB menggalakkan pekerja untuk menambah dan meningkatkan pengetahuan mereka melalui program-program bermula daripada ijazah sarjana muda dan program sarjana kepada kursus profesional, pensijilan, dan pelesenan, antara lain.

(A) BIASISWA PERTENGAHAN KERJAYA

Kami menyediakan tajaan kepada pekerja untuk mengikuti program ijazah sarjana muda dan sarjana di dalam dan luar negara. Pada tahun 2022, kami menyediakan sejumlah 12 tajaan seperti berikut:

7 tajaan penuh Sarjana Pentadbiran Perniagaan untuk Pekerja Profesional di Asia School of Business (ASB), Kuala Lumpur.

3 tajaan separa untuk pekerja yang mengikuti program ijazah sarjana muda dan sarjana.

Tajaan penuh untuk

2 pekerja

yang mengikuti:

- Sarjana Sains dalam Pengurusan (Stanford Graduate School of Business, Amerika Syarikat).
- Sarjana Sains dalam Kewangan (London School of Economics and Political Science, United Kingdom).

Pensijilan Profesional

Untuk meningkatkan tahap pendidikan dan meningkatkan kerjaya pekerja, tajaan disediakan untuk pekerja mengikuti program diploma, ijazah dan sarjana dalam dan luar negara, serta kelayakan profesional. Pada 2022, 205 pekerja sedang mengikuti pelbagai program pensijilan, ditaja oleh PNB.



Bilangan Pekerja dengan Pensijilan Profesional

Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA)	>	33
Akauntan Bertauliah (CA)	>	43
Perancang Kewangan Bertauliah (CFP)	>	62
Saintis Data Perusahaan (EDS)	>	22
Sijil Profesional dalam Kewangan Islam (PCIF)	>	35
Perancang Kewangan Berdaftar (RFP)	>	12
Perancang Kewangan Islam (IFP)	>	10
Perancang Kewangan Berdaftar Syariah (Shariah RFP)	>	226
Pegawai Pematuhan Bertauliah (CCO)	>	118

Selain itu, sebagai pengiktirafan ke atas komitmen kami terhadap pembangunan bakat untuk pekerja melalui kelayakan CFA, PNB telah dianugerahkan Rakan Kongsi Pekerjaan Premium 2022 oleh CFA Society Malaysia.

MENANGANI ISU-ISU EKUITI DAN KETERANGKUMAN

(B) PELESENAN

Dua aktiviti utama PNB iaitu pengurusan dana dan pemasaran serta pengagihan unit amanah memerlukan pekerja memperoleh lesen daripada Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL) dan Persekutuan Pengurus-pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM). Sehingga 2022, 135 kakitangan memegang lesen CMSRL, manakala 808 kakitangan telah memperoleh lesen FIMM mereka.

(C) SKIM MOBILITI KE ATAS

Skim Mobiliti Ke Atas (UMS) diwujudkan untuk menyokong pekerja beralih daripada bukan eksekutif kepada jawatan eksekutif, membina kepintaran teknikal mereka dan meningkatkan kemahiran organisasi mereka. PNB bekerjasama dengan universiti tempatan seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK) untuk me bentuk kurikulum latihan. Sejak 2001, 295 pekerja telah berjaya menamatkan program ini.

15

kakitangan telah menamatkan Diploma
Profesional dalam Pentadbiran
Perniagaan pada Julai 2022

39

kakitangan kini mengikuti Diploma Profesional
dalam Pentadbiran Perniagaan

34

kakitangan telah menjalani penilaian dalam talian
untuk Kelompok UMS tahun 2022

Pada 19 Julai 2022, seramai 64 peserta Kelompok UMS dari tahun 2018, 2019 dan 2020 telah berjaya mendapat CGPA 3.0 dan ke atas dan telah diberikan Sijil Profesional dalam Pentadbiran Perniagaan daripada UTMSPACE.



Peserta Sijil UMS di Majlis Penyampaian Sijil Profesional Program Pentadbiran Perniagaan Profesional UTMSPACE 2022.

MENANGANI ISU-ISU EKUITI DAN KETERANGKUMAN

(D) PROGRAM PELATIH PENGURUSAN (MT)

Program MT menyediakan pekerja baharu yang berpotensi untuk menjalankan peranan eksekutif dengan kemahiran pelaburan dan pengetahuan komprehensif tentang operasi PNB yang berkaitan dengan peranan khusus kerja mereka. Merangkumi tiga fasa, graduan akan ditempatkan di bahagian yang berpermintaan dan berpertumbuhan tinggi di PNB dan ASNB.



Fasa 1

Latihan Dalam Kelas (tiga bulan)

- Program Pelaburan
- Program Pembangunan Eksekutif

Fasa 2

Penggiliran Jabatan (tiga bulan)

- Pelaburan
- ASNB

Fasa 3

- Bimbingan Senior
- Pic Projek Akhir
- Projek Komuniti

Pada 2022, 34 pelatih telah menyertai program MT. Sejak tahun 2000, 500 graduan telah menerima latihan dan telah ditugaskan ke pelbagai jabatan di seluruh PNB. Melangkah ke hadapan, kami akan terus melabur dalam kakitangan kami, melalui pembangunan dan peningkatan kurikulum teras dan kepimpinan. Kami akan sentiasa menilai dan meningkatkan program latihan dan pembangunan untuk memastikan ia sejajar dengan keperluan pekerja dan pemegang kepentingan kami yang semakin berkembang.

LEARNHUB - MENERUSKAN PEMBELAJARAN DIGITAL

Pada tahun 2022, kami memperkenalkan PNB LearnHub, platform digital tercanggih yang membolehkan pekerja mengakses pembelajaran atas permintaan mengikut keselesaan pekerja sendiri. Pekerja diberi akses kepada pelbagai bahan kandungan, termasuk video, podcast, artikel dan webinar. LearnHub dan alatan pembelajaran lain yang berkaitan akan meningkatkan keupayaan pekerja kami dan membantu mereka memenuhi permintaan perniagaan kami yang sentiasa berubah. Pelancaran LearnHub juga menandakan kursus e-pembelajaran pertama yang boleh disesuaikan sepenuhnya, "Pengenalan kepada Jenayah Kewangan dan Pencegahan Pengubahan Wang Haram".

PENGURUSAN BAKAT

Dalam usaha pengurusan bakat, kami telah melaksanakan inisiatif utama untuk mengekalkan bakat terbaik kami. Secara khususnya, kami menjalankan latihan Membina Profil Kepimpinan pada April 2022 untuk Pasukan Kepimpinan Tertinggi kami di PNB, menggunakan penilaian 360, menyediakan penilaian holistik terhadap keberkesanan dan keupayaan kepimpinan setiap individu.

Dengan memanfaatkan inisiatif ini, kami memperoleh pandangan berharga tentang kekuatan dan ruang peningkatan untuk setiap pemimpin. Cerapan ini, ditambah dengan keputusan penilaian yang komprehensif, membolehkan kami membuat rancangan pembangunan yang khusus dan disesuaikan dengan keperluan unik bakat terbaik kami. Melalui pendekatan yang bersasar ini, kami memperkasakan pemimpin kami untuk meningkatkan lagi kemahiran, kecekapan dan keberkesanan kepimpinan mereka.

MENANGANI ISU-ISU EKUITI DAN KETERANGKUMAN

MEMBINA MODAL INSAN NEGARA

Di samping memperkukuh modal insan kami sendiri, kami berdedikasi untuk menyumbang kepada pembangunan modal insan negara, seterusnya menjadi wadah utama kepada komitmen kami bagi merealisasikan pertumbuhan dan kemakmuran Malaysia secara keseluruhannya. Melalui program sampingan untuk graduan muda dan mahasiswa, program kami melengkapkan bakal pemimpin dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi tenaga kerja yang bersedia untuk masa hadapan.

(A) LATIHAN AMALI

Program latihan amali di PNB menawarkan peluang kepada graduan dari pelbagai latar belakang akademik untuk mengasah kemahiran dan memupuk bakat mereka dalam bidang seperti Perakaunan, Kewangan, Ekonomi, Pemasaran, Teknologi Maklumat, Pengurusan Risiko dan Sumber Manusia. Program ini menyediakan pengalaman praktikal merentasi pelbagai jabatan dan operasi, memberikan pandangan dan pendedahan yang berharga kepada pelatih tentang operasi PNB.

363 pelatih

ditempatkan di pelbagai jabatan di seluruh PNB pada tahun 2022

5,020 pelatih

menerima latihan amali sejak penubuhannya pada tahun 2005



(B) PROGRAM PELATIH EKSEKUTIF LEPASAN IJAZAH PNB (PNB GET-MYSTEP)

Program ini bertujuan untuk merapatkan jurang kemahiran antara kelayakan akademik dan keperluan industri, dengan meningkatkan peluang diambil bekerja dan nilai pasaran graduan Malaysia yang menganggur. Graduan ini menjalani program komprehensif selama 8 bulan yang menyediakan mereka dengan kemahiran penting, pengetahuan dan pengalaman bekerja melalui latihan sambil bekerja di PNB dan Kumpulan Syarikatnya. Pada 2022, PNB memperkenalkan dua trek teknikal berbeza untuk Program PNB GET-MySTEP iaitu trek Umum dan trek Penstriman i-GET.

611 graduan

menyertai program ini pada tahun 2022

4,218 jumlah graduan

sejak program ini dimulakan pada tahun 2011

MENANGANI ISU-ISU EKUITI DAN KETERANGKUMAN

KOMITMEN #6: 40% WANITA DALAM KEPIMPINAN PNB MENJELANG TAHUN 2025

Mencapai 36% perwakilan wanita dalam Pengurusan Kanan berbanding sasaran 40% menjelang 2025.



KOMITMEN #7: MENGIMBANGI KEUNTUNGAN & PELABURAN SOSIAL

PNB telah berkembang pesat sejak ia mula ditubuhkan pada 1978 dan terus memainkan peranan penting dalam merencanakan semula pembangunan sosio-ekonomi Malaysia.



Sebagai sebuah organisasi yang menghargai setiap pekerja, PNB komited ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang memupuk kepelbagaian, nilai positif dan keterangkuman. Ini mendekatkan kami kepada matlamat untuk menjadi majikan pilihan, melalui penyediaan persekitaran kerja yang progresif untuk kakitangan kami. Kami menggalakkan peluang yang sama dan memperkasakan semua kakitangan, tanpa mengira jantina, bangsa atau agama, memperakui bahawa setiap kakitangan memiliki set kemahiran dan kebolehan yang tersendiri. Kami juga berusaha untuk memupuk budaya hormat-menghormati dan kerja berpasukan dalam kalangan kakitangan.

Kami berada di landasan yang betul dalam menangani isu-isu ekuiti dan keterangkuman. Kami telah mencapai keseimbangan jantina dalam tenaga kerja dan mempunyai lebih daripada 30% perwakilan wanita dalam pasukan pengurusan kanan kami, yang mana lebih daripada penanda aras global. Sebagai sebahagian daripada komitmen ini, kami menyasarkan 40% wanita dalam Kepimpinan PNB menjelang 2025. Kami ingin terus berusaha untuk memperkasakan ekonomi wanita melalui perkongsian pengetahuan terutamanya mengenai celik kewangan, perancangan dan pelaburan. Dengan berbuat demikian, kami berharap dapat memupuk pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mewujudkan impak positif kepada masyarakat.

Selaras dengan komitmen kami untuk mengimbangi keuntungan dan pelaburan sosial, kami berhasrat untuk meningkatkan pelaburan sosial dan mengembangkan portfolio saham kami dalam syarikat yang mempunyai potensi pertumbuhan sambil menjana pulangan jangka panjang yang mampan kepada pemegang unit kami. Kami tetap berpandukan kepada agenda Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kami dalam menyokong komuniti yang kami santuni dan juga untuk membina negara. Inisiatif CSR kami dianjurkan bagi memenuhi keperluan orang ramai di sekeliling kami, memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan. Pada tahun tinjauan, usaha dan program kami merangkumi empat teras berikut:

Teras 1 PENDIDIKAN

Matlamat kami bukan sahaja untuk memberi inspirasi, menggalakkan dan memberi memotivasi kepada generasi bakat-bakat yang bakal menyertai PNB, tetapi juga menyumbang ke arah membina bakat untuk negara. Melalui inisiatif dan program di bawah teras ini, kami menawarkan prospek pendidikan dan melengkapkan minda anak muda yang berbakat dengan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi pemimpin masa depan PNB, serta negara.

Teras 2 LITERASI KEWANGAN

Kami percaya bahawa kami mempunyai kewajipan untuk memperkasakan komuniti dengan kemahiran celik kewangan seperti menyimpan, melabur dan membuat keputusan kewangan yang bijak. Kami kekal berdedikasi untuk meningkatkan taraf hidup mereka dan membantu orang ramai dalam komuniti mencapai matlamat jangka panjang mereka.

Teras 3 PENINGKATAN KOMUNITI

PNB menawarkan bantuan dan sokongan untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat di sekeliling kami melalui inisiatif dan sumbangan dermawan yang diberikan kepada pelbagai organisasi.

Teras 4 INISIATIF PERKONGSIAN ILMU

Kami komited untuk memupuk kelestarian negara dengan mewujudkan platform perkongsian pengetahuan yang menggalakkan inovasi, kerjasama dan pembangunan mampan.

Ini membolehkan kami untuk menjadi lebih bermaklumat tentang trend dan pengaruh terkini ke atas pelaburan, ekonomi dan amalan kepimpinan.

MENANGANI ISU-ISU EKUITI DAN KETERANGKUMAN

BAGAIMANA KAMI MENGURUSKAN PROGRAM CSR KAMI

Kami menguruskan program CSR dengan kerjasama Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh kami. Dengan sokongan kakitangan kami, program CSR ini penting untuk kami berhubung dengan pihak berkepentingan, pemegang unit, komuniti, badan Kerajaan, perniagaan dan NGO.

Melalui penglibatan ini, kami boleh menggabungkan kemahiran dan kepakaran kolektif kami bagi menjana hasil terbaik untuk penerima manfaat program kami. Usaha kami akan memberi sumbangan besar kepada perubahan positif, menyokong usaha kerajaan untuk meningkatkan ekonomi negara dan memberikan bantuan kepada mereka yang benar-benar memerlukan sokongan.

Teras 1: Pendidikan

TERAS 1

Jumlah tajaan sejak penubuhan
RM392.9 juta

5,539 pelajar
Mendapat manfaat sejak penubuhan

1,229 pelajar aktif
dalam pelbagai program tajaan dan pendidikan

Pendidikan sentiasa menjadi keutamaan dalam usaha CSR kami. Sejak 1996, kami telah memberi peluang kepada pelajar muda Malaysia untuk mengorak langkah ke hadapan dalam pendidikan mereka dan menyumbang kepada ekonomi negara. Melalui pelaburan kami dalam penajaan untuk pelajar yang layak di Malaysia, kami bukan sahaja mencipta laluan untuk masa depan yang lebih baik untuk mereka, inisiatif kami akan membolehkan mereka mencapai aspirasi mereka dan mencipta nilai mampan jangka panjang.

Sebagai organisasi yang berpandangan ke hadapan, kami berusaha untuk membina pemimpin yang berkebolehan untuk memacu pertumbuhan masa depan PNB dan negara. Program biasiswa kami bertujuan untuk membangunkan kumpulan bakat untuk PNB dan melengkapkan mereka dengan kebolehan dan keupayaan yang tepat. Selepas tamat pengajian, para graduan ini akan dimasukkan ke dalam kumpulan bakat untuk tenaga kerja PNB dan akan dapat menimba ilmu dan pengalaman sambil memainkan peranan penting dalam memacu PNB ke hadapan.

Dengan sebilangan graduan PNB meningkat ke jawatan kanan di dalam dan di luar PNB, kami berbesar hati kerana telah memainkan peranan aktif dalam membangunkan keupayaan dan membuka potensi mereka seiring usaha berterusan mereka menyumbang ke arah pembangunan keseluruhan Korporat Malaysia.

Pada tahun pelaporan, PNB melabur sejumlah RM34.0 juta untuk program biasiswa di bawah teras pendidikan, memberi manfaat kepada sejumlah 1,229 anak muda Malaysia yang layak.

MENANGANI ISU-ISU EKUITI DAN KETERANGKUMAN

TERAS 1

Anugerah Biasiswa Global PNB dan Anugerah Biasiswa Perdana YTI

Anugerah Biasiswa Global PNB dan Anugerah Biasiswa Perdana Yayasan Tun Ismail dipandang tinggi sebagai antara biasiswa paling berprestij di Malaysia selama lebih dua dekad. Kedua-dua biasiswa ini membolehkan pelajar yang mempunyai kebolehan akademik yang cemerlang untuk melanjutkan pengajian tinggi dalam bidang pilihan mereka di beberapa universiti paling terkenal di seluruh dunia.

Pelajar tajaan kami telah mendapat manfaat daripada pelbagai kursus daripada universiti berprestij di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia. Pada tahun 2022, sejumlah 28 biasiswa telah dianugerahkan, menjadikan jumlah yang sedang melanjutkan pelajaran di bawah program ini kini adalah 140.

PNB Overseas Scholarship Awards
 The Time is Now,
 Your Future with Us
 is Here
 Now Open for
 Application
 Opening date: 13 June 2022
 Closing date: 24 June 2022
[Read More](#)

YAYASAN TUN ISMAIL MOHAMED ALI (YTI)

Diperkenalkan pada 26 Februari 1999, Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali (YTI) ditubuhkan untuk memperingati sumbangan Tun Ismail Mohamed Ali sebagai Pengerusi pertama PNB, dan kepada negara. Yayasan tersebut menjalankan pelbagai program termasuk menyediakan biasiswa kepada pelajar cemerlang yang telah mendapat tempat di universiti berprestij di luar negara di bawah Anugerah Biasiswa Perdana YTI; menubuhkan Kerusi Profesor di universiti-univeristi penerima endowmen iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM), menganjurkan syarahan umum dan penerbitan buku, serta sumbangan kepada pelbagai aktiviti pendidikan.

PROGRAM KERUSI PROFESOR YTI

Program ini bertujuan untuk menghasilkan penyelidikan berkualiti tinggi oleh universiti tempatan dalam bidang berkaitan perniagaan PNB. Pada 2022, projek penyelidikan diteruskan di bawah Rangka Kerja Geran yang dilaksanakan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti UCSI dan Universiti Nottingham Malaysia, dengan jangkaan siap pada tahun 2023.

FORUM ILMU SISWAZAH YTI 2022

Anjuran bersama YTI dan UM, Forum Ilmu Siswazah YTI 2022 bertajuk "I.R. 4.0: Are You Ready?" menyaksikan pengamal industri berkongsi pengalaman mereka mengenai penyesuaian IR 4.0 ke atas kerja, pekerja dan majikan, kesannya terhadap masa depan pekerjaan, dan keperluan penting untuk peningkatan kemahiran, kemahiran semula dan kemahiran yang paling dicari pada masa hadapan. Kira-kira 250 mahasiswa dari USIM, Universiti UCSI dan Universiti Nottingham Malaysia, serta pelajar tajaan di bawah Anugerah Biasiswa Anak Kakitangan PNB dan Anugerah Biasiswa PNB-Kolej Ilmu, menghadiri forum tersebut.

Inisiatif Akauntan Bertauliah PNB (PCA)

Sentiasa ada permintaan untuk akauntan yang berkelayakan dan berkebolehan kerana mereka menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi syarikat-syarikat.

Sejak 2016, PNB telah bekerjasama dengan Yayasan Peneraju Pendidikan (YPPB), Kolej Pendidikan INTEC dan Ernst & Young (EY) Malaysia untuk melahirkan lebih ramai Akauntan Bertauliah Bumiputera melalui Inisiatif PCA menjelang 2022. Pada penghujung tahun 2022, kami mempunyai seramai 230 orang pelajar aktif di bawah program ini dan menghasilkan seramai 1,025 orang graduan.

Penerima Biasiswa sejak penubuhan
1,025

Pelajar yang aktif
230

MENANGANI ISU-ISU EKUITI DAN KETERANGKUMAN

Anugerah Biasiswa Anak Kakitangan PNB dan Program Biasiswa PNB-Kolej Ilmu

Sebagai majikan yang mengambil berat tentang masa depan anak-anak kakitangan kami, kami telah menubuhkan Anugerah Biasiswa Anak Kakitangan PNB pada tahun 1998 yang memberi peluang kepada anak-anak kakitangan PNB untuk mengikuti pengajian asas, diploma atau memenuhi program ijazah sarjana muda di universiti awam dan universiti swasta terpilih di Malaysia.

Selain itu, Program Biasiswa PNB-Kolej Ilmu merujuk kepada pelajar aktif Kolej Ilmu PNB sedia ada dari keluarga kurang berkemampuan dan latar belakang berpendapatan rendah. Program biasiswa ini dibangunkan untuk memastikan pelajar dari komuniti ini turut diberi peluang yang sama untuk melanjutkan pelajaran di peringkat universiti. Sehingga 31 Mac 2023, seramai 1,131 pelajar telah mendapat manfaat daripada kedua-dua kemudahan biasiswa tersebut.

ANUGERAH BIASISWA ANAK PEKERJA PNB**182**

pelajar aktif

767penerima biasiswa
sejak penubuhan**PROGRAM BIASISWA PNB-KOLEJ ILMU****53**

pelajar aktif

364penerima biasiswa
sejak penubuhan**UNIVERSITI TEMPATAN****21**

universiti awam

16

universiti swasta

Bantuan Untuk Pendidikan (BUDI)

Program geran pendidikan, Bantuan Untuk Pendidikan (BUDI) dimulakan pada 2019 sejajar dengan usaha Kerajaan untuk menyokong golongan asnaf (B40). Melalui program ini, PNB membantu pelajar yang kurang berkemampuan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) atau Sekolah Berasrama Penuh (SBP) terpilih, manakala BUDI PNB-UNIRAZAK membolehkan pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Akauntan Pengamal Bertauliah (CPA Australia) di Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK).

Hampir 60% pelajar berjaya dengan cemerlang dan telah memenuhi syarat minimum akademik yang ditetapkan oleh PNB, iaitu CGPA 3.50 bagi pelajar MRSM, 6A bagi pelajar SBP dan CGPA 2.50 bagi pelajar UNIRAZAK.

BUDI PNB-MRSM & BUDI PNB-SBP KPM

Jumlah pelajar sejak penubuhan

462 pelajar

Jumlah pelajar aktif

448 pelajar**BUDI PNB-UNIRAZAK**

Jumlah pelajar sejak penubuhan

150 pelajar

Jumlah pelajar aktif

150 pelajar

MENANGANI ISU-ISU EKUITI DAN KETERANGKUMAN

TERAS 2

TERAS 2: Literasi Kewangan

PNB berusaha untuk bukan sahaja menyokong keperluan masyarakat melalui penyediaan peluang pendidikan tetapi juga mendidik masyarakat tentang kepentingan mengurus kewangan peribadi. Apabila kita mendidik mereka dalam pelbagai aspek seperti belanjawan, menyimpan wang, membuat pelaburan yang bijak dan menguruskan hutang kita akan memperkasakan mereka untuk mencapai matlamat kewangan mereka. Usaha kami ini juga membantu individu mengelakkan masalah kewangan, membuat keputusan kewangan bermaklumat dan membina kekayaan peribadi untuk memastikan masa depan yang terjamin dari segi kewangan. Berikut adalah beberapa program celik kewangan yang kami jalankan pada tahun 2022.



Sembang-Sembang ASNB (Amanah Saham Nasional Berhad)

Inisiatif yang akan diteruskan pada 2023 dan seterusnya, ASNB bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan dan swasta, universiti, kolej dan institut pendidikan guru untuk mendidik pekerja dan pelajar mengenai perancangan kewangan. Objektif utama program ini ialah;

Objektif:

- Untuk mewujudkan rasa mendesak tentang kepentingan perancangan kewangan dalam kalangan peserta.
- Memberi pendidikan berterusan kepada orang ramai tentang kepentingan perancangan kewangan untuk persaraan, keperluan pendidikan anak dan objektif pelaburan lain.
- Untuk menyemai sikap yang betul tentang kepentingan menyimpan, pelaburan dan perancangan kewangan.
- Untuk membantu peserta mencapai ketenangan fikiran dan kebebasan kewangan.
- Untuk memperkenalkan dan mempromosikan dana unit amanah ASNB dan perkhidmatan ASNB kepada orang ramai dengan tujuan untuk mewujudkan kesedaran, menyemai keyakinan dan membina hubungan jangka panjang.

Tahun	Seminar Fizikal		Webinar Dalam Talian (Sembang-Sembang ASNB)		JUMLAH	
	Jumlah Aktiviti	Jumlah Peserta	Jumlah Aktiviti	Jumlah Peserta/ Penonton	Jumlah Aktiviti	Jumlah Peserta/ Penonton
2008-2019	7,520	712,257			7,520	712,257
2020	75	7,252	154	9,956	229	17,208
2021	1	70	299	122,296	300	122,366
2022	38	3,348	267	50,166	305	53,514
JUMLAH	7,634	722,927	720	182,418	8,354	905,345

Program ini dilaksanakan melalui webinar, seminar fizikal dan rancangan bual bicara.

Webinar

Pakar bidang khusus bercakap mengenai pelbagai topik termasuk mata wang kripto, insurans, harta pusaka, dana persaraan dan penipuan. Webinar awam ini turut disiarkan secara langsung setiap minggu melalui Facebook ASNB dan rakaman dimuat naik di saluran YouTube dan laman web ASNB.

Seminar Fizikal

Seminar dianjurkan di seluruh Negeri Sembilan bertepatan dengan acara perdana PNB, Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) yang diadakan di Port Dickson dari 24 hingga 30 November 2022. Seramai 1,551 peserta telah mengambil bahagian dalam 16 program. Seramai 47,985 peserta telah menghadiri seminar ini sejak dimulakan.

Rancangan Bual Bicara

Sembang-Sembang ASNB@Talkshow, sebuah program yang dimulakan pada 2021, telah disiarkan setiap minggu di TV1 (RTM) dari 3 September hingga 26 November 2022, yang menampilkan 12 episod. Rancangan bual bicara ini memaparkan perbincangan berkaitan pelaburan dan perancangan kewangan termasuk kuasa pengkompaunan, pengurusan aliran tunai, pengurusan pelaburan dan pengurusan risiko. Pada 2022, program itu menarik lebih 7.1 juta penonton.

MENANGANI ISU-ISU EKUITI DAN KETERANGKUMAN

Kuiz Pelaburan PNB 2022

'Kuiz Pelaburan PNB 2022' diadakan sempena sambutan Hari Kebangsaan, sepanjang bulan Ogos bagi memperingati 65 tahun kemerdekaan Malaysia. Matlamat Kuiz Pelaburan PNB adalah untuk mendidik orang ramai tentang pelaburan, perancangan kewangan dan landskap pasaran serta memperkenalkan produk dan perkhidmatan ASNB untuk menyokong keperluan kewangan rakyat. Inisiatif yang bertemakan Mencapai Kebebasan Kewangan secara digital berdasarkan soalan dan maklumat umum yang disiarkan dalam akhbar dan laman web ASNB dan dibuka kepada dua kategori - Umum dan Remaja. Versi tambahan untuk belia turut dianjurkan, dikenali sebagai 'Kuiz Pelaburan PNB Remaja@ Kahoot'. Kuiz masa nyata itu dijalankan secara langsung di laman Facebook ASNB Sembang-Sembang.

Seramai 313,514 individu telah mengambil bahagian dalam program ini, peningkatan sebanyak 19.4% daripada 262,570 penyertaan pada tahun 2021. Kategori Umum menarik 295,013 penyertaan, manakala Kategori Remaja Kahoot menyaksikan 1,229 peserta dan Kategori Remaja Umum mengumpulkan 17,272 penyertaan.



Kelab Pelaburan Bijak PNB (KPBPNB)

KPBPNB merupakan kelab sekolah di bawah PNB dan ASNB yang telah dilaksanakan sebagai kelab kokurikulum di 155 buah sekolah menengah terpilih di seluruh Malaysia sejak tahun 2000. Kelab ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan celik kewangan dan menyemai tabiat menabung dalam kalangan pelajar menengah. Semua program di bawah KPBPNB telah mendapat pengesahan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan dilaksanakan bagi menarik penyertaan pelajar dan guru di sekolah.

ASNB berjaya memperoleh Sijil peringkat Kebangsaan bagi 'Bengkel Kewangan dan Kecemerlangan SPM', Cabaran KPBPNB dan Lawatan KPBPNB ke MSAM, Sijil Peringkat Negeri untuk peserta Webinar dan markah latihan untuk guru KPBPNB yang menghadiri program 'Train The Trainer'. Pada tahun di bawah kajian, 12,651 guru dan pelajar telah menyertai program ini.

Melangkah ke hadapan, ASNB akan meneruskan usaha mengukuhkan program di bawah KPBPNB untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan berkaitan perancangan pelaburan dan kewangan dalam kalangan belia Malaysia.

Fiesta Labur PNB @ Home

Inisiatif berterusan tahunan oleh ASNB, program ini dijalankan untuk berkongsi maklumat mengenai produk dan perkhidmatan ASNB serta meningkatkan pengetahuan orang ramai tentang celik kewangan.

Program rancangan bual bicara digital telah diadakan dari 25 hingga 27 Mac 2022, secara langsung di Facebook, memfokuskan kepada topik berkaitan pelaburan dan pengurusan kewangan. Maklumat mengenai produk dan perkhidmatan ASNB turut dikongsi bersama penonton melalui trivia dan peraduan. Program itu mendapat 18,800 tontonan dengan 38,210 penyertaan dalam kuiz trivia.

Ramah Mesra ASNB

Ramah Mesra ASNB ialah program yang membolehkan ASNB berinteraksi lebih meluas dengan masyarakat sambil memperkenalkan kandungan nasihat kewangan dan memasarkan perkhidmatan ASNB. Dijalankan dalam format hibrid dengan aktiviti fizikal dan platform digital melalui Sembang-Sembang ASNB di Facebook, program itu diadakan di seluruh Pulau Pinang, Johor Bahru, Johor dan Kuantan, Pahang. Pada 2022, inisiatif ini menarik 10,995 tontonan langsung di Facebook, memperoleh 26,175 penyertaan trivia dan menjana RM23 juta hasil jualan.

MENANGANI ISU-ISU EKUITI DAN KETERANGKUMAN

TERAS 3

Teras 3: Peningkatan Komuniti

Peningkatan Komuniti

Di PNB, usaha komuniti kami ditumpukan kepada membangunkan komuniti yang holistik dan teguh bertujuan meningkatkan dan menyokong kesejahteraan sosial dan ekonomi mereka. Kami memperkasakan komuniti melalui bantuan kewangan dan bukan kewangan termasuk bekerjasama dengan pertubuhan bukan berasaskan keuntungan atau bukan kerajaan (NGO) dalam inisiatif-inisiatif yang selaras dengan matlamat kami untuk membantu komuniti yang kurang bernasib baik.

Selain daripada meningkatkan kehidupan orang ramai, kami juga memastikan bahawa kami memainkan peranan kami untuk planet ini dengan memberi komitmen terhadap amalan kelestarian. Untuk tujuan ini, program CSR kami adalah berorientasikan hasil dan boleh diperkembangkan untuk memenuhi keperluan komuniti dan alam sekitar. Kami memenuhi komitmen sosial melalui kerjasama dengan pihak berkaitan dan menilai program kami dengan teliti, melaksanakan dan memantainya secara berterusan untuk memberi manfaat kepada komuniti dan alam sekitar.

Objektif:

- Menyediakan sokongan kewangan kepada organisasi yang menyediakan perkhidmatan yang menyumbang kepada peningkatan komuniti.
- Berpusat pada intervensi sosial yang memenuhi keperluan komuniti dalam mengatasi cabaran dan kesukaran dalam kehidupan mereka.

SENARAI AKTIVITI KAMI PADA TAHUN 2022

Jumlah Keseluruhan Sumbangan

RM5.4 juta

Pembangunan Komuniti

96.7%

Pembangunan Pendidikan

3.3 %

Pembangunan Komuniti

- Misi Bantuan Banjir 2022 (RM5 juta, membantu lebih 6,000 penerima).
- Bencana banjir yang berterusan dari tahun sebelumnya terus menjejaskan beberapa komuniti di seluruh negara. PNB bekerjasama dengan beberapa NGO dan menyumbang bantuan kewangan bagi memastikan mangsa dibekalkan dengan keperluan dalam dua fasa:

Fasa 1 - Misi Bantuan Segera dan Menyelamat Banjir (RM2 juta)

- Mercy Malaysia
- Membantu 1,500 keluarga di Karak, Hulu Langat, Shah Alam dan Klang.
- Menderma RM1.5 juta dan bantuan dalam bentuk barangan, memfokuskan kepada mata pencarian, pendidikan, penjagaan kesihatan dan tempat tinggal.
- Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)
- 500 keluarga di Shah Alam, Nanding, Sg. Lui, Sg. Serai, Bukit Changgang dan Meru menerima RM1,000 iaitu RM800 secara tunai dan barangan elektrik bernilai RM200.
- Menderma RM500,000 kepada usaha itu.



Fasa 2 - Program Pemulihan Pasca Banjir (RM3 juta)

- Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Selangor, Pahang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Sokongan kewangan kami kepada 31 sekolah, memanfaatkan 3,140 pelajar dan 971 kakitangan berjumlah RM2.3 juta.
- Menyediakan penggantian atau baik pulih peralatan sekolah yang rosak.
- Membeli pakaian seragam, kasut, beg dan keperluan pendidikan lain untuk pelajar yang terjejas.
- Bantuan kewangan kepada kakitangan JPN yang terjejas teruk.
- YaPEIM dan Pejabat Daerah dan Tanah
- Membaiki dan memulihkan kediaman mangsa banjir di Klang, Kuala Selangor, Hulu Langat, Sepang dan Petaling.
- Menyumbang RM500,000 yang memanfaatkan 25 keluarga.
- Yayasan Sejahtera
- Meningkatkan kehidupan 20 keluarga di Sungai Pinang dan Tumpat, Kelantan melalui Program Pembangunan Keusahawanan selama 18 bulan.
- Melabur RM200,000 dalam program ini.

SUMBANGAN LAIN

Yayasan Hijau Malaysia (YHM)

- Menyertai Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Kebangsaan @ Villea Port Dickson, Negeri Sembilan.

Sekolah terpilih di Kelantan: sumbangan 400 unit komputer peribadi terpakai.

Program Sahabat Simpanan Haji 1443H/2022H: menyumbangkan 4,000 set topeng muka.

MENANGANI ISU-ISU EKUITI DAN KETERANGKUMAN

Program Pengagihan Zakat CSR PNB

Pada tahun 2022, kami menyumbang RM6.1 juta melalui Program Pengagihan Zakat CSR PNB yang diselia oleh Jabatan Pengurusan Syariah. Peruntukan zakat ditadbir oleh Rangka Kerja Zakat CSR PNB, yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah PNB.

Pada masa ini, mesyuarat Lembaga Pengarah mengamalkan sistem tanpa kertas dengan penggunaan Sistem BoardPac. Sistem ini membolehkan Setiausaha Syarikat memberi akses bahan-bahan mesyuarat kepada Lembaga Pengarah dan ahli Jawatankuasa pada kadar segera sebelum setiap mesyuarat Lembaga Pengarah. Sistem tanpa kertas ini membolehkan mesyuarat Lembaga Pengarah dikendalikan dengan cekap dan ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa segera diberi maklumat terkini sekiranya terdapat sebarang pindaan pada mana-mana kertas kerja mesyuarat.

AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN NASIHAT

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya mempunyai akses tanpa sekatan untuk khidmat nasihat dan perkhidmatan daripada pegawai dan kakitangan PNB dan mungkin melibatkan pihak ketiga yang bebas sekiranya perlu dalam melaksanakan tugas dan memenuhi kewajipan mereka dan perbelanjaannya akan ditanggung oleh Kumpulan PNB.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Apa-apa percanggahan kepentingan sebenar atau yang berpotensi berkaitan kedudukan sebagai pengarah atau pegangan saham akan didedahkan oleh Ahli Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa kepada Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa melalui Setiausaha Syarikat Kumpulan. Sekiranya berlaku sebarang konflik kepentingan, ahli Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa akan mengelak daripada mengambil bahagian dalam membuat keputusan.

SETIAUSAHA SYARIKAT KUMPULAN

Setiausaha Syarikat Kumpulan adalah berkelayakan dan cekap sewajarnya untuk menyokong Lembaga Pengarah dalam menyediakan nasihat tadbir urus yang bernas, memastikan pematuhan kepada peraturan dan prosedur serta menyokong amalan terbaik tadbir urus korporat.

PENILAIAN LEMBAGA PENGARAH

PNB mengamalkan penilaian Lembaga Pengarah sebagai sebahagian daripada komitmen berterusannya untuk mengekalkan piawaian tadbir urus korporat tertinggi, sesuai dengan saranan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Susulan keputusan Lembaga Pengarah, dalam memastikan Lembaga Pengarah berprestasi tinggi, Penilaian Lembaga Pengarah 2021 (BEE 2021) bagi prestasi Lembaga Pengarah dalam tahun kewangan 2021 telah dilaksanakan oleh perunding luar iaitu PwC Consulting Associates (M) Sdn. Bhd. (PwCCA). Berdasarkan hasil daripada keputusan BEE 2021, pelbagai tindakan telah diambil bagi memperbaiki kelemahan yang telah dikenalpasti oleh pihak PwCCA.

LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PENGARAH

Lembaga Pengarah mengakui pentingnya Pengarah-pengarah mendapatkan pendidikan berterusan bagi memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi mereka dan memenuhi cabaran industri tertentu. Sehubungan dengan itu, Lembaga Pengarah terus menilai keperluan latihan untuk setiap Pengarah. Dalam tahun kewangan ini, semua ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri pelbagai program latihan dan bengkel tentang pelbagai isu semasa yang relevan dengan PNB untuk mengemaskini pengetahuan mereka mengenai perkembangan undang-undang dan peraturan baharu.

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

Program latihan, persidangan dan forum yang dihadiri oleh Pengarah-pengarah dalam tahun kewangan 2022 adalah seperti berikut:

<p style="text-align: center;">Perbankan</p> <ul style="list-style-type: none"> • MIA Conference 2022 • BNM MyFintech Week 2022 - Masterclasses with FIDE Forum: <ul style="list-style-type: none"> - Session A: Getting It Right: Securing Results from Digital Transformation - Session B: Web 3.0 and the Future of Finance - Session C: Deep Dive into DeFi • Round Table on Islamic Finance - The Future of Finance and Society 	<p style="text-align: center;">Pengurusan Kepimpinan</p> <ul style="list-style-type: none"> • The Linkage 20 Conversations @ Harvard • PNB Luncheon Talk, London • Sime Darby Property: Sustainable Leadership Workshop (Part 1) • ICDM BNRC Dialogue and Networking #1 • Sime Darby Property: Sustainable Leadership Workshop (Part 2) • International Directors Summit 2022 • Complimentary Talk on Values as a Source of Competitive Advantage • Axiata Board Retreat (Part 1) On: <ul style="list-style-type: none"> - Sustainability and Climate Action for Telcos in Asia - Telco to TechCo: Transforming to Unlock Growth
<p style="text-align: center;">Pengurusan</p> <ul style="list-style-type: none"> • PNB Knowledge Forum 2022 - Tall Buildings and Living In The Space Age: The Enigma and Convergence of Science and Art • Emerging Trends Talk: Integrated Reporting but Disintegrated Thinking 	<p style="text-align: center;">Ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Singapore Business and Trade Shows 2022 • Khazanah Megatrends Forum 2022: Development and its Complexities • Market Outlook Series 2022: <ul style="list-style-type: none"> - Gas and LNG Carrier Market Outlook - Offshore Production Market Outlook - Special Focus: Russia Sanctions and Potential Implications - Oil and Tanker Market Outlook - The Future of Seafarers in the Decade of Transformation • Sime Darby Property: Pre-Board Engagement: <ul style="list-style-type: none"> - Macroeconomic Outlook - Investment and Asset Management - Disruption Through Tech and Innovation - Geographical Expansion - Opportunities in the UK - Fireside Chat with PNB CEO • ICMR Lecture Series - Innovation through Collaboration - Planning for More Inclusive and Sustainable Capital Markets Post COVID-19 • Value as a Source of Competitive Advantage
<p style="text-align: center;">Teknologi Maklumat Dan Keselamatan Cyber</p> <ul style="list-style-type: none"> • SiberSAFE Online Cybersecurity Awareness Training • Cybersecurity Awareness Programme • Tech Talk 5G: Empowering Digitalisation for Smart Estate • Sime Darby Property: Training and Updates on Cybersecurity • EIPL Directors' Training: Cybersecurity Training • Cyber Threats for Top Executive • Allianz Malaysia Berhad: Cybersecurity Awareness Training 	<p style="text-align: center;">Audit</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sime Darby Property: Tax Audit for Property Developers • AOB Conversation with Audit Committees
<p style="text-align: center;">Pengurusan Risiko</p> <ul style="list-style-type: none"> • Etiqa Board Risk Workshop • FIDE Forum: The Emerging Trends, Threats and Risks to the Financial Services Industry - Managing Global Risk, Investment and Payment System • Directors' Guide to the Risk Maturity Framework (Series 11) • Directors' Guide to RMIT (Series 18) • Briefing on Corruption Risk Assessment 	<p style="text-align: center;">Tadbir Urus Korporat</p> <ul style="list-style-type: none"> • IIC-SIDC Corporate Governance Conference 2022: Investment Stewardship on Times of Heightened Sustainability Demands

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

Perundangan atau Pematuhan atau Risiko

- Online Training: Inns of Court Malaysia ("ICM") Legal Education Series #9 - Judicial Management and Corporate Rescue: Balancing the Rescue of Distressed Companies and the Rights of Creditors
- Online Training: AML/CFT and TFS 2022: Evolving Challenges and Expectations in Regulatory Compliance for Senior Management
- Understanding the Regulatory Landscape Between Malaysia and the UK
- PNB Integrity Talk 2022 - Section 17A MACC Act Corporate Liability, Adequate Procedures and ISO 37001 ABMS
- Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing
- Etiqa: Directors' Training Programme on Module 3 - Compliance Topic:
 - Compliance Function Overview
 - Governing Compliance Risk
 - > Compliance BNM PD
 - > Corporate Governance BNM PD
 - > Approach to Regulating and Supervising Financial Group
 - > Shariah Governance BNM PD
 - > Anti-Bribery and Corruption
 - Compliance Topics
 - > AMLCFT
 - > Managing Customer Information
 - > Fair Treatment of Financial Consumer (FTFC)
- EIPL Directors' Training:
 - Anti-Fraud or Anti-Bribery and Corruption or Whistleblowing Anti-Money Laundering or Counter Financing of Terrorism or Sanctions
- FIMM Regulatory Training on Code of Ethics
- Section 17A MACC Act - Adequate Procedures and ISO37001 Anti Bribery Management System
- Axiata Group Risk and Compliance Conference 2022 - "Thriving in a VUCA (Volatility Uncertainty Complexity Ambiguous) World"
- Data Privacy and Personal Data Protection Act 2010
- Constitutional Amendments and the Basic Structure in Malaysia "A Constitution, If We Can Keep It: Reflections on the Basic Structure Doctrine"

Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

- PNB Sustainability ESG Forum
- JC3 Upskilling Sustainability Training Series - Measuring Portfolio Alignment to Climate Scenarios and Climate Transition Stress Testing
- Etiqa: Directors' Training Programme on Module 2 - ESG Topic: Sustainability ESG Environmental, Social and Governance
- Sustainability Update and Climate Risk Training Session:
 - Maybank's Sustainability Agenda
 - How Financial Institutions Can Support Climate Transformation?
- PNB Knowledge Forum I 2022 - Sustainable Investing: ESG At The Forefront
- Etiqa: Directors' Training Programme on Module 2 - ESG Topic: Building A Wellbeing Economy - Lessons from Bhutan and Gross National Happiness
- ESG Roundtable Discussion
- Climate Change: Directors' Duties and Governance
- ESG Strategies for Board of Directors and Leadership Team
- PNB Knowledge Forum III 2022: Decarbonised Economy - Accelerating the Net Zero Transition
- Board Benchmarking for Sustainability
- Online Training: Environmental, Social and Governance ("ESG") Strategies for Leadership Team
- A Conversation with YB Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad, Minister of Natural Resources, Environment and Climate Change
- Beyond Growth: Financing Sustainability to Build Back Better

Syariah

- Majlis Forum Wakaf PNB 2022
- Takaful Boards Engagement (Shariah Compliance Culture): Unlocking the Unique Corporate Value Proposition of Takaful, Ta'awun and Tabarru' - The Roles of Takaful Board Members

Pelaburan

- Etiqa: Directors' Training Programme on Module 3 - Investment Topic:
 - Liability Driven Investment
 - Asset Liability Management
 - Research and Portfolio Management
- Maybank's Invest Asean 2022 on Asean Framing A Future

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

PRINSIP A KEPIMPINAN DAN KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH

Ahli Lembaga Pengarah	Tun Arifin Zakaria	Ahmad Zulqarnain Onn	Datuk Seri Asri Hamidin @ Hamidon*	Tan Sri Datuk Zainun Ali
Jawatan	Pengerusi Kumpulan Bukan Bebas Bukan Eksekutif <i>Bersara sebagai Pengerusi Kumpulan PNB berkuat kuasa pada 6 Mei 2023</i>	Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan/ Eksekutif Bukan Bebas	Bebas Bukan Eksekutif <i>* (Meletak jawatan sebagai Pengarah berkuat kuasa pada 5 Januari 2023)</i>	Bebas Bukan Eksekutif

Lembaga Pengarah telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk membantu melaksanakan fungsi pengawasannya dan memastikan terdapat semakan dan imbalan dalam urusan fungsi atau bidang tertentu. Terdapat lapan (8) Jawatankuasa di bawah bidang kuasa Lembaga Pengarah seperti yang berikut:

IC Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Pengarah PNB

Pengerusi:

- Tun Arifin Zakaria

Bersara sebagai Pengerusi Kumpulan PNB berkuat kuasa pada 6 Mei 2023

Ahli:

- Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar
- Dato' Johan Ariffin
- Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani
- Ahmad Zulqarnain Onn

Jawatankuasa Pelaburan membantu Lembaga Pengarah merangka pelan dan strategi, serta meluluskan pemilihan pelaburan untuk portfolio pelaburan PNB dan dana unit amanah di bawah pengurusan PNB, tertakluk kepada had kuasa yang diberikan oleh Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini turut mempertimbangkan sebarang cadangan untuk penggabungan dan pengambilalihan.

SAC Jawatankuasa Penasihat Syariah PNB

Pengerusi:

- Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar

Ahli:

- SS. Dato' Haji Mohamad Shukri Mohamad (Dato' Kaya Perba)
- Dato' (Dr.) Haji Nooh Gadot
- Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid
- Passed away on 17 June 2023*
- Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin
- Dr. Aida Othman
- Wan Abdul Rahim Kamil Wan Mohamed Ali

Jawatankuasa Penasihat Syariah (SAC) ditubuhkan untuk memberi nasihat di samping pandangan dan panduan mengenai perkara berkaitan pematuhan isu-isu Syariah terhadap pelaburan yang dibuat oleh PNB dan dana unit amanah di bawah pengurusan PNB dan membantu PNB untuk mematuhi prinsip-prinsip Syariah. SAC akan bersidang pada setiap suku tahun untuk meninjau status pematuhan Syariah bagi setiap pelaburan PNB dan dana-dana unit amanahnya dan berbincang serta memberi kelulusan cadangan-cadangan menurut perkara-perkara keperluan Syariah.

NRC Jawatankuasa Penamaan & Imbuan Lembaga Pengarah PNB

Pengerusi:

- Datu Haji Soedirman Aini

Ahli:

- Datuk Dr. Mohd. Yaakub Haji Johari
- Datin Norazah Mohamed Razali
- Datuk Mohd. Anwar Yahya

Jawatankuasa Penamaan & Imbuan (NRC) mengenal pasti dan mengesyorkan calon yang sesuai untuk pelantikan dalam Lembaga Pengarah PNB dan Syarikat Subsidiari Beroperasi, begitu juga Syarikat Strategik, Teras, Kawalan dan Syarikat Pelaburan Minoriti. Jawatankuasa ini turut mengenal pasti dan mengesyorkan calon yang sesuai untuk pelantikan sebagai Presiden/Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif di PNB, Syarikat Subsidiari Beroperasi, Syarikat Strategik dan Syarikat Kawalan Pelaburan serta pengurusan utama PNB. Dalam pemilihan calon-calon, NRC mengikut dasar dan proses yang telah ditetapkan yang mengambil kira, antaranya, aspek seperti integriti, kemahiran, pengetahuan dan pengalaman calon.

Di samping itu, Jawatankuasa membantu Lembaga Pengarah untuk memastikan bahawa imbuan Pengarah dan pengurusan PNB serta Syarikat Subsidiari Beroperasi adalah adil dan berdaya saing, sambil memberi perhatian yang sewajarnya terhadap kepentingan semua pihak yang berkepentingan NRC ini juga memastikan bahawa dasar-dasar perlu mengenai pelantikan dan imbuan bagi para Pengarah dan kakitangan PNB dan Syarikat Subsidiari Beroperasi disediakan.

CC Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah Kumpulan PNB

Pengerusi:

- Tan Sri Datuk Zainun Ali

Ahli:

- Ahmad Zulqarnain Onn
- Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood
- Datuk Dr. Mohd. Yaakub Haji Johari

Jawatankuasa Pematuhan ditubuhkan untuk menentukan, meluluskan, menyemak dan memantau Pelan Kerja Pematuhan dan Integriti di Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap suku tahunan untuk menilai dan menyemak hasil penemuan laporan pematuhan dan membuat saranan tentang perkara yang berkenaan. Struktur keseluruhan fungsi pematuhan Kumpulan PNB akan disemak mengikut keperluan. Maklumat lanjut mengenai komposisi dan kehadiran ahli Jawatankuasa Pematuhan dan Program Pematuhan PNB dinyatakan dalam Penyata Pematuhan Korporat dan Integriti pada muka surat 124 hingga 131 dalam Laporan Tahunan ini.

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

Datuk Dr. Mohd. Yaakub Haji Johari	Datu Haji Soedirman Haji Aini	Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood	Dato' Johan Ariffin	Datin Norazah Mohamed Razali
Bebas Bukan Eksekutif	Bebas Bukan Eksekutif	Bebas Bukan Eksekutif	Bebas Bukan Eksekutif	Bebas Bukan Eksekutif

APC Jawatankuasa Rayuan Lembaga Pengarah PNB**Pengerusi:**

- Tan Sri Datuk Zainun Ali

Ahli:

- ▲ Datuk Dr. Mohd. Yaakub Haji Johari
- ▲ Datu Haji Soedirman Haji Aini
- ▲ Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood

Fungsi Jawatankuasa Rayuan adalah untuk mendengar rayuan kakitangan yang didapati bersalah berikutan salah laku dan untuk menentukan sama ada hukuman yang diputuskan oleh Jawatankuasa Tatatertib setimpal dengan salah laku berkenaan. Jawatankuasa ini turut menimbang rayuan daripada kakitangan tentang penentuan gaji dan kenaikan pangkat mereka.

AC Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah PNB**Pengerusi:**

- Datuk Mohd. Anwar Yahya

Ahli:

- ▲ Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani
- ▲ Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood
- ▲ Datu Haji Soedirman Haji Aini

Fungsi utama Jawatankuasa Audit adalah untuk menyemak kualiti dan keberkesanan keseluruhan sistem perakaunan dan kawalan dalaman. Jawatankuasa ini mengkaji kecukupan dan integriti penglibatan audit oleh juruaudit luaran dan dalaman pada setiap tahun kewangan. Dasar perakaunan yang diterima pakai oleh pengurusan dan diterima oleh juruaudit luaran akan disemak secara berkala untuk memastikan pematuhan kepada Piawaian Perakaunan yang berkenaan. Maklumat lanjut mengenai komposisi dan aktiviti Jawatankuasa Audit ini dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit pada halaman 132 hingga 135 dalam Laporan Tahunan ini.

RMC Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah PNB**Pengerusi:**

- Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood

Ahli:

- ▲ Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani
- ▲ Datuk Mohd. Anwar Yahya
- ▲ Datin Norazah Mohamed Razali

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai falsafah pengurusan risiko, dasar dan strategi pengurangan risiko seperti yang dicadangkan oleh Pengurusan untuk menguruskan risiko utama Kumpulan PNB, dan untuk mengawasi dan menyetujui pembangunan dan penyelenggaraan rangka kerja bersepadu pengurusan risiko Kumpulan PNB. Maklumat lanjut mengenai komposisi dan kehadiran ahli Jawatankuasa ini dinyatakan dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman pada halaman 142 hingga 156 dalam Laporan Tahunan ini.

TC Jawatankuasa Tender Lembaga Pengarah PNB**Pengerusi:**

- Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani

Ahli:

- ▲ Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood
- ▲ Ahmad Zulqarnain Onn

Jawatankuasa Tender membantu Lembaga Pengarah untuk mempertimbangkan mengenai tender dan sebut harga untuk semua aset, bekalan dan perkhidmatan bagi Kumpulan PNB yang bernilai melebihi RM2 juta.

Jawatankuasa-jawatankuasa ini mempunyai terma rujukan bertulis yang terpisah dan ditentukan, yang memperincikan skop bidang kuasa dan tanggungjawab mereka yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pengerusi setiap jawatankuasa melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara yang dibincangkan dan tindakan yang diambil dalam mesyuarat mereka selepas setiap mesyuarat. Setiap jawatankuasa menyemak tugas dan fungsi masing-masing dan bekerjasama dengan Lembaga Pengarah untuk membuat pelarasan yang diperlukan. Lembaga Pengarah boleh, dari semasa ke semasa, menubuh dan mengekalkan jawatankuasa tambahan sekiranya perlu. Namun begitu, tanggungjawab utama untuk membuat keputusan tetap terletak pada Lembaga Pengarah.

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

KEHADIRAN LEMBAGA PENGARAH DAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi:

Tun Arifin Zakaria

Kehadiran 14/14

Bersara sebagai Pengerusi Kumpulan PNB berkuat kuasa pada 6 Mei 2023

Ahli:

Ahmad Zulqarnain Onn

Kehadiran 14/14

Datuk Seri Asri Hamidin @ Hamidon*

Kehadiran 7/14

* Meletak jawatan sebagai Pengarah berkuat kuasa pada 5 Januari 2023

Tan Sri Datuk Zainun Ali

Kehadiran 12/14

Datuk Dr. Mohd. Yaakub Haji Johari

Kehadiran 14/14

Datu Haji Soedirman Haji Aini

Kehadiran 13/14

Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood

Kehadiran 14/14

Dato' Johan Ariffin

Kehadiran 14/14

Datin Norazah Mohamed Razali

Kehadiran 14/14

NRC

Pengerusi:

Datu Haji Soedirman Haji Aini

Kehadiran 8/8

Ahli:

Datuk Dr. Mohd. Yaakub Haji Johari

Kehadiran 8/8

Datin Norazah Mohamed Razali

Kehadiran 8/8

Datuk Mohd. Anwar Yahya

Kehadiran 8/8

IC

Pengerusi:

Tun Arifin Zakaria

Kehadiran 12/12

Bersara sebagai Pengerusi Kumpulan PNB berkuat kuasa pada 6 Mei

Ahli:

Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar

Kehadiran 12/12

Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani

Kehadiran 12/12

Dato' Johan Ariffin

Kehadiran 12/12

Ahmad Zulqarnain Onn

Kehadiran 12/12

AC

Pengerusi:

Datuk Mohd. Anwar Yahya

Kehadiran 12/12

Ahli:

Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood

Kehadiran 11/12

Datu Haji Soedirman Aini

Kehadiran 12/12

Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani

Kehadiran 12/12

Senarai mesyuarat tahun 2022

Mesyuarat Khas AC (No. SB1-2022) diadakan pada 11 Januari 2022	AC
Mesyuarat Khas NRC (No. SB1-2022) diadakan pada 13 Januari 2022	NRC
Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah (No. SB1-2022) diadakan pada 17 Januari 2022	Board
Mesyuarat IC ke-322 (No. 1-2022) diadakan pada 24 Januari 2022	IC
Mesyuarat Khas AC (No. SB2-2022) diadakan pada 27 Januari 2022	AC
Mesyuarat AC ke-292 (No. 1-2022) diadakan pada 4 Februari 2022	AC
Mesyuarat TC ke-92 (No. 1-2022) diadakan pada 9 Februari 2022	TC
Mesyuarat SAC ke-42 (No. 1-2022) diadakan pada 9 Februari 2022	SAC
Mesyuarat IC ke-323 (No. 2-2022) diadakan pada 17 Februari 2022	IC
Mesyuarat Khas AC (No. SB3-2022) diadakan pada 18 Februari 2022	AC
Mesyuarat RMC ke-52 (No. 1-2022) diadakan pada 22 Februari 2022	RMC
Mesyuarat CC ke-88 (No. 1-2022) diadakan pada 23 Februari 2022	CC
Mesyuarat Khas AC (No. 4-2022) diadakan pada 1 Mac 2022	AC
Mesyuarat NRC ke-21 (No. 1-2022) diadakan pada 2 Mac 2022	NRC
Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-247 (No. 1-2022) diadakan pada 3 Mac 2022	Board
Mesyuarat AC ke-293 (No. 2-2022) diadakan pada 15 Mac 2022	AC
Mesyuarat IC ke-324 (No. 3-2022) diadakan pada 16 Mac 2022	IC
Mesyuarat Khas AC (No. SB5-2022) diadakan pada 17 Mac 2022	AC
Mesyuarat Khas TC (No. SB1-2022) diadakan pada 18 Mac 2022	TC
Mesyuarat Khas NRC (No. SB2-2022) diadakan pada 21 Mac 2022	NRC
Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah (No. SB2-2022) diadakan pada 22 Mac 2022	Board
Mesyuarat SAC ke-43 (No. 2-2022) diadakan pada April 12, 2022	SAC
Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah (No. SB3-2022) diadakan pada 14 April 2022	Board
Mesyuarat Khas NRC (No. SB3-2022) diadakan pada 14 April 2022	NRC
Mesyuarat IC ke-325 (No. 4-2022) diadakan pada 20 April 2022	IC
Mesyuarat TC ke-93 (No. 2-2022) diadakan pada 27 April 2022	TC
Mesyuarat AC ke-294 (No. 3-2022) diadakan pada 9 Mei 2022	AC
Mesyuarat CC ke-89 (No. 2-2022) diadakan pada 11 Mei 2022	CC
Mesyuarat RMC ke-53 (No. 2-2022) diadakan pada 12 Mei 2022	RMC
Mesyuarat NRC ke-22 (No. 2-2022) diadakan pada 17 Mei 2022	NRC
Mesyuarat IC ke-326 (No. 5-2022) diadakan pada 18 Mei 2022	IC
Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-248 (No. 2-2022) diadakan pada Mei 19, 2022	Board
Mesyuarat AC ke-295 (No. 4-2022) diadakan pada 30 Mei 2022	AC
Mesyuarat TC ke-94 (No. 3-2022) diadakan pada 15 Jun 2022	TC
Mesyuarat Khas CC (No. SB1-2022) diadakan pada 17 Jun 2022	CC
Mesyuarat IC ke-327 (No. 6-2022) diadakan pada 20 Jun 2022	IC
Mesyuarat AC ke-296 (No. 5-2022) diadakan pada 23 Jun 2022	AC
Mesyuarat Khas RMC (No. SB1-2022) diadakan pada 23 Jun 2022	RMC

JAN

FEB

MAC

APR

MEI

JUN

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

Bulan	Mesyuarat	Jenis
JUL	Mesyuarat Khas NRC (No. SB4-2022) diadakan pada 19 Julai 2022	NRC
	Mesyuarat IC ke-328 (No. 7-2022) diadakan pada 20 Julai 2022	IC
	Mesyuarat SAC ke-44 (No. 3-2022) diadakan pada 21 Julai 2022	SAC
	Mesyuarat AC ke-297 (No. 6-2022) diadakan pada 28 Julai 2022	AC
OGOS	Mesyuarat Khas (No. SB4-2022) diadakan pada 1 Ogos 2022 Lembaga	Board
	Mesyuarat RMC ke-54 (No. 3-2022) diadakan pada 10 Ogos 2022	RMC
	Mesyuarat Khas (No. SB5-2022) diadakan pada 13 Ogos 2022 Lembaga	Board
	Mesyuarat CC ke-90 (No. 3-2022) diadakan pada 18 Ogos 2022	CC
	Mesyuarat NRC ke-23 (No. 3-2022) diadakan pada 19 Ogos 2022	NRC
	Mesyuarat IC ke-329 (No. 8-2022) diadakan pada 22 Ogos 2022	IC
	Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-249 (No. 3-2022) diadakan pada 23 Ogos 2022	Board
	Mesyuarat AC ke-298 (No. 7-2022) diadakan pada 30 Ogos 2022	AC
	Mesyuarat TC ke-95 (No. 4-2022) diadakan pada 12 September, 2022	TC
	Mesyuarat IC ke-330 (No. 9-2022) diadakan pada 20 September 2022	IC
Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah (No. SB6-2022) diadakan pada 21 September 2022	Board	
SEP	Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah (No. SB7-2022) diadakan pada 12 Oktober 2022	Board
	Mesyuarat IC ke-331 (No. 10-2021) diadakan pada 28 Oktober 2022	IC
	Mesyuarat SAC ke-45 (No. 4-2022) diadakan pada 31 Oktober 2022	SAC
	Mesyuarat CC ke-91 (No. 4-2022) diadakan pada 10 November 2022	CC
	Mesyuarat RMC ke-55 (No. 4-2022) diadakan pada 14 November 2022	RMC
OKT	Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah (No. SB8-2022) diadakan pada 15 November 2022	Board
	Mesyuarat IC ke-332 (No. 11-2022) diadakan pada 17 November 2022	IC
	Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah (No. SB9-2022) diadakan pada 30 November 2022	Board
	Mesyuarat Khas IC (No. SB1-2022) diadakan pada 30 November 2022	IC
	Mesyuarat NRC ke-24 (No. 4-2022) diadakan pada 2 Disember 2022	NRC
	Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-250 (No. 4-2022) diadakan pada 5 Disember 2022	Board
NOV	Mesyuarat Khas RMC (No. SB2-2022) diadakan pada 9 Disember 2022	RMC
	Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah (No. SB10-2022) diadakan dari 12 hingga 13 Disember 2022	Board
	Mesyuarat Khas IC (No. SB1-2022) diadakan pada 30 November 2022	IC
	Mesyuarat NRC ke-24 (No. 4-2022) diadakan pada 2 Disember 2022	NRC
	Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-250 (No. 4-2022) diadakan pada 5 Disember 2022	Board
DIS	Mesyuarat TC ke-96 (No. 5-2022) diadakan pada 19 Disember 2022	TC

Lembaga Pengarah	Lembaga Jawatankuasa	CC	Jawatankuasa Pematuhan
IC	Jawatankuasa Pelaburan	RMC	Jawatankuasa Pengurusan Risiko
SAC	Jawatankuasa Penasihat Syariah	AC	Jawatankuasa Audit
NRC	Jawatankuasa Penamaan & Imbuhan	TC	Jawatankuasa Tender

RMC

Pengerusi:

Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood

Kehadiran 6/6

Ahli:

Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani

Kehadiran 6/6

Datuk Mohd. Anwar Yahya

Kehadiran 6/6

Datin Norazah Mohamed Razali

Kehadiran 6/6

CC

Pengerusi:

Tan Sri Datuk Zainun Ali

Kehadiran 5/5

Ahli:

Ahmad Zulqarnain Onn

Kehadiran 5/5

Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood

Kehadiran 5/5

Datuk Dr. Mohd. Yaakub Haji Johari

Kehadiran 5/5

TC

Pengerusi:

Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani

Kehadiran 6/6

Ahli:

Ahmad Zulqarnain Onn

Kehadiran 6/6

Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood

Kehadiran 6/6

SAC

Pengerusi:

Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar

Kehadiran 4/4

Ahli:

SS. Dato' Haji Mohamad Shukri Mohamad**(Dato' Kaya Perba)**

Kehadiran 4/4

Dato' (Dr.) Haji Nooh Gadot

Kehadiran 3/4

Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid

Meninggal dunia pada 17 Jun 2023

Kehadiran 3/4

Datuk Profesor Dr. Mohamad Akram Laldin

Kehadiran 4/4

Dr. Aida Othman

Kehadiran 4/4

Wan Abdul Rahim Kamil Wan Mohamed Ali

Kehadiran 4/4

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

PRINSIP B KEBERKESANAN PENGURUSAN AUDIT DAN RISIKO

PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang boleh dipercayai untuk melindungi kepentingan PNB dan pemegang unitnya. Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini dinyatakan pada halaman 142 hingga 156 dalam Laporan Tahunan ini.

DASAR PEMBERI MAKLUMAT DAN DASAR HALANGAN MAKLUMAT

Selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, dan amalan tadbir urus korporat yang baik, PNB menggalakkan semua pihak yang berkenaan untuk mengetengahkan sebarang perlakuan tidak wajar tanpa rasa takut terhadap tindakan yang akan dikenakan, menjadi mangsa atau layanan diskriminasi untuk mempertingkatkan tahap ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi. Dasar Pemberi Maklumat PNB memudahkan pendedahan perlakuan tidak wajar yang berkaitan salah laku, penyelewengan, urus niaga haram, tingkah laku yang menyinggung perasaan, tidak berdisiplin, pelanggaran amalan atau prosedur yang telah ditetapkan, atau sebarang tindakan yang memudaratkan reputasi dan kepentingan PNB.

Dasar Halangan Maklumat bertujuan antara lain untuk melindungi dan menghalang Kumpulan PNB daripada melakukan kesalahan perdagangan orang dalam. Justeru, adalah penting aturan kerahsiaan dilaksanakan menerusi Dasar Halangan Maklumat. Pengarah, Ahli Jawatankuasa Pelaburan dan semua kakitangan Kumpulan PNB dikehendaki untuk menandatangani Pengisytiharan Kepentingan berkenaan dengan pengambilalihan/pembelian/penjualan sekuriti-sekuriti syarikat dalam borang Pengisytiharan Kepentingan.

PENYATA TENTANG PEMATUHAN DAN INTEGRITI KORPORAT

PNB menyasarkan untuk mencapai piawaian tertinggi tadbir urus dan pematuhan kepada keperluan undang-undang dan pihak berkuasa kawal selia. PNB sebagai entiti berlesen dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ("CMSA") dikawal oleh peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh SC, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan undang-undang lain yang berkaitan. Dalam melaksanakan tanggungjawab dan menjalankan perniagaannya dalam pasaran yang kompetitif dan berubah dengan pantas, PNB komited untuk mendukung dan menjaga kepentingan pemegang kepentingannya, di samping menyokong piawaian ketelusan dan akauntabiliti yang tinggi yang menjadi asas kepada pemeliharaan reputasi integritinya.

PNB terus mempunyai pendekatan yang sistematik dan jelas dengan mekanisme ujian dan pemantauan yang mantap untuk memastikan pematuhan kepada semua undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkaitan, dasar dan prosedur dalaman, dan piawaian etika.

STRUKTUR TADBIR URUS PEMATUHAN DAN INTEGRITI

Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi memastikan terdapat pengurusan risiko pematuhan dan rasuah yang berkesan untuk Kumpulan PNB dalam mematuhi undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkaitan.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan Kumpulan PNB mematuhi semua undang-undang, peraturan dan garis panduan. Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah untuk menyelia pelaksanaan dan operasi Program Pematuhan dan Integriti oleh Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti yang juga menyelia Pegawai Pematuhan dan Ketua Pegawai Integriti ("GIGO"). Pegawai Pematuhan memegang tanggungjawab utama fungsi pematuhan PNB, yang meliputi untuk menubuhkan, melaksana, mengendali dan memantau Program Pematuhan Kumpulan PNB. Empat (4) fungsi utama Jabatan Integriti termasuklah pengurusan aduan, pengesanan dan pengesahan, pengukuhan tadbir urus dan integriti serta pelaksanaan Program Integriti. Pelaporan kemajuan Program Pematuhan dan Integriti dibuat secara terus kepada Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah.

Bagi memenuhi objektif di atas, Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah bertanggungjawab dalam menetapkan hala tuju dan strategi untuk pematuhan dan integriti termasuk mewujudkan rangka kerja dan dasar pematuhan dan integriti untuk pengurusan risiko pematuhan dan rasuah. Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah ini bermesyuarat setiap suku tahunan untuk menilai dan menyemak hasil penemuan laporan pematuhan dan integriti serta membuat saranan tentang perkara yang berkenaan. Struktur keseluruhan fungsi pematuhan dan integriti Kumpulan PNB akan disemak mengikut keperluan. Butiran lanjut mengenai komposisi Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah dan Program Pematuhan dan Integriti Kumpulan PNB dinyatakan dalam Penyata ini.

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

Skop Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah mempunyai kuasa, dan bertindak bagi pihak Lembaga Pengarah, untuk memantau, antara lain perkara yang berikut:

- Pengawasan dan pengurusan risiko pematuhan dan rasuah yang sewajarnya;
- Membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawabnya ke arah memenuhi keperluan undang-undang, peraturan, panduan dan syarat pelesenan yang berkaitan;
- Membantu Lembaga Pengarah dalam menyelia semua isu berkaitan integriti untuk memastikan penggunaan amalan terbaik dan piawaian etika tertinggi; dan
- Memberi nasihat, bimbingan dan arahan berhubung pelaksanaan Rangka Kerja dan Piagam Pematuhan, dan Rangka Kerja dan Piagam Integriti bagi Kumpulan PNB, serta Pelan Kerja Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti.

Fungsi Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah

Secara umumnya, fungsi dan tugas Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah ini adalah seperti berikut:

- Menyediakan pengawasan dalam pelaksanaan dasar dan rangka kerja Pematuhan dan Integriti termasuk tetapi tidak terhad kepada Piagam dan Rangka Kerja Pematuhan, Piagam dan Rangka Kerja Integriti, semua inisiatif dan pelan kerja lain;
- Untuk memastikan pelaksanaan perkara di atas, Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah diberi mandat antaranya untuk merumus, menyemak dan meluluskan semua perkara yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti;
- Menilai dan menyemak penemuan laporan pematuhan dan integriti yang dibentangkan oleh Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti;
- Menilai pelanggaran pematuhan dan integriti, mengesyorkan tindakan yang diambil untuk menangani pelanggaran tersebut, dan mewujudkan tindakan tatatertib yang perlu, jika ada;
- Menyemak dan meluluskan struktur keseluruhan fungsi pematuhan dan integriti Kumpulan PNB, dan untuk mewakilkan tanggungjawab dan kuasa pematuhan atau integriti kepada pihak yang berkaitan, sekiranya difikirkan perlu atau sesuai dan membantu Lembaga Pengarah dalam memastikan bahawa Ketua Pematuhan dan/atau Ketua Pematuhan & Integriti Kumpulan yang berkebolehan dilantik dan diberikan kedudukan, kuasa dan kebebasan yang sesuai;
- Menangani dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara, saranan dan kebimbangan yang dizahirkan oleh Ketua Pematuhan dan Ketua Pematuhan & Integriti Kumpulan, pengawal selia dan juruaudit berkaitan kelemahan kawalan dalaman, aduan pelanggan dan isu ketidakpatuhan atau tadbir urus isu-isu integriti;

- Menyarankan dasar pematuhan dan integriti yang sesuai untuk memastikan pematuhan berterusan Kumpulan PNB terhadap keperluan undang-undang dan peraturan yang relevan untuk kelulusan Lembaga Pengarah;
- Mengkaji semula terma rujukannya sendiri dan menyarankan sebarang perubahan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan;
- Melaksanakan aktiviti-aktiviti lain yang konsisten dengan terma rujukan, undang-undang berkaitan, peraturan, garis panduan, syarat dan peraturan pelesenan, yang dianggap perlu atau sesuai oleh Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah atau Lembaga Pengarah ; dan
- Bersama dengan Pengurusan Kanan Kumpulan PNB, menggalakkan budaya pematuhan dan integriti kukuh dalam Kumpulan PNB dengan menekankan piawaian tingkah laku etika tinggi yang mewujudkan dan menyokong pematuhan dan integriti.

Komposisi dan Kehadiran Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) ahli, dan sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada jumlah ahlinya ialah anggota Bebas dan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun. Mesyuarat tambahan boleh dipanggil pada bila-bila masa mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah. Bagi tahun 2022, Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah ini terdiri daripada empat (4) ahli, tiga (3) daripadanya ialah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Sehingga 31 Disember 2022, lima (5) mesyuarat telah diadakan dalam tempoh tahun semakan. Semua mesyuarat diadakan secara maya disebabkan situasi pandemik.

Komposisi Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah dan rekod kehadiran mereka adalah seperti berikut:

Pengerusi	
5/5	Tan Sri Datuk Zainun Ali <i>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</i>
Ahli	
5/5	Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood <i>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</i>
5/5	Ahmad Zulqarnain Onn <i>Pengarah Eksekutif Bukan Bebas</i>
5/5	Datuk Dr. Mohd. Yaakub Haji Johari <i>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</i>

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

Aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah tahun 2022

Selaras dengan terma rujukan Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah, sepanjang tahun dalam tinjauan, Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah telah meluluskan, menyemak dan memantau:

- Struktur keseluruhan fungsi pematuhan dan integriti Kumpulan PNB;
- Kecukupan sumber dan kecekapan kakitangan Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti untuk melaksanakan Rancangan Kerja mereka, dan hasil kerja mereka;
- Pelan Kerja dan Petunjuk Prestasi Utama Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti;
- Penemuan laporan pematuhan dan integriti yang dibentangkan oleh Pegawai Pematuhan dan CIGO dan membuat cadangan yang perlu apabila dikehendaki;
- Pelanggaran pematuhan, tindakan yang disyorkan untuk diambil untuk menangani pelanggaran dan menetapkan tindakan yang perlu;
- Perkara berkaitan aduan pelanggan;
- Perkara berbangkit daripada aduan Pemberi Maklumat;
- Syor untuk kelulusan Lembaga Pengarah mengenai semakan dasar serta proses Pematuhan dan Integriti iaitu:
 - Dasar Dagangan Peribadi Kumpulan PNB
 - Rangka Kerja Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Wang Bersasar Kumpulan PNB
 - Dasar Halangan Maklumat Kumpulan PNB
 - Dasar Konflik Kepentingan Kumpulan PNB
 - Kod Etika Perniagaan Kumpulan PNB ("CoBE")
 - Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan PNB ("Dasar Whistleblowing")
 - Penyata Dasar Antisogokan dan Antirasuah Kumpulan PNB ("Kenyataan ABC")
 - Pakatan Integriti Perolehan Kumpulan PNB ("PIP")
 - Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi Kumpulan PNB 2022 - 2024 ("OACP")

GAMBARAN KESELURUHAN PROGRAM PEMATUHAN DAN INTEGRITI

Program Pematuhan dan Integriti telah diwujudkan dan dilaksanakan berdasarkan elemen asas yang diterangkan dalam "Garis Panduan Fungsi Pematuhan untuk Syarikat Pengurusan Dana" dan "Garis Panduan Dana Unit Amanah" yang dikeluarkan oleh SC serta "Garis Panduan untuk Pengurusan IGU" yang dikeluarkan oleh SPRM dan "Garis Panduan Prosedur Mencukupi" yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri. Ia direka bentuk untuk memupuk pematuhan yang berkesan dan pengurusan risiko rasuah ke arah pematuhan undang-undang dan peraturan yang terpakai, dan keperluan kawal selia lain yang berkaitan dengan perniagaan Kumpulan PNB, sambil memacu kecekapan dan sinergi melalui pengharmonian proses dan pendekatan sepanjang program. Memandangkan Program Pematuhan dan Integriti adalah dinamik, ia sentiasa disemak dan dipertingkatkan untuk menangani risiko pematuhan, integriti dan rasuah yang muncul. Pada asasnya, Program Pematuhan dan Integriti merangkumi dasar, prosedur dan piawaian kelakuan untuk mencegah dan mengesan pelanggaran peraturan, keperluan kawal selia, undang-undang yang terpakai dan piawaian etika.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Bahagian Pematuhan dan Integriti dalam memastikan pematuhan kawal selia dan risiko rasuah diurus dengan berkesan untuk menyokong pertumbuhan perniagaan, selaras dengan aspirasi dan kesanggupan mengambil risiko Kumpulan PNB, kami komited untuk mewujudkan dan melaksanakan program-program Pematuhan dan Integriti komprehensif yang sejajar dengan amalan terbaik industri dan piawaian antarabangsa. Dengan penyeliaan dan bimbingan Lembaga Pengarah, Bahagian Pematuhan dan Integriti berhasrat untuk berada di barisan hadapan dalam bidang pematuhan dan integriti utama ke arah memenuhi aspirasi berikut:

- Bagi memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap semua undang-undang yang berkaitan dan keperluan kawal selia SC, SPRM dan badan kawal selia lain yang berkaitan;
- Bagi memastikan persekitaran perniagaan bebas daripada sebarang bentuk jenayah kewangan, sogokan dan rasuah, dan komitmen untuk mengambil sikap tegas terhadap sebarang tindakan sedemikian;
- Bagi meningkatkan keupayaan dan keterlihatan Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti dalam memberikan nasihat berhubung aktiviti operasi untuk berfungsi secara berkesan sebagai barisan pertahanan kedua; dan
- Bagi menyemai budaya pematuhan dan integriti yang kukuh dengan menggalakkan pematuhan dan integriti dalam budaya kerja PNB.

PROGRAM PEMATUHAN DAN INTEGRITI YANG SEDANG BERJALAN

Dalam tempoh kajian, Bahagian Pematuhan dan Integriti telah menyelesaikan semua aktiviti mengikut pelan kerja yang diluluskan. Dalam mencapai aspirasi di atas, Program Pematuhan dan Integriti pada tahun 2022 memberi tumpuan kepada aktiviti berikut:

- **Memperkuhkan Peranan dan Tanggungjawab Bahagian Pematuhan dan Integriti melalui Piagam dan Rangka Kerja Masing-masing**

Dalam menerima pakai piawaian dan amalan terbaik tempatan dan antarabangsa untuk mengukuhkan keberkesanan Bahagian Pematuhan dan Integriti dalam melaksanakan fungsi, peranan dan tanggungjawabnya, Bahagian Pematuhan dan Integriti terus memastikan, bahawa ia mempunyai perkara berikut, seperti yang dikehendaki di bawah Piagam dan Rangka Kerja Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti masing-masing:

- Visi dan mandat untuk Bahagian Pematuhan dan Integriti yang sejajar dengan keseluruhan strategi perniagaan Kumpulan PNB dan yang menggariskan dengan jelas skop peranan dan tanggungjawabnya;
- Rangka kerja tadbir urus dan pelaporan yang kukuh dan teguh untuk membolehkan pematuhan dan pengawasan integriti dan pemantauan yang berkesan melalui proses yang wajar, termasuk proses pengemukaan dan infrastruktur sokongan bagi mengurus risiko pematuhan dan rasuah dengan berkesan;

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

- Reka bentuk dan struktur organisasi yang sesuai untuk tujuan dengan peranan dan tanggungjawab yang jelas, kapasiti dan keupayaan untuk menyampaikan mandat pematuhan dan integriti;
- Petunjuk Prestasi Utama yang jelas dan rangka kerja pengurusan akibat; dan
- Komitmen dan penglibatan daripada pihak berkepentingan utama untuk menyokong, memperjuangkan dan mengukuhkan objektif pematuhan.

• Menguruskan Risiko Pematuhan

• Penggunaan Teknologi Kawal Selia

Kumpulan PNB berusaha untuk terus menambah baik program pengurusan risiko pematuhannya dalam semua bidang. Dalam hal ini, Bahagian Pematuhan dan Integriti telah menerima pakai Teknologi Kawal Selia untuk memastikan pengenalanpastian, keutamaan dan pengurangan risiko pematuhan dan rasuah yang sistematik bagi Kumpulan PNB.

Sistem Penilaian Risiko Pematuhan telah dibangunkan dan dilancarkan pada Disember 2022 dan terus diperhalusi dengan objektif untuk merekod dan memberikan pandangan strategik berkaitan risiko pematuhan utama Kumpulan PNB. Sistem ini akan membenarkan semua risiko pematuhan dinilai, diberi taraf dan diutamakan serta membolehkan pengawasan yang lebih baik terhadap langkah-langkah pengurangan risiko pematuhan.

Selanjutnya, dalam memperkukuh pengurusan risiko pematuhan AML, Jabatan Pematuhan telah mengguna pakai sistem Pemangkin Pematuhan ("COMCAT") untuk mengukuhkan piawaian proses dan kawalan Kenali Pelanggan Anda (KYC) dan Ketekunan Wajar Pelanggan (CDD) semasa suai tugas dan berurusan dengan korporat dan entiti undang-undang lain. Sistem ini membolehkan unit perniagaan mendapatkan maklumat perniagaan mengenai pelanggan korporat dan rakan-rakan mereka termasuk membolehkan pengenalanpastian sistematik Pemilik Manfaat Unggul ("UBO") dan Pengawal Unggul ("UC") entiti yang PNB berurusan dengannya. Ini membolehkan Kumpulan PNB menilai risikonya dengan berkesan dan menguruskan sebarang isu yang dikenal pasti dengan risiko tersebut.

Dalam menjajarkan strategi untuk mengguna pakai Teknologi Kawal Selia, sistem lain turut dipertingkatkan untuk memudahkan Kumpulan PNB berhubung dengan pemantauan AML dan sekatan seperti berikut:

- Meningkatkan algoritma dalam enjin saringan AML untuk membolehkan hasil yang lebih tepat dan teliti dalam proses KYC
- Mewujudkan modul khusus dalam Sistem AML untuk memproses dan memantau sistem equest dan arahan Agensi Penguatkuasa Undang-undang dengan cara yang cekap dan tepat pada masanya, juga memudahkan penilaian

risiko yang lebih baik bagi pemegang unit yang terjejas oleh arahan tersebut

- Memasukkan ciri dan kawalan eKYC dalam saluran dalam talian
- Memasukkan kawalan mandatori berhubung dengan proses KYC dan CDD merentas saluran dan sistem yang berbeza

• Unit Kajian Teknologi

Pada tahun 2022, Jabatan Pematuhan telah menubuhkan Unit Penilaian Teknologi untuk melengkapkan pengawasan Jabatan Risiko, Audit dan Pematuhan (RAC) terhadap risiko Teknologi. Program Penilaian Teknologi menggabungkan semua keperluan kawal selia yang berkaitan serta penerimaan (jika bersesuaian) piawaian antarabangsa. Dalam memastikan semua risiko teknologi utama dikenal pasti dan dikurangkan, RAC bertindak sebagai fungsi semak dan imbang untuk menyemak cadangan berkaitan teknologi sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Lembaga Pengarah serta menjalankan peranan penasihat tentang keberkesanan langkah kawalan. Aktiviti utama untuk Unit Penilaian Teknologi pada 2022 termasuk kajian semula semua dasar teknologi, penyertaan dalam ujian simulasi pemulihan bencana IT yang dijalankan oleh Bahagian Teknologi dan penyertaan dalam Latihan Meja Insiden Siber Pasaran Modal SC dan Simulasi Siber Pasaran Modal.

• Pematuhan Cukai

Dalam mengiktiraf kepentingan kritikalnya pematuhan cukai, dan mengiktiraf kodifikasi perjanjian kerajaan antara Kerajaan Malaysia dengan Amerika Syarikat untuk pematuhan kepada Akta Pematuhan Cukai Aset Asing ("FATCA"), Kumpulan PNB telah memulakan semakan komprehensif kedua-duanya. Pematuhan FATCA dan Piawaian Pelaporan Umum ("CRS") dalam Kumpulan PNB. Inisiatif ini merupakan langkah pencegahan untuk mengelakkan isu dalam pematuhan cukai. Semakan tersebut disasarkan selesai menjelang Jun 2023.

• Memperkukuh Tadbir Urus dan Keupayaan Pematuhan

a. Pemantauan Pematuhan yang Dipertingkatkan

Pada tahun 2022, dalam usaha memantau kecukupan dan keberkesanan prosedur dan proses dalaman, Jabatan Pematuhan telah meningkatkan semakan dan ujian kawalan pematuhan di seluruh PNB melalui:

- Kajian semula tematik pematuhan kepada garis panduan dan keperluan kawal selia utama.
- Semakan fungsi cawangan ASNB.
- Kajian kawalan kualiti terhadap proses ketekunan wajar pelanggan dalam unit perniagaan.
- Kajian susulan terhadap risiko dan langkah-langkah pemulihan isu yang dikenal pasti dalam laporan kawal selia dan pematuhan.
- Laporan analisis data tentang isu-isu utama.
- Semakan laporan yang dikemukakan oleh wakil-wakil pematuhan.

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

b. Membina Komuniti Perwakilan Pematuhan Teguh

Dalam memastikan budaya pematuhan yang teguh dalam barisan pertahanan pertama, peranan dan tanggungjawab wakil pematuhan yang dilantik bagi unit perniagaan telah diperkukuh untuk menyokong dan meningkatkan penyelarasan antara Jabatan Pematuhan dan unit perniagaan bagi tujuan pemantauan pematuhan. Pada tahun 2022, wakil pematuhan telah memulakan semakan berkala dan melaporkan kawalan operasi AML di unit perniagaan masing-masing kepada Jabatan Pematuhan.

Sesi keterlibatan dengan wakil pematuhan juga dijalankan dari semasa ke semasa bukan sahaja untuk memberi kesedaran tentang dasar dan kemas kini kawal selia, tetapi juga untuk mendidik dan menyemai kepentingan budaya pematuhan yang baik. Usaha yang lebih besar telah dibuat pada tahun 2022 untuk menganjurkan taklimat khusus dan tersuai, serta sesi keterlibatan satu dengan satu dengan wakil pematuhan unit perniagaan untuk berkongsi dan melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan bagi melaksanakan fungsi mereka dengan berkesan dan memenuhi jangkaan kawal selia. Pada tahun 2022, 15 sesi keterlibatan telah dijalankan termasuk bengkel pengoperasian mengenai Rangka Kerja AML Kumpulan PNB yang disemak dan proses ketekunan wajar.

c. Latihan dan Kesedaran Pematuhan

Pada tahun 2022, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan di bawah program komunikasi dan kesedaran pematuhan yang berstruktur dan mantap dengan peningkatan tumpuan kepada pendidikan mengenai risiko pematuhan dan pengurusannya melalui alat dan platform komunikasi digital dan dalam talian yang boleh diakses oleh semua pekerja.

Repositori dalam talian sedia ada mengenai undang-undang, peraturan, garis panduan dan dasar dalam talian sedia ada telah dipertingkatkan dan boleh diakses oleh semua kakitangan. Repositori ini terus memberikan rujukan maklumat dan pengetahuan kawal selia dan pematuhan yang mudah dan cepat untuk digunakan oleh pekerja dalam melaksanakan operasi harian mereka dan yang membolehkan mereka mengikuti perkembangan terkini perkara-perkara yang berkenaan.

Ringkasan kemas kini kawal selia terus diketengahkan menerusi edaran e-mel kepada semua kakitangan. Pada tahun 2022, sejumlah 32 kemas kini kawal selia, termasuk emel kesedaran tentang pelbagai topik kawal selia dan kesannya kepada unit perniagaan yang berkaitan telah disebarkan untuk memastikan pekerja dan unit perniagaan kami mengetahui dan mematuhi keperluan kawal selia terkini. Selain daripada pengeluaran dan penyebaran kemas kini kawal selia, untuk memastikan kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan perubahan yang timbul daripada semakan terkini kepada keperluan kawal selia, Jabatan Pematuhan

juga telah mengambil inisiatif untuk menjejaki tindakan dan langkah yang diambil oleh unit perniagaan melalui pelan komunikasi dan keterlibatan berstruktur dengan kakitangan, wakil pematuhan dan kakitangan utama unit perniagaan sebagai sebahagian daripada strategi pelaksanaan.

Jabatan Pematuhan juga melancarkan modul e-pembelajaran dan penilaian AML dalam sistem pengurusan pembelajaran sedia ada PNB susulan semakan kepada Rangka Kerja Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan Kumpulan PNB. Ini adalah sebahagian daripada inisiatif di bawah program pembelajaran pematuhan yang disemak semula dan dibangunkan untuk terus menyediakan pembelajaran berkaitan pematuhan umum dan berdasarkan fungsi kepada semua kakitangan secara berterusan.

Dalam tempoh kajian, empat (4) sesi kesedaran pematuhan telah dijalankan sebagai sebahagian daripada program latihan induksi untuk mendidik pekerja baharu tentang undang-undang, peraturan dan garis panduan berkaitan yang terpakai kepada Kumpulan PNB dan entiti berlesennya. Selain itu, pekerja baharu juga diberikan taklimat mengenai dasar dan prosedur pematuhan serta kelakuan dan tingkah laku yang diharapkan oleh kakitangan bukan sahaja untuk memastikan pematuhan kepada dasar dan prosedur, tetapi juga untuk memupuk budaya dan nilai pematuhan dalam kalangan kakitangan. Beberapa topik yang diberi taklimat ialah Piagam dan Program Pematuhan, undang-undang, peraturan dan garis panduan yang terpakai, struktur pelaporan pematuhan, peranan dan fungsi jawatankuasa pematuhan, dan dasar Kumpulan PNB seperti Dasar Tidak Menerima Hadiah, Dasar Halangan Maklumat dan Dasar Konflik Kepentingan.

d. Kecekapan dan Keupayaan Jabatan Pematuhan

Jabatan Pematuhan melantik pekerja dengan pelbagai latar belakang, termasuk dalam perakaunan dan kewangan, perundangan, industri kewangan, maklumat dan teknologi, pengurusan risiko dan audit. Kakitangan mempunyai kualiti, kemahiran, kecekapan dan pengalaman yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi yang diperlukan di Jabatan Pematuhan. Walaupun begitu, Jabatan Pematuhan sentiasa melaksanakan inisiatif pembangunan pekerja bertujuan untuk meningkatkan tahap dan kepelbagaian kemahiran dan kecekapan kakitangan melalui program latihan, secara dalaman atau luaran. Ini termasuk pensijilan profesional dan kursus dalam pelbagai bidang pematuhan dan integriti seperti Sijil Profesional dalam Kewangan Islam (Audit dan Pematuhan) oleh INCEIF, Certified Capital Market Professional oleh SC, pengurusan dan analitik data serta sistem maklumat.

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

e. Keterlibatan Pihak Berkepentingan

Penglibatan Pihak Berkepentingan memainkan peranan penting kepada Jabatan Pematuhan dalam memastikan antara lain bahawa strategi perniagaan adalah sejajar dengan keperluan kawal selia. Keterlibatan berterusan dengan pihak berkepentingan dalaman dan luaran Jabatan Pematuhan dijalankan dari semasa ke semasa bukan sahaja untuk membina hubungan untuk faedah dan sokongan bersama, tetapi juga untuk melibatkan pihak berkepentingan dalam proses pembentukan dan pelaksanaan dasar baharu yang mempunyai kesan ke atas strategi perniagaan PNB dan unit perniagaannya. Penglibatan aktif dan perundingan dengan pengawal badan kawal selia dan agensi penguatkuasaan seperti SC, PDRM dan SPRM, telah memudahkan proses pematuhan kami dan membantu PNB mengutamakan inisiatifnya selaras dengan keperluan kawal selia. Pada tahun 2022, Jabatan Pematuhan telah mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti dan program yang dianjurkan oleh SC, PDRM, SPRM dan badan pihak berkuasa dan agensi penguatkuasaan lain yang berkaitan yang berkaitan dengan rangka kerja kawal selia baharu menurut AML, pematuhan dan tadbir urus.

• Kenyataan Antisogokan dan Antirasuah

Penyata Dasar Antisogokan dan Antirasuah Kumpulan PNB ("Penyata Dasar ABC") yang diterbitkan pada Ogos 2020, mengesah dan mengukuhkan komitmen Kumpulan PNB dalam menegakkan undang-undang antirasuah dan sekuriti yang terpakai kepada Kumpulan PNB.

Kumpulan PNB komited untuk menjalankan semua urusan perniagaannya dengan cara yang jujur dan beretika sambil mengekalkan piawaian integriti dan tadbir urus korporat yang tertinggi. Semua dasar dan prosedur PNB diwujudkan, dilaksanakan dan dikuatkuasakan dengan objektif tertumpu untuk melindungi PNB daripada sebarang amalan rasuah dan tingkah laku tidak beretika.

Kumpulan PNB bertindak secara terbuka dan telus dalam semua urusannya dengan pemegang unit, pekerja, pembekal dan semua hubungan pihak ketiga. Selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP), Kumpulan PNB mempunyai pendekatan toleransi sifar terhadap amalan rasuah dan tingkah laku tidak beretika dan akan mengambil tindakan tegas untuk membanteras sebarang aktiviti yang membawa kepada sogokan, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

Ia komited untuk mewujudkan persekitaran yang membolehkan dan menggalakkan pekerjaannya dan orang ramai untuk membangkitkan sebarang kebimbangan mengenai tingkah lakunya. Sehubungan itu, Kumpulan PNB telah mewujudkan pelbagai saluran aduan yang tersedia untuk mana-mana pihak untuk mengetengahkan kebimbangan tersebut terus kepada PNB, sama ada melalui e-mel, serahan dalam talian, serahan peribadi, telefon atau pun melalui pos, terutamanya mengenai perkara yang berkaitan dengan sogokan, rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Aduan yang tulen akan dilayan secara sulit dan disiasat dengan telus dan adil.

Sebagai sebahagian daripada komitmennya dalam memastikan semua urusan perniagaannya dikendalikan secara jujur dan beretika di samping mengekalkan piawaian integriti dan tadbir urus korporat tertinggi, pelbagai usaha telah diambil oleh Kumpulan PNB berhubung dengan perkara-perkara anti rasuah. Untuk memperkukuhkan lagi tingkah laku perniagaannya serta merealisasikan komitmen sepenuhnya terhadap ikrar Persekitaran Perniagaan Bebas Rasuah, inisiatif berikut telah dilaksanakan oleh PNB di sepanjang tempoh tinjauan:

• Semakan kepada Dasar Antisogokan dan Antirasuah Kumpulan PNB dan Pelaksanaannya

Dalam usaha untuk mengukuhkan lagi tingkah laku perniagaan Lembaga Pengarahnya, kakitangan, pihak berkepentingan termasuk rakan perniagaannya, semakan yang diperlukan telah dibuat kepada CoBE, Penyata Dasar ABC, Dasar Pendedahan Maklumat Kumpulan PNB ("Dasar Pendedahan Maklumat") dan Pakatan Integriti Perolehan Kumpulan PNB ("PIP"). Semakan ini dibuat untuk menjajarkan dasar tersebut dengan amalan terbaik industri.

• Pengesanan dan Pengesahan Risiko Rasuah

Dalam usaha seterusnya untuk mematuhi keperluan "Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti dan Tadbir Urus Syarikat Berkaitan Kerajaan" menurut Seksyen 17A Akta SPRM 2009, Kumpulan PNB meneruskan usahanya untuk melaksanakan penilaian risiko rasuah selaras dengan Piagam Integriti dan Rangka Kerja Kumpulan PNB. Selain itu, sebagai sebahagian daripada keperluan pensijilan Sistem Pengurusan Antisogokan ISO 37001:2016, Jabatan Integriti dengan kerjasama pelbagai unit perniagaan lain dalam Kumpulan PNB telah menjalankan pengesanan dan pengesahan risiko rasuah yang melibatkan bahagian lain dalam fungsi sokongan yang terdiri daripada 29 unit perniagaan dalam PNB.

• Penubuhan OACP Kumpulan PNB 2022-2024

OACP Kumpulan PNB telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 3 Mac 2022. Ia dibangunkan sebagai sebahagian daripada usaha PNB untuk memperkukuh dan mengekalkan kepercayaan rakyat Malaysia dan pemegang akaun ASNB, dan juga untuk mengukuhkan komitmen PNB dalam menyokong seruan Kerajaan agar integriti menjadi komponen utama untuk memacu Rancangan Malaysia Ke-12 2021-2025.

Ia diperolehi dan digubal dengan merujuk kepada Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 yang mematuhi Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti dan Tadbir Urus Syarikat Berkaitan Kerajaan menurut Seksyen 17A Akta SPRM 2009. Ia merupakan pelan pencegahan rasuah bersepadu yang akan diterima pakai dan dilaksanakan oleh semua pihak berkepentingan dalaman Kumpulan PNB. OACP ini menggariskan potensi risiko yang berkaitan dengan tadbir urus, integriti dan rasuah dan hendaklah menjadi rujukan dan panduan utama mengenai isu berkaitan pencegahan rasuah dan sogokan dalam Kumpulan PNB. Sebanyak 32 objektif strategik dan 46 inisiatif telah dikenal pasti untuk dilaksanakan dari 2022 hingga 2024.

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

Penubuhan OACP Kumpulan PNB mengukuhkan lagi dan menunjukkan komitmen berterusan PNB dalam mendukung kepercayaan yang diamanahkan kepadanya dan dedikasi untuk menerima dan melaksanakan legasi yang telah ditetapkan oleh pemimpin pengasasnya yang diiktiraf secara meluas kerana tahap integriti mereka yang tinggi, nilai dan tingkah laku beretika.

- **Audit Pengawasan untuk Pensijilan Di Bawah Sistem Pengurusan Antisogokan ISO 37001:2016 ("ABMS")**

PNB telah berjaya mencapai laporan audit bersih tanpa Laporan Ketidakpatuhan ("NCR") daripada pelaksanaan audit pengawasan untuk pensijilan di bawah ISO 37001:2016 ABMS yang dijalankan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd ("SIRIM QAS") pada Mac 2022. Pensijilan ini adalah untuk penyediaan operasi atau aktiviti pengurusan dana, mengukuhkan komitmen Kumpulan PNB dalam membasmi potensi aktiviti rasuah dan usaha gigihnya untuk memupuk nilai integriti dan tingkah laku beretika di semua peringkat dalam organisasi.

Begitu juga, dan dalam meneruskan momentum kejayaan PNB yang berjaya dalam audit pengawasan ABMS ISO37001:2016, ASNB, sebuah syarikat subsidiari milik penuh PNB juga berjaya dalam audit pengawasan pertamanya oleh SIRIM QAS. Audit pengawasan untuk ASNB bagi ISO37001:2016 ABMS telah dijalankan pada Oktober 2022 dan meliputi tujuh (7) cawangannya iaitu Kuala Terengganu, Melaka, Sungai Petani, Kuantan, Seremban, Temerloh dan Sandakan.

ASNB juga mencapai kejayaan yang ketara apabila berjaya menerima laporan audit bersih daripada SIRIM QAS tanpa NCR. Pencapaian penting PNB dan ASNB ini untuk mendukung dan mengukuhkan komitmen Kumpulan PNB dalam menegakkan undang-undang anti rasuah dan undang-undang sekuriti yang terpakai kepada Kumpulan PNB, termasuk tanpa had, Akta SPRM serta CMSA, dan dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan dasar dan prosedurnya yang berkaitan dengan sogokan dan rasuah.

- **Acara Integriti Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan 2022 ("GIE")**

Bersempena dengan Hari Integriti Kebangsaan pada 5 November 2022, PNB dengan kerjasama Khazanah Nasional Berhad, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (secara kolektif, "GLIC"), menganjurkan GIE yang julung kali diadakan pada 9 November 2022 bertempat di Mercu UEM Kuala Lumpur.

Acara tertutup itu telah dibentuk untuk pegawai integriti GLIC dan syarikat pelaburannya dan bertujuan bukan sahaja untuk menangani isu operasi yang dihadapi oleh pengamal, tetapi juga untuk memudahkan jaringan kerja sesama pegawai integriti. Acara itu menampilkan tiga (3) penceramah utama dan menyaksikan penyertaan kira-kira 200 hadirin daripada lebih 50 GLIC dan syarikat pelaburan masing-masing.

- **Program Pegawai Integriti Bertauliah Dalam ("CeIO") PNB**

Dalam usaha menggalakkan dan memupuk budaya integriti berterusan, PNB dengan kerjasama Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia ("MACA") telah menganjurkan Program CeIO dalam untuk 43 kakitangan Kumpulan PNB termasuk kakitangan PNB, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), PNB Commercial Sdn Berhad (PNBC), PNB Development Sdn Bhd (PNBD), Jewel Digital Ventures Sdn Bhd (JDV) dan Attana Hotels & Resorts Sdn Bhd (Attana).

Program tersebut telah diadakan di Hotel Espira Kinrara, Puchong bermula dari 2 Ogos 2022 hingga 18 Ogos 2022 dan disampaikan oleh pegawai dan jurulatih dari SPRM dan MACA.

Program CeIO bertujuan untuk menyimpulkan amalan terbaik dalam pendekatan strategik dan taktikal dalam menyokong pelaksanaan pengurusan integriti dan untuk mengaitkan antara rangka kerja konvensyen anti rasuah, protokol dan amalan terbaik untuk menanam kesedaran tentang kepentingan pengurusan integriti. Program ini juga berfungsi sebagai satu cara untuk membantu peserta program tentang cara menggunakan sistem pematuhan dan pemantauan dalam sesebuah organisasi dan membantu membangunkan pelan integriti organisasi sebagai alat untuk mengasimilasikan budaya integriti dalam Kumpulan PNB.

- **Program Mempregiat Kesedaran Literasi dan Integriti**

Latihan dan kesedaran adalah komponen utama dalam memupuk budaya integriti dalam kalangan kakitangan. Kami sentiasa mengkaji semula inisiatif kami untuk menggalakkan budaya dan tingkah laku integriti melalui latihan berterusan dan program kesedaran yang diwujudkan menurut Piagam dan Rangka Kerja Integriti.

Ini adalah aspek kritikal untuk memastikan semua kakitangan baharu dan sedia ada Kumpulan PNB diingatkan tentang tingkah laku, peranan dan tanggungjawab mereka dalam menegakkan pematuhan, integriti dan kod etika perlakuan yang terpakai kepada pekerja.

- **Program Pemantapan Integriti**

- **Majlis Anugerah ISO 37001 ABMS 2016**

PNB dan ASNB, yang telah memperoleh pensijilan ISO 37001:2016 ABMS daripada SIRIM QAS masing-masing pada 5 April 2021 dan 30 Disember 2021, telah mengadakan majlis tertutup untuk penyampaian anugerah ISO 37001:2016 ABMS pada 8 Februari 2022. Anugerah telah disampaikan oleh Pengurus Besar Kanan QAS SIRIM, Tuan Haji Mohd Hamim Imam Mustain dan disaksikan oleh Pengerusi Kumpulan PNB, YABhg. Tun Arifin Zakaria.

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

Penerimaan ISO 37001 ABMS mengukuhkan inisiatif Kumpulan PNB untuk mewujudkan persekitaran perniagaan bebas rasuah yang bertujuan untuk meyakinkan pemegang unit dan pihak berkepentingan tentang komitmennya untuk menjalankan perniagaan mengikut tahap tertinggi integriti, piawaian etika dan akauntabiliti.

Pengumuman majlis penyampaian pensijilan ISO 37001:2016 ABMS telah dihebahkan melalui Media Sosial PNB (Instagram, Facebook dan LinkedIn), laman sesawang rasmi dan media sosial SIRIM bersama-sama saluran berita utama lain iaitu Berita Harian, New Straits Times, DagangNews.com, KL Screener dan Ringgit.

- **Sesi Penyertaan dengan Kakitangan Baharu**

Empat (4) sesi kesedaran integriti telah dijalankan dalam tempoh tinjauan, untuk semua kakitangan baharu Kumpulan PNB sebagai sebahagian daripada program latihan induksi untuk memupuk nilai integriti dan tingkah laku beretika serta memperkenalkan dasar anti- rasuah Kumpulan PNB yang berkaitan kepada pekerja baharu. Antara topik yang diberi taklimat ialah Akta SPRM 2009 dan Dasar Antirasuah Nasional dan Dasar Antisogokan dan Antirasuah Kumpulan PNB susulan Seksyen 17A Akta SPRM serta inisiatif PNB seperti yang termaktub di bawah ISO 37001:2016 ABMS.

- **Keterlibatan melalui Ceramah Integriti PNB**

Ceramah Integriti PNB ialah satu siri keterlibatan dengan perunding luar berkaitan topik yang di anggap perlu di dalam bidang Liabiliti Korporat, yang memerlukan kakitangan memahami intipati liabiliti korporat, implikasinya dan aplikasi praktikal untuk memastikan organisasi perniagaan terus beroperasi dengan bersih dan amalan beretika. Bidang keprihatinan lain termasuklah memahami isu semasa yang berkaitan dengan tajaan dan permintaan derma yang mungkin mendedahkan organisasi kepada tuduhan pilih kasih, ketidakadilan, penyalahgunaan kuasa atau autoriti dan rasuah. Selain itu, ceramah tersebut juga bertujuan untuk menambah baik cara organisasi melindungi kakitangannya daripada rasuah, penipuan dan memastikan terdapat persekitaran kerja yang menggalakkan, di mana kakitangan memahami garis panduan, peraturan dalaman dan kod etika yang perlu dipatuhi. Ini mengurangkan risiko terlibat dalam tuduhan rasuah.

Tema lain yang disertakan dalam Ceramah Integriti PNB adalah mengenai PIP, yang merangkumi gambaran keseluruhan risiko rasuah dan penipuan utama yang berpotensi timbul daripada hubungan pihak ketiga dan rakan sejawat, dan membenarkan organisasi untuk menggabungkan piawaian tempatan dan antarabangsa untuk mencegah rasuah dalam operasi rutin harian mereka.

- **Perbincangan Meja Bulat PenMas bersama Pengurusan Kanan**

Perbincangan meja bulat Kumpulan PNB juga telah diadakan pada 13 Oktober 2022 antara Pengurusan PNB dan penceramah dari Bahagian Pendidikan Awam SPRM (PenMas). Acara itu diadakan di Menara PNB dan melibatkan perbincangan yang menarik dan membuahkan hasil antara pegawai PenMAS SPRM dan PNB berhubung peristiwa dan senario semasa yang dihadapi oleh GLC dalam mengekalkan integriti dan cabaran menggalakkan budaya integriti dalam sesebuah organisasi.

- **Keterlibatan Luar dengan Vendor Kumpulan PNB**

Usaha berterusan untuk memupuk nilai etika dan integriti melalui pendidikan, latihan dan kesedaran bukan sahaja dalam kalangan kakitangan Kumpulan PNB tetapi ia juga merangkumi pihak luar lain yang mengekalkan urusan perniagaan dengan Kumpulan PNB. Dalam hal ini, Jabatan Integriti telah menjalin kerjasama erat dengan rakan niaga dan sekutu berkaitan Kumpulan PNB melalui program kesedaran yang lebih sistematik yang direka untuk memenuhi keperluan industri dan pada masa yang sama menyokong usaha Kerajaan untuk membasmi sogokan dan rasuah di Malaysia.

- **Jelajah Maya Integriti**

Inisiatif kesedaran integriti lain yang dijalankan sepanjang tahun dalam kajian termasuk 16 sesi Jelajah Maya Integriti yang melibatkan lebih 1,800 kakitangan Kumpulan PNB. Jelajah itu dijalankan dari Julai hingga Ogos 2022 dalam usaha mewujudkan pendedahan dan kesedaran kepada khalayak sasaran mengenai penubuhan OACP Kumpulan PNB, yang telah diluluskan pada 3 Mac 2022.

- **Komunikasi Jabatan Integriti Menerusi Hantaran E-Mel dan Vlog**

Sebanyak 14 hantaran e-mel yang merangkumi satu mesej blog video daripada PNB kepada semua kakitangan Kumpulan PNB dalam usaha menyemai dan menggalakkan budaya integriti di kalangan kakitangan. Isu yang ditangani dalam hantaran e-mel termasuk kesedaran berkaitan semua Dasar -dasar ABC Dalaman PNB (termasuk Dasar Pemberi Maklumat), kemas kini mengenai seksyen berkaitan Akta SPRM yang terpakai kepada Kumpulan PNB dan pengoperasian Kod Etika Perniagaan, Penyata Dasar ABC dan Pakatan Integriti Perolehan dan Ketekunan Wajar.

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

KOMPOSISI

Jawatankuasa Audit (AC) hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang (3) dan bilangan maksimum enam (6) ahli Lembaga Pengarah yang bukan Eksekutif, majoriti daripadanya adalah Pengarah Bebas Lembaga Pengarah dan/atau syarikat subsidiari milik penuh Kumpulan PNB ("Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan PNB").

Selain itu, bekas rakan kongsi firma audit luar Kumpulan PNB hendaklah mematuhi tempoh bertenang sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebelum dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

AC hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun. Mesyuarat tambahan boleh dipanggil pada bila-bila masa mengikut budi bicara Pengerusi AC.

Pada masa ini, AC terdiri daripada empat (4) ahli, yang kesemuanya merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Pengerusinya bukan Pengerusi Lembaga Pengarah PNB. Komposisi AC adalah seperti berikut:

Pengerusi:

Datuk Mohd. Anwar Yahya
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Ahli:

Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

**Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani
N. Hassan Thani**
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datu Haji Soedirman Haji Aini
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Ini adalah selaras dengan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia) dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, yang menetapkan bahawa AC mesti terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) ahli, dengan Pengerusi dan majoriti ahli adalah pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

Peranan dan tanggungjawab utama AC adalah untuk memantau dan menilai keberkesanan kawalan dalaman dan memastikan penyata kewangan mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia.

TERMA RUJUKAN

AC dikawal oleh terma rujukannya, semakan terkini yang telah diterima pakai oleh Lembaga Pengarah pada November 2021. Lembaga Pengarah mesti meluluskan pelantikan ahli Jawatankuasa dan Pengerusi Jawatankuasa. Ahli AC tidak dibenarkan melantik ahli ganti.

AC mempunyai kuasa untuk:

- i. Menyasiat sebarang perkara dalam Terma Rujukannya;
- ii. Mempunyai akses penuh dan tidak terhad kepada sebarang maklumat dan dokumen atau sumber tentang Kumpulan PNB;
- iii. Mempunyai saluran komunikasi terus dengan juruaudit dalaman dan luaran atau kedua-duanya, tanpa kehadiran pengarah eksekutif dan kakitangan Kumpulan PNB yang lain apabila difikirkan perlu;
- iv. Mempunyai kuasa untuk mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan daripada mana-mana pekerja Kumpulan PNB dan semua pekerja diarahkan untuk bekerjasama dengan sebarang permintaan yang dibuat oleh AC;
- v. Mempunyai kuasa untuk membentuk dan mewakili kuasa kepada Jawatankuasa kecil, yang tertakluk kepada terma rujukannya sendiri seperti yang diluluskan oleh AC;
- vi. Boleh mendapatkan, atas perbelanjaan PNB, nasihat undang-undang luar atau nasihat profesional bebas lain yang difikirkan perlu; dan
- vii. Mendapatkan sumber (iaitu kakitangan dan bahan-bahan) untuk melaksanakan tugasnya seperti yang ditetapkan dalam Terma Rujukan ini.

Tugas dan tanggungjawab AC termasuk yang berikut:

a) Pelaporan Kewangan

- i. Memastikan pelaporan yang adil dan telus serta penerbitan segera penyata kewangan;
- ii. Fahami kaedah yang digunakan untuk mengambil kira sebarang urusan niaga yang rumit dan luar biasa yang layanan mereka mungkin terbuka kepada pendekatan yang berbeza dan sebarang isu dasar perakaunan yang penting, atau pelarasan audit yang disyorkan oleh juruaudit luar (yang dipersetujui oleh Pengurusan Kanan Kumpulan PNB dan yang diketepikan);
- iii. Menilai kedudukan atau keadaan kewangan PNB dan mempertimbangkan persoalan usaha berterusan;
- iv. Menyemak penyata kewangan interim (keputusan setengah tahun) dan akhir tahun, sebelum kelulusan Lembaga Pengarah; dan
- v. Memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah mengenai kualiti dan kebolehpercayaan maklumat kewangan yang digunakan oleh Lembaga Pengarah dan maklumat kewangan yang dikeluarkan secara terbuka oleh Kumpulan PNB.

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

b) Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

- i. Mengkaji kecukupan dan keberkesanan penubuhan dan pelaksanaan pengurusan risiko, kawalan dalaman, pencegahan rasuah, pemberi maklumat, dan proses tadbir urus Kumpulan PNB berdasarkan laporan audit yang disediakan oleh Jabatan Asurans Dalam (IAD) syarikat;
- ii. Mengkaji kecukupan pendedahan Tadbir Urus Korporat mengenai penyediaan Laporan Tahunan Kumpulan PNB, sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah; dan
- iii. Mengkaji pendapat pihak ketiga mengenai reka bentuk dan keberkesanan rangka kerja kawalan dalaman Kumpulan PNB.

c) Audit Dalaman

- i. Menyemak, meluluskan dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah apabila diperlukan berkaitan pelan audit, laporan audit, piagam audit, pelantikan, imbuhan, penilaian prestasi, penyingkiran dan penempatan semula Ketua IAD;
- ii. Menyemak dan meluluskan prestasi dan keberkesanan fungsi audit dalaman setiap tahun;
- iii. Mengambil maklum mengenai perbezaan pendapat ketara yang berlaku di antara Ketua IAD dan Pengurusan Kanan Kumpulan PNB, tanpa mengambil kira sama ada isu tersebut telah pun selesai, untuk mengenal pasti sebarang impak akibat situasi tersebut terhadap proses atau hasil audit; dan
- iv. Mengkaji Kualiti ISO Audit Dalaman dan hasil audit pihak ketiga dan memastikan langkah-langkah pembetulan diambil untuk pelaksanaan berkesan sistem pengurusan kualiti Kumpulan.

d) Audit Luaran

- i. Menyemak, melulus dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai perancangan audit, laporan audit, sistem kawalan dalaman, fi audit, pelantikan atau pelantikan semula, peletakan jawatan dan pemecatan juruaudit luar; dan
- ii. Menilai dan memantau prestasi, kesesuaian, objektiviti dan kebebasan juruaudit luar.

e) Transaksi Pihak Berkaitan

Menyemak dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah sebarang Transaksi Pihak Berkaitan dan situasi konflik kepentingan yang mungkin berlaku dalam PNB dan/atau Kumpulan PNB, termasuk sebarang transaksi, prosedur atau tindakan yang menimbulkan persoalan mengenai tadbir urus korporat dan integriti Pengurusan Kumpulan.

Fungsi lain Jawatankuasa

- a) Untuk berbincang dengan Timbalan Presiden & Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (GCFO) PNB tentang perkara berikut:
 - kualiti dan keberkesanan dasar perakaunan sedia ada;
 - pelaksanaan cadangan yang dibuat oleh juruaudit luar;
 - kawalan dalaman dan prosedur;
 - peruntukan yang perlu dibuat atau dihapus kira ke atas pelaburan dan aset tetap; dan
 - perkara lain yang dibangkitkan sama ada oleh AC atau Timbalan Presiden & GCFO PNB.
- b) Untuk memantau kawalan bagi memastikan pematuhan kepada dasar korporat dan untuk mencegah atau mengawal konflik kepentingan yang ketara di pihak Pengurusan Kanan atau kakitangan lain Kumpulan PNB;
- c) Untuk memantau pematuhan kod korporat atau dasar yang mengawal tingkah laku etika pekerja dalam aktiviti perniagaan;
- d) Untuk mempertimbangkan sebarang semakan atau penyiasatan khas mengenai apa-apa perkara yang dianggap perlu dalam Tema Rujukan oleh Lembaga Pengarah;
- e) Untuk memastikan penyelarasan antara juruaudit dalaman dan luaran;
- f) Untuk menyemak sebarang laporan lain yang dikeluarkan oleh Kumpulan, yang berkaitan dengan tanggungjawab AC.

AKTIVITI-AKTIVITI

Sebanyak dua belas (12) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun dalam kajian. Butiran kehadiran mesyuarat dinyatakan di bawah:

Pengerusi	
12/12	Datuk Mohd. Anwar Yahya <i>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</i>
Members	
11/12	Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood <i>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</i>
12/12	Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani <i>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</i>
12/12	Datu Haji Soedirman Haji Aini <i>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</i>

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

PGCE, Timbalan Presiden & Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan Ketua Asurans Dalamam Kumpulan adalah jemputan tetap dan menghadiri mesyuarat AC untuk memberi taklimat dan penjelasan kepada Jawatankuasa mengenai bidang tanggungjawab mereka. Ahli Pengurusan lain juga dijemput ke agenda khusus untuk menyokong perbincangan terperinci semasa mesyuarat Jawatankuasa.

Juruaudit luar dijemput untuk menghadiri mesyuarat AC bagi membincangkan dan menyemak penyata kewangan tahunan PNB, ASNB dan dana amanah sahamnya serta Kumpulan PNB yang telah diaudit.

RINGKASAN AKTIVITI JAWATANKUASA AUDIT

Sepanjang tahun yang ditinjau, dalam melaksanakan tugas dan fungsinya, AC telah menjalankan aktiviti berikut:

Pelaporan Kewangan:

- i. Menyemak laporan tahunan dan laporan interim dana unit amanah sebelum membentangkannya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalamam:

- i. Menyemak Pendedahan Tadbir Urus Korporat yang merangkumi Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalamam, Penyata Pematuhan dan Integriti Korporat, Laporan Jawatankuasa Audit dan Laporan Jawatankuasa Penasihat Syariah berhubung penyediaan Laporan Tahunan PNB 2021, sebelum kelulusan oleh Lembaga Pengarah.

Audit Luaran:

- i. Menyemak dan meluluskan Perancangan Audit bagi Kumpulan Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB);
- ii. Menyemak dan memantau kandungan surat pengurusan juruaudit luar, untuk menilai sama ada ia berdasarkan pemahaman yang baik tentang perniagaan syarikat dan menentukan sama ada syor-syor tindakan telah diambil dan memahami sebab-sebab sekiranya tindakan belum diambil;
- iii. Menyemak penyata kewangan teraudit juruaudit luar, isu-isu audit dan perkara berbangkit bagi Kumpulan PNB; dan
- iv. Mengkaji prestasi, kebebasan dan fi juruaudit luar.

Audit Dalamam:

- i. Menyemak dan meluluskan Pelan Audit Tahunan IAD 2022 dan kecukupan sumber;
- ii. Menyemak laporan audit dalamam dan memastikan pelan tindakan yang dipersetujui telah dilaksanakan oleh Pengurusan dengan berkesan dan tepat pada masanya;
- iii. Menilai kualiti audit dalamam yang dilakukan pada tahun 2022;
- iv. Menyemak hasil kajiselidik maklum balas pasca audit; dan
- v. Menyemak dan meluluskan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama untuk 2021 dan Cadangan Penunjuk Prestasi Utama untuk 2022.

Jabatan Asurans Dalamam

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, Jawatankuasa Audit dibantu oleh Jabatan Asurans Dalamam (IAD). IAD terdiri daripada 34 kakitangan, yang diasingkan kepada enam unit seperti di bawah:

1. PNB dan Anak Syarikat

Bertanggungjawab terhadap pelaksanaan tugas audit dalamam bagi operasi PNB, iaitu Kewangan Kumpulan, Perolehan, Modal Insan, Hartanah dan anak syarikat PNB iaitu Attana Hotels and Resorts Sdn. Bhd., Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd (Prolintas), Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (PHNB), dan PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad.

2. Pelaburan

Bertanggungjawab ke atas pelaksanaan tugas audit dalamam untuk unit-unit perniagaan berkaitan pelaburan (Perumpukan Aset Strategik, Pelaburan Ekuiti Awam, Pelaburan Persendirian, Pelaburan Pendapatan Tetap, Pelaburan Strategik, Pelaburan Hartanah) dan Tadbir Urus (Pematuhan, AML/CFT, Perbendaharaan, Pengurusan Risiko, Syariah).

3. Unit Amanah

Bertanggungjawab ke atas pelaksanaan tugas audit dalamam untuk operasi atau fungsi ASNB dan operasi cawangan ASNB.

4. Teknologi Maklumat (IT)

Bertanggungjawab ke atas pelaksanaan tugas audit dalamam untuk audit IT ke atas PNB, ASNB dan anak syarikat PNB, pengesahan pengagihan pendapatan dan inisiatif pembangunan sistem yang dilaksanakan oleh PNB dan anak syarikat.

5. Audit Kualiti Dalamam (IQA)

Bertanggungjawab ke atas pelaksanaan audit sistem pengurusan kualiti QMS ISO 9001, QMS MS 1900 berlandaskan Syariah dan audit sistem pengurusan antirasuah ISO 37001 ABMS untuk unit dan entiti perniagaan yang diperakui iaitu, PNB, ASNB, Pasaran Awam & bidang berkaitan, Operasi Hartanah & Harta, Perdana Kuala Lumpur City Centre, Perdana Kota Bharu, Villea Rompin Resort & Golf, Espira Kinrara dan Attana Golf Sdn. Bhd.

6. Jaminan Kualiti dan Projek Khas

Bertanggungjawab ke atas jaminan kualiti laporan audit dalamam kepada Pengurusan dan Jawatankuasa Audit dan pelaksanaan aktiviti audit bukan teras dan projek khas untuk Jabatan.

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

Ringkasan Aktiviti dan Inisiatif IAD

Sepanjang tahun dalam tinjauan, IAD telah menyelesaikan sejumlah 127 tugasan audit dalaman dan audit kualiti dalaman, seperti yang dirancang. Ini diringkaskan seperti berikut:

I. Audit proses perniagaan ke atas:

- Fungsi seperti Pematuhan, Unit Amanah, Perbendaharaan, Perumpukan Aset Strategik, Operasi Pasaran Ekuiti, Pelan Pembiayaan Luar Jangka, Hartanah PNB UK, Pengurusan Syariah, Integriti, Pengurusan Risiko, Komunikasi, Pembangunan Sumber Manusia dan Pengurusan Kemudahan;
- Operasi anak syarikat seperti Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (PHNB), PNB Development, Attana Hotels and Resorts Sdn. Bhd., Perdana Kota Bharu, PNB (UK) Ltd;
- Operasi cawangan ASNB;
- Proses Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan di PNB dan ASNB; dan
- Kajian Pematuhan Tahunan Persekutuan Pengurus-pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) ke atas ASNB.

II. Audit IT ke atas:

- Ujian Simulasi Pemulihan Bencana (DR) 1/2022 dan 2/2022;
- Keselamatan Peranti Mudah Alih;
- Penandaarasan IT;
- Pengesahan Kelayakan Dalam Talian myASNB;
- Penilaian ke atas Dasar Bahagian Teknologi;
- Keselamatan siber anak-anak syarikat terpilih PNB;
- Agihan Pendapatan untuk 16 dana unit amanah ASNB; dan
- Sistem Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan di PNB dan ASNB.

III. Susulan:

- Susulan terhadap laporan yang dikeluarkan sebelum tahun 2022.

IV. Pengiraan Mengejut Tunai:

- Cawangan ASNB; dan
- Hotel di bawah Attana Hotels and Resorts Sdn. Bhd.

V. Kawalan Penilaian Kendiri:

- Cawangan ASNB; dan
- Attana Hotels and Resorts Sdn. Bhd.

VI. Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ke atas:

- Bahagian Hartanah dan Operasi Harta PNB;
- Pasaran Awam dan Bidang Berkaitan PNB (PMRA);
- ASNB;
- Perdana Kuala Lumpur City Centre;
- Perdana Kota Bharu;
- Villea Rompin Resort and Golf;
- Espira Kinrara;
- Attana Golf Sdn. Bhd.

VII. Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) ke atas:

- PNB; dan
- ASNB.

VIII. Semakan Khas:

- Melakukan semakan khas yang diminta oleh Pengurusan.

IX. Tugas-tugas bukan audit:

- Menghadiri aktiviti tender sebagai pemerhati;
- Mengesahkan pelupusan aset tetap oleh Jabatan Perolehan;
- Mengesahkan dokumentasi pemohon PNB Development Value Homes; dan
- Mengesahkan kuiz ASNB dan acara Kumpulan PNB.

Inisiatif utama lain yang dijalankan termasuk pensijilan untuk semua kakitangan IAD:

- Enam (6) juruaudit telah melengkapkan dan diperakui dengan Sijil Profesional INCEIF dalam Kewangan Islam (Audit dan Pematuhan Syariah);
- Dua (2) juruaudit telah melengkapkan dan memperoleh pensijilan dalam Certified CyberSecurity Foundation + Practitioner;
- Seorang (1) juruaudit telah memperoleh pensijilan Certified CyberSecurity Specialist (CSS);
- Sebelas (11) juruaudit sedang mengikuti pensijilan Certified Fraud Examiner (CFE);
- Menganjurkan Minggu Integriti, Risiko, Asurans dan Pematuhan (iRAC) 2022 yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan tadbir urus di seluruh Kumpulan PNB. Inisiatif ini dengan kerjasama Jabatan Pengurusan Risiko, Pematuhan dan Integriti; dan
- Menyelesaikan fasa 1 projek Sistem Pengurusan Audit, yang bertujuan untuk mengautomasikan proses audit daripada penilaian risiko perancangan audit tahunan, penjadualan audit, pengurusan projek, analisis dan pelaporan.

Pada 2023, IAD merancang untuk menjalankan 126 audit dalaman dan tugasan audit kualiti dalaman, yang terdiri daripada audit proses perniagaan, audit IT, susulan, Pengiraan Mengejut Tunai, Kawalan Penilaian Kendiri dan Audit Sistem Pengurusan Kualiti.

Inisiatif utama lain yang sedang berjalan dan dirancang termasuk:

- Kawalan Penilaian Kendiri (CSA), Analitik Data, Program Juruaudit Jemputan dan Khidmat Nasihat. Semua inisiatif ini akan dilaksanakan secara berterusan dengan diperhalusi secara beransur-ansur apabila dan ketika perlu untuk bertindak balas secara berkesan terhadap perubahan landskap perniagaan dan risiko;
- Fasa 2 projek Sistem Pengurusan Audit Dalaman;
- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan melalui latihan dalam bidang Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), Syariah, metodologi audit ACL dan pensijilan profesional seperti Certified Fraud Examiner (CFE) dan Certified Information Systems Auditor (CISA); dan
- Menganjurkan Minggu Integriti, Risiko, Asurans dan Pematuhan (iRAC) tahunan 2023.

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH

KOMPOSISI

Jawatankuasa Penasihat Syariah (SAC) ditubuhkan untuk memberi nasihat serta pendapat dan panduan mengenai perkara-perkara berkaitan isu pematuhan Syariah bagi pelaburan yang dibuat oleh PNB, dan membantu PNB untuk sentiasa mematuhi prinsip Syariah. SAC bersidang setiap suku tahun untuk menyemak "Status Kepatuhan Syariah Pelaburan PNB dan Unit Dana Amanah" dan membincangkan serta meluluskan cadangan mengikut keperluan Syariah.

Jawatankuasa Penasihat Syariah (SAC) terdiri daripada ahli-ahli berikut:

Pengerusi

4/4

Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Ahli

3/4

Dato' (Dr.) Haji Nooh Gadot
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

3/4

Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid
*Meninggal dunia pada 17 Jun 2023
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

4/4

SS. Dato' Haji Mohamad Shukri Mohamad (Dato' Kaya Perba)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

4/4

Dr. Aida Othman
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

4/4

Wan Abdul Rahim Kamil Wan Mohamed Ali
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

4/4

Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Kehadiran

KOMITMEN SAC

PNB berusaha untuk mendukung prinsip Syariah dalam setiap aspek operasi dan aktiviti perniagaannya melalui penambahbaikan berterusan keperluan pematuhan Syariah di PNB. Selepas memperoleh fatwa "Harus" daripada semua Majlis Fatwa Negeri untuk semua produk unit amanah pada tahun 2017, PNB terus memberi tumpuan kepada inisiatif Syariah yang lebih luas untuk memupuk landskap Pengurusan Syariah di PNB pada tahun 2022.

PENSIJILAN SAC

SAC PNB dengan ini memperakui bahawa produk (seperti yang disenaraikan di bawah) yang diuruskan oleh ASNB, sebuah syarikat pengurusan dana unit amanah yang dimiliki sepenuhnya oleh PNB, adalah patuh Syariah dan semua keperluan patuh Syariah telah dilaksanakan mengikut kawalan pematuhan Syariah dalaman PNB yang diluluskan oleh SAC PNB.

Dana Harga Tetap

Nama Dana

- Amanah Saham Bumiputera (ASB)
- Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2)
- Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik)
- Amanah Saham Malaysia (ASM)
- Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan (ASM 2 Wawasan)
- Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3)

Dana Harga Berubah

Nama Dana

- Amanah Saham Nasional (ASN)
- ASN Equity 2
- ASN Equity 3
- ASN Equity 5
- ASN Equity Global
- ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 1 (ASN Imbang 1)
- ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 2 (ASN Imbang 2)
- ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global (ASN Imbang 3 Global)
- ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 1 (ASN Sara 1)
- ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 1 (ASN Sara 1)

Laporan suku tahunan dijana berdasarkan maklumat yang diberikan dan didedahkan kepada ahli SAC bertajuk "Status Kepatuhan Syariah Pelaburan PNB dan Dana Unit Amanah ASNB" semasa mesyuarat SAC yang diadakan pada tahun 2022 seperti berikut:

1
9 Februari 2022

2
12 April 2022

3
21 Julai 2022

4
31 Oktober 2022

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

INISIATIF SYARIAH 2022

PNB bersemangat untuk bergerak ke hadapan dengan pencapaian yang lebih cemerlang dengan memulakan pelbagai langkah Syariah yang bertujuan untuk mengukuhkan pematuhan Syariah yang komprehensif dan untuk memastikan integriti dan kesinambungan industri pelaburan Islam di Malaysia. Berpandukan objektif ini, syarikat komited untuk menjana pulangan yang mampan untuk pemegang kepentingannya dan pada masa yang sama secara proaktif memainkan peranan dalam mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap operasi pelaburan yang patuh Syariah.

1. Komitmen Berterusan terhadap Pelaburan Patuh Syariah mengikut Metodologi Penyaringan Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Metodologi Penyaringan Maqasid Al-Syariah PNB

PNB mendukung prinsip Syariah dalam setiap aspek operasi dan aktiviti perniagaannya melalui penciptaan dan peningkatan keperluan patuh Syariah dalam syarikat. PNB komited dalam menjana pulangan yang mampan untuk pihak berkepentingan di samping menjaga amanah orang awam pada masa yang sama dengan memastikan semua dana unit amanah ASNB kekal patuh Syariah mengikut prinsip Syariah dan metodologi penyaringan Maqasid Al-Syariah yang telah diluluskan oleh PNB SAC. Semua dana telah diklasifikasikan sebagai "Harus" oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan semua Jawatankuasa Fatwa negeri di Malaysia.

Dalam tahun yang ditinjau, pelaburan PNB telah berjaya mengekalkan status patuh Syariah, menurut metodologi saringan Syariah SC dengan melebihi 77% sejak 2021. Sementara itu, baki 23% daripada jumlah pelaburan syarikat adalah patuh Syariah mengikut metodologi penyaringan Maqasid Al-Syariah syarikat. Pencapaian ini mengukuhkan kedudukan PNB sebagai syarikat pelaburan yang dipercayai dengan produk patuh Syariah serta membantu dalam menggalakkan kestabilan dan pertumbuhan industri pelaburan Islam di Malaysia.

2. Keterlibatan Korporat

Komitmen PNB terhadap keterlibatan pihak berkepentingan dibina berdasarkan pemahaman bahawa perkongsian pengetahuan, meluaskan pengalaman dan mengamalkan minda untuk belajar akan membantu syarikat memahami keperluan komuniti pelabur Islam serta mengukur impak programnya dan seterusnya melakukan penambahbaikan yang diperlukan.

PNB terlibat secara aktif dengan semua pihak berkepentingan termasuk badan kawal selia, institusi agama negeri, agensi kerajaan, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), dan institusi berkaitan lain untuk mendalami pemahaman tentang keperluan pemegang kepentingan masing-masing bagi meningkatkan lagi produk patuh Syariahnya.

Antara sesi keterlibatan yang diadakan pada tahun 2022:

a) Badan kawal selia dan institusi agama Negeri:	1) Jabatan Mufti Selangor 2) Wakaf Pulau Pinang 3) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) 4) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 5) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) 6) Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) 7) Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) 8) Yayasan Wakaf Malaysia (YWM)
b) Agensi kerajaan, GLIC, Institusi Kewangan dan persatuan lain:	1) Bank Islam Malaysia Berhad 2) Affin Islamic Bank Berhad 3) Hong Leong Islamic Bank 4) CIMB Islamic Bank 5) Bank Pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank) 6) Petronas 7) Pembangunan Sumber Manusia 8) Lembaga Tabung Haji 9) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 10) Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam (ASAS)
c) Institusi pengajian tinggi:	1) Universiti Teknologi MARA (UiTM) 2) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 3) Kolej Yayasan Pahang-Yarmouk University 4) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM)

PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

3. Mengukuhkan MoU dengan UiTM

Susulan Memorandum Persefahaman (MoU) PNB bersama Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 2020 untuk melahirkan kerjasama pintar dalam aspek antara disiplin dan merentas disiplin, PNB menganjurkan satu siri program kesedaran Maqasid Al-Syariah dalam talian terutamanya di kampus UiTM Shah Alam serta kampus UiTM seluruh negara.

4. Penajaan untuk Memperkukuh Pengajian Islam Kontemporari

Selaras dengan komitmen Syariah PNB untuk menyokong pembangunan industri kewangan Islam di Malaysia, tajaan syarikat adalah seperti berikut:

Program	Deskripsi
<p>1) Persidangan Antarabangsa ASEAN mengenai Kewangan Islam (AICIF) ke-10 2022</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dihoskan oleh Institut Perbankan dan Kewangan Islam IIUM (IIBF) 	<p>Acara tahunan bertujuan menyediakan platform kepada semua pihak berkepentingan yang berkaitan dalam kewangan Islam untuk membincangkan dan menilai keadaan semasa kewangan Islam serta menengahkan isu dan cabaran dalam industri hari ini.</p>
<p>2) Persidangan Antarabangsa Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam ke-5 (ZAWFI 2022)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dihoskan oleh Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Malaysia 	<p>Persidangan itu diadakan untuk mencapai beberapa objektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti isu-isu yang berkaitan dengan Hibah dan filantropi umat Islam di peringkat tempatan dan antarabangsa; • Berkongsi pengetahuan dan dapatan kajian akademik; dan • Mewujudkan peluang rangkaian serta mengukuhkan kerjasama antara universiti, institusi agama dan industri.

5. Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah PNB (PNB SGF)

